

"SEMUA anggota Perkhidmatan Awam adalah mekanisme kerajaan. Sebab itulah, selaku mekanisme ia perlu telus, gigih, amanah dan berfikir maju. Mekanisme yang tidak memiliki ciri-ciri ini adalah mekanisme yang lapok yang sudah ketinggalan zaman." - Titah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 pada 4 Oktober 2003.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARIPADA Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa yang membantu saudaranya dengan satu bantuan. Kemudian dia diberi hadiah atas bantuannya lalu diterimanya, maka dia telah mendatangi satu pintu besar daripada pintu-pintu riba." - Hadis riwayat Abu Daud.

TAHUN 49 BILANGAN 40

RABU 6 OKTOBER 2004/1425

رَبو 21 شعبان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa pindaan-pindaan ke atas Perlembagaan akan menjadi asas yang lebih kuat untuk memenuhi wawasan baginda terhadap negara ini.

Dengannya, titah baginda, Negara Brunei Darussalam dapat diterajui menuju ke satu hala yang mantap dan berkeupayaan yang sebenar-benarnya. Pada waktu yang sama, titah baginda lagi, Perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundangan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara yang mana perkara sedemikian menurut baginda akan lebih mengukuhkan sistem kerajaan serta perpaduan di antara kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 di Dewan Lapau di ibu negara pagi ini.

Menyentuh mengenai kepentingan rakyat dan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menyatakan hasrat baginda yang murni.

"Bagi kepentingan negara dan rakyat, beta sangatlah berhasrat untuk memperkenalkan struktur perundangan yang formal di mana dengan ini Jawatankuasa Meneliti Semula Perlembagaan 1959 telah mencadangkan beberapa perubahan terhadap Perlembagaan."

Baginda seterusnya bertitah, bahawa Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Negara sebulat suara berpendapat bahawa pindaan-pindaan berkenaan adalah mampu untuk mencerminkan kedudukan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang telah diamalkan sejak 600 tahun yang lalu.

Berhubung usaha memajukan negara, baginda

Oleh Haji Dayang HK dan Abdullah Asgar

bertitah, keadaan tahap ekonomi yang cukup baik yang telah dicapai oleh negara ketika ini adalah belum memadai. Sebagai sebuah bangsa yang memang suka bekerja keras dan mempunyai kebolehan, cita-cita serta keupayaan, kita mestilah sanggup berkorban dan bekerja lebih kuat demi masa depan yang gemilang khususnya bagi generasi yang akan datang. Perlembagaan berkenaan boleh membantu kita untuk menuju kegemilangan tersebut.

Dalam mengimbas kembali sejarah Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, bahawa pada 45 tahun yang lalu, ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah mengisytiharkan Perlembagaan tersebut atas nama baginda dan bagi pihak pengganti baginda. Baginda juga bertitah menyanjung dan menghargai usaha yang telah dibuat oleh orang-orang tua kita.

ASAS LEBIH KUAT UNTUK MEMENUHI WAWASAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menandatangani Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004.

Lihat muka 5

Berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Singapura

Oleh Haji Ahat HI

pura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Rombongan Perdana Menteri Republik Singapura yang mengadakan lawatan sehari ke negara ini termasuklah Menteri Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama George Yeo; Menteri Per-

tahanan, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.

Di Majlis Mengadap itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Singapura telah mengadakan perjumpaan empat mata.

Semasa perjumpaan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Republik Singapura membincangkan isu-isu dua hala antara kedua-dua buah negara.

Lihat muka 4



BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Singa-

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, di Istana Nurul Iman (kiri). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Tingkatkan kerja keras menyekat gejala negatif

- Muka 2

JPKE kendalikan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2005

- Muka 3

Melirik Masa Silam: Ting-Ting Kepala Tikus, Usin Satu Sen Jadi Seratus

- Muka 6

Akidah penting dijaga

- Muka 7

Titah Kebawah DYMM bernas, mengandungi hikmat, visi luas

- Muka 10

Suara dan fikiran rakyat perlu didengar

- Muka 12

Majlis Mesyuarat Negara 'Wadah mengadun fikiran dan permuafakatan'

- Muka 2 ANEKA

TAHUKAH AWDA

MESYUARAT Asia-Eropah (ASEM) merupakan proses dialog dan kerjasama tidak formal yang dimulakan dalam tahun 1996. Setakat ini ASEM dianggotai 15 anggota Kesatuan Eropah (EU), Suruhanjaya Eropah (EC) dan 10 buah negara Asia (Negara Brunei Darussalam, Republik Rakyat China, Indonesia, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam). Selaras dengan pertambahan keanggotaan EU dalam bulan Mei 2004 dan kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar ke dalam ASEAN, Sidang Kemuncak ASEM Ke-5 (ASEM 5) di Hanoi pada 8 hingga 9 Oktober 2004, akan menyaksikan penyertaan 16 buah anggota baru EU dan tiga buah anggota ASEAN ke dalam mesyuarat dwi tahunan itu. Dialog ASEM meliputi isu-isu politik, ekonomi dan kebudayaan yang bertujuan mengukuhkan hubungan antara kedua buah rantau dalam semangat saling hormat-menghormati dan perkongsian yang sama. - Sumber: http://europa.eu.int/comm/external_relations/asean/asean_process/backg_process.htm.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا
مُؤْمَرُهُ دَانَ مَهَا فَيَاغِ

Dari Sidang Pengarang

6 OKTOBER 2004 BERSAMAAN 1425 21 شعبان

PEMASYHURAN PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004 KE ARAH BRUNEI YANG LEBIH MANTAP

HARI Rabu, 29 September 2004 menjadi satu lagi catatan sejarah yang amat penting bagi Negara Brunei Darussalam. Majlis Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 telah berlangsung penuh adat-istiadat di Dewan Lapau di ibu negara. Tanggal 29 September tetap menjadi 'keramat' kepada negara kerana pada tarikh inilah juga Perlembagaan Negara Brunei Darussalam diisytiharkan. Sejarah manis dan penting bagi negara kita tetap akan menjadi ristaan sepanjang zaman. Sejarah ini tercatat tidak sampai seminggu apabila Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula pada 25 September lalu selepas hampir 21 tahun ditadbirkan. Kedua-dua sejarah ini terpahat dalam tinta sejarah tanah air yang akan tetap mengukir kenangan yang amat bermakna terhadap bangsa dan negara.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala atas kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemasyhuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 telah dapat disempurnakan. Baginda sendiri telah berkenan menandatangani pemasyhuran itu. Peristiwa bersejarah ini berlaku selepas 45 tahun berlalu yang telah diisytiharkan oleh ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 29 September 1959. Peristiwa tahun 1959 telah memberikan kita mencapai pemerintahan sendiri. Dan dengan kewibawaan raja kita, negara telah mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984. Dengan pindaan-pindaan tersebut, Perlembagaan akan menjadi asas yang lebih kuat untuk memenuhi wawasan baginda terhadap negara ini.

Perlembagaan ini boleh membantu bangsa Brunei untuk menuju ke arah kegemilangan. Dalam pada itu, Perlembagaan juga akan menyediakan peluang-peluang yang begitu banyak kepada seluruh lapisan rakyat untuk melibatkan diri dalam perundangan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara. Dalam hal ini, kita perlu bersyukur dan berterima kasih kepada orang-orang tua kita yang telah bekerja keras dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan semua hak menentukan masa depan kita sendiri. Hasil perjuangan mereka yang adil dan suci serta keazaman mereka untuk mewujudkan pemerintahan sendiri.

Perubahan terhadap Perlembagaan disempurnakan oleh satu jawatankuasa yang dibentuk atas titah baginda sendiri. Hasil daripada perbincangan dan permuakazaran Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Negara telah sebulat suara berpendapat bahawa pindaan-pindaan berkenaan adalah mampu untuk mencerminkan kedudukan kita sebagai negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang telah kita amalkan semenjak 600 tahun lalu. Martabat bangsa telah dapat dijulung. Pembangunan dan kemajuan negara terus berpacu dengan hebat.

Kesejahteraan dan keselamatan terus kita nikmati dengan jayanya. Walau bagaimanapun masih terluar banyak kerja-kerja yang perlu diselesaikan. Dalam erti kata yang lain, perjuangan belum selesai walaupun kita telah mencapai beberapa kejayaan.

Dalam hubungan ini, elok kita renung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Pemasyhuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang antara lain bertitah, "Masih banyak lagi yang mahu dilakukan. Kita adalah bangsa yang mempunyai kebolehan, cita-cita dan keupayaan. Kita mesti sanggup berkorban dan bekerja lebih kuat demi masa depan yang lebih gemilang khasnya bagi generasi yang akan datang." Titah baginda sesungguhnya satu amanat yang begitu besar untuk kita laksanakan. Baginda menaruh harapan dan kepercayaan penuh terhadap bangsa Brunei untuk membangun bangsa dan negara sendiri. Kerana kita perlu ingat tidak ada orang lain yang akan memajukan kita selain kita yang menghuni bumi bertuah ini. Nasihat baginda ini perlu kita jadikan inspirasi dalam kita memajukan kegemilangan Brunei di era globalisasi ini.

Baginda sendiri terus prihatin dari tidak kendur-kendurnya bekerja keras untuk membangun masa depan negara. Baginda sendiri akan terus mengamalkan 'mesra rakyat' dengan meneruskan perjuangan demi perjumpaan bersama rakyat melalui cara tradisi kita. Tradisi yang telah berjalan sekian lama yang menjadi tali pengikat kepada hubungan yang sangat baik dan istimewa di antara raja dan rakyat. Dalam pada itu, baginda telah menyeru agar rakyat berdiri teguh menentang sebarang percubaan untuk mengugut kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Perkara ini amat mustahak, kerana tanpa adanya keamanan dan kestabilan, negara tidak akan maju malah menjadi kucar-kacir dan kacau-bilau.

Sebagai kesimpulannya, Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 tetap memberikan kekuatan yang seterusnya dalam menentukan masa depan Brunei yang lebih cemerlang dan gemilang. Sesungguhnya pemasyhuran yang ditandatangani itu akan meletakkan kedudukan negara kita di persada antarabangsa yang lebih mantap dan berkeupayaan sebenar-benarnya. Oleh yang demikian marilah kita sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta sentiasa pula memastikan kestabilan yang dinikmati selama ini akan terus berkekalan sepanjang masa. Amin.

HALUAN...

TINGKATKAN KERJA KERAS MENYEKAT GEJALA NEGATIF

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil
'Aalameen, Wabi-
hee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihiee Wasah-
bihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita menghadiri Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-14 pada pagi ini.

Dalam rentak kehidupan sekarang, cabaran adalah silih berganti. Ia datang dalam bermacam bentuk dan dari pelbagai arah. Sebahagiannya tidak diduga.

Begitu juga salurannya dari pelbagai sumber yang tidak terlintas sebelum ini. Semua cabaran itu memerlukan perhatian dan tindakan. Antaranya yang paling kritikal ialah isu sosial di kalangan generasi muda, termasuk anak-anak kita yang masih di bangku sekolah.

Isu sosial melanda seluruh dunia. Hanya yang membezakannya ialah

kecil atau besarnya masalah itu.

Globalisasi telah membawa bersama-samanya pelbagai bentuk budaya, dari yang positif sampai kepada yang negatif. Dengan tidak perlu bersusah payah, kita semua telah pun dapat mengenali apa-apa yang negatif itu. Namun setakat pengenalan sahaja belum cukup untuk menolaknya.

Kita perlu meningkatkan kerja keras untuk hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita menghadiri Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Melayu Islam Beraja.

Beta melihat, globalisasi kadang-kadang menjelma dengan wajahnya yang indah, tetapi di masa yang sama juga, ia menjadi pemusnah kepada tamadun yang baik. Umpamanya sahaja di segi pergaulan dan pakaian, ramai orang meniru perkara-perkara yang tidak senonoh, tetapi sebaliknya menolak apa-apa yang dianggap paling berkualiti dan terbaik. Ini semua dibuat atas nama kemodenan dan globalisasi.

Apakah globalisasi itu? Pada kita, globalisasi bukanlah tiket untuk membelakangi agama dan nilai-

APAKAH globalisasi itu? Pada kita, globalisasi bukanlah tiket untuk membelakangi agama dan nilai-nilai murni. Globalisasi hanyalah wadah ke arah memperolehi sesuatu yang baru, tetapi tidak bermakna semua yang baru itu mesti membawa kepada kebaikan.

nilai murni. Globalisasi hanyalah wadah ke arah memperolehi sesuatu yang baru, tetapi tidak bermakna semua yang baru itu mesti membawa kepada kebaikan.

Kita perlu berpegang kepada identiti sendiri, di samping tidak pula menyempitkan ruang ke arah kemajuan. Yang penting bagi kita ialah mengawal kemajuan itu, supaya jangan sampai menumpukan sensitiviti bangsa.

Manakala sifat cemburu telah tiada, maka itulah puncanya segala pengaruh akan mudah memasuki kita dan sekali gus mengumbang-ambingkan kita.

Di sinilah peranan pendidikan, iaitu untuk mengekalkan kewibawaan, agar bangsa tidak dapat dikotak-katikan serta tidak mudah untuk di-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 8 Syaaban 1425/23 September 2004.

masa depan negaranya dengan penuh cemas, bukan dengan mimpi-mimpi indah yang tidak keruan.

Gejala-gejala sosial yang melibatkan masyarakat, boleh merosakkan minda-minda mereka yang sihat serta bakat-bakat semula jadi mereka. Padahal minda dan bakat itu adalah dua aset termahal kurnia daripada Allah.

Cuba kita perhatikan, berapa ramai pelajar atau belia yang terlibat dengan gejala-gejala sosial, di manakah mereka jika bukan di lubuk-lubuk masa depan yang gelap? Sebab, mereka sebenarnya telah tidak lagi memiliki minda-minda besar yang sihat dan bakat-bakat yang baik.

Perkara ini, sayugianya diambil berat oleh masyarakat, terutama oleh para guru dan ibu bapa, jangan hendaknya kita sampai ketandusan pelajar-pelajar dan belia-belia yang berkualiti.

Untuk akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada guru-guru yang terpilih menerima anugerah mereka pada tahun ini.

Sekian, Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassala-mualaikum Warahmatul-lahi Wabarakatuh.

Persefahaman erat sentiasa terjalin antara Brunei - China

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Hu Jintao, Presiden Republik Rakyat China bersempena Hari Kebangsaan Republik Rakyat China.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak beberapa tahun yang lalu. Baginda seterusnya percaya semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Presiden Hu Jintao, Presiden Republik Rakyat China sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Rakyat China akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan jamuan tengah hari bagi Tuan Yang Terutama Lt. Suthom Niyomyath, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Duta Besar Thailand diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan mengadakan jamuan tengah hari bagi Tuan Yang Terutama Lt. Sunthon Niyomyath, Duta Besar Istimewa

dan Mutlak Thailand yang akan menamatkan perkhidmatannya dan Puan Sunata Niyomyath. Jamuan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Tuan Yang Terutama Lt. Sunthon Niyomyath berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Februari 2003.

JPKE kendalikan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 September. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2005 pada bulan Oktober ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Ketua Pengarah JPKE, Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat dalam Sidang Media berhubung KPP 2005 yang diadakan di jabatan berkenaan di sini.

Beliau menjelaskan, kajian berkenaan akan dikendalikan dalam dua peringkat iaitu peringkat penomboran tempat-tempat kediaman di kawasan-kawasan yang terpilih sahaja yang bermula pada 2 hingga 9 Oktober ini, sementara peringkat kajian sebenar akan diadakan bagi tempoh satu tahun bermula pada awal bulan Januari dan berakhir pada bulan Disember 2005 nanti yang mana melibatkan keluarga-keluarga yang terpilih sahaja.

Dalam peringkat penomboran yang diadakan, kesemua pegawai kajian yang terlatih akan melawat setiap tempat kediaman kajian bagi menombor dan menyenaraikan rumah serta keluarga terpilih, dengan melekatkan pelek nombor tempat kediaman di tempat yang bersesuaian.

Oleh
Siti Aishah HS

Para pegawai kajian juga ditugaskan bagi mendapatkan maklumat ringkas melalui isi rumah berkenaan dengan membawa pas kajian dan surat lantikan pengesahan bagi mereka yang dilantik.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Pengarah JPKE, menyeru orang ramai agar memberi kerjasama dan sokongan padu terutama sekali melalui penduduk yang terpilih, di samping memohon kerjasama terhadap keluarga-keluarga yang ada memelihara anjing, dinasihatkan supaya akan dapat mengikat atau mengurungnya bagi memudahkan dan melicinkan lagi kajian-kajian yang dijalankan.

Kajian tersebut dikendalikan bertujuan untuk mendapatkan maklumat lengkap dan terkini mengenai corak perbelanjaan dan tahap perbelanjaan keluarga di Negara Brunei Darussalam, selain untuk mengemaskini kewajaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk Indeks Harga Pengguna (IHP), di samping menyediakan perangkaan kemiskinan termasuk garis kemiskinan dan untuk menyediakan maklumat tambahan bagi Perangkaan Kira-kira Negara.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mengemaskinkan kajian tersebut, Jabatan Perancangan dan Kemajuan

Ekonomi akan mengendalikan kajian berkenaan bagi tempoh lima tahun sekali dari tarikh yang dijangkakan.

KPK 2005 ini dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 Dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan merupakan kajian keempat dikendalikan di Negara Brunei Darussalam, manakala kajian yang lalu telah diadakan pada tahun 1977, 1987/88 dan 1997/98.



TIMBALAN Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat semasa Sidang Media berhubung Kajian Perbelanjaan Keluarga 2005.

Perkhidmatan Royal Skies dan E-Ticketing terus diperbaiki

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 September. - 'Royal Skies' Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), melalui siaran akhbarnya memaklumkan bahawa Angkor Wat Resort and Spa sebagai rakan hotel mereka bermula pada 1 September tahun ini. Ahli-ahli 'Royal Skies' boleh mendapatkan 500 batu 'Royal Skies' bagi setiap satu hari penginapan yang berkelayakan.

Hotel Angkor Wat and Spa ini terletak di Bandar Kemboja dan telah dianugerahkan sebagai hotel peragaan dan Spa terbaik di Kemboja bagi tahun 2003 oleh World Travel Awards. Hotel mewah dan bertaraf antarabangsa juga menyediakan suasana taman tropika yang amat sesuai untuk mereka yang berurus niaga dan melancong.

Sehubungan itu tawaran istimewa telah diberikan oleh Hotel Angkor Wat Resort and Spa bermula pada awal September sehingga bulan 31 Disember ini khusus bagi ahli-ahli 'Royal Skies'. Tawaran istimewa tersebut termasuklah dua malam penginapan dalam bilik deluxe, sarapan harian untuk dua orang, satu makan malam berserta Aspara, sebuah persembahan tradisional, pengangkutan pergi balik hotel ke lapangan terbang dan dua pas ihsan

Hubungan mesra Brunei - Republik Korea sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaufah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Roh Moo-hyun, Presiden Republik Korea dan Tuan Yang Terutama Lee Hae-Chan, Perdana Menteri Republik Korea bersempena ulang tahun Hari Penubuhan Kebangsaan Republik Korea.

Dalam perutusan itu baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan diperluaskan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepetingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Roh Moo-hyun, Presiden

Republik Korea sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Lee Hae-Chan, Perdana Menteri Republik Korea, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Korea sempena ulang tahun Hari Penubuhan Kebangsaan Republik Korea.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Lee Hae-Chan, Perdana Menteri Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

RBA dinaikkan taraf menjadi empat bintang

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 September. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), melalui siaran akhbarnya hari ini memaklumkan bahawa syarikat berkenaan telah dinaikkan taraf dari sistem penerbangan taraf tiga bintang kepada sistem penerbangan taraf empat bintang. Pengiktirafan tersebut telah diberikan oleh

Oleh
Haji Dayang HK

Skytrax, sebuah penasihat penyelidikan kepada syarikat penerbangan dan industri pengangkutan udara dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Peter Foster berkata, mereka sangat gembira dengan pengikti-

rafan tersebut dan telah membuktikan bahawa usaha berterusan RBA untuk keselesaan dan kemudahan penumpang adalah sentiasa mendapat perhatian. RBA telah memperkenalkan perubahan dan peningkatan yang besar sejak beberapa tahun ini dengan memperkenalkan Skylounge, tempat duduk selesa Skydreamer dan sistem tayangan dalam penerbangan Skyshow.

Penaikan taraf empat bintang RBA adalah setaraf dengan Syarikat Penerbangan British, Amiriyah, Malaysia Qantas dan Cirgin Atlantic.

Penilaian yang telah dibuat menggunakan Sistem Penarafan Bintang Global (Global Star Rating) bagi syarikat-syarikat penerbangan dunia yang digunakan oleh Skytrax telah mula digunakan pada tahun 2000 yang lalu. Penilaian taraf empat bintang adalah sebagai tanda bahawa syarikat penerbangan berkenaan telah menyediakan produk yang standard di seluruh kategori pelayan dan perkhidmatan kakitangan yang baik sama ada di dalam kabin atau di persekitaran lapangan terbang.

untuk melawat kompleks Angkor Wat.

Dengan tambahan rakan hotel itu, 'Royal Skies' kini mempunyai 25 buah rakan di seluruh dunia yang terdiri dari hotel, tempat makan dan penyedia perkhidmatan yang lain. Senarai penuh rakan 'Royal Skies' bolehlah diketahui melalui laman web di <http://royalskies.brunelaiir.com>.

Dalam pada itu, dalam siaran akhbar, RBA juga memaklumkan bahawa sistem pentiketan elektronik, E-Ticketing telah dilaratkan ke lebih banyak destinasi termasuk Kota Kinabalu, Darwin dan Perth.

Penumpang yang berhajat menggunakan penerbangan melalui rangkaian penerbangan berkenaan bolehlah membuat tempahan secara on-line atau melalui pejabat penempatan yang menawarkan perkhidmatan berkenaan.

E-Pentiketan memberikan pelanggan lebih kemudahan dan keberkesanan dalam membuat penempatan, pengeluaran tiket dan masuk untuk bertolak. Para penumpang hanya perlu memperlihatkan tiket mereka dan salinan jadual penerbangan ketika masuk untuk bertolak mendapatkan kad menaiki pesawat. Kehilangan kad berkenaan dengan mudah diganti tanpa sebarang bayaran.

Lawatan sehari Perdana Menteri Republik Singapura

Dari muka 1

Selepas perjumpaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian meraihan TYT dengan Majlis Santap Tengah Hari.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984. Negara Brunei Darussalam menubuhkan agensi kerajaan di Republik Singapura pada 1 Februari 1975. Agensi berkenaan ditubuhkan untuk menjaga kepentingan negara di republik itu. Agensi berkenaan kemudian dinaikkan tarafnya kepada peringkat Suruhanjaya pada 1 September 1982 dan Suruhanjaya Tinggi pada 1 Januari 1984.

Kedua-dua buah negara menikmati hubungan yang baik, rapat dan mesra. Di samping itu Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai hubungan kerjasama rasmi yang diperkembangkan kepada pelbagai bidang seperti perdagangan, pertahanan, kesihatan, pendidikan, teknologi penyiaran dan kebudayaan.

Melalui lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Februari tahun lalu telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara.

Sementara itu DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo, di Istana Nurul Iman.

DYTM dan TYT telah mengadakan perbincangan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Perdana Menteri Republik Singapura (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meraihan Perdana Menteri Republik Singapura dan rombongan dalam Majlis Santap Tengah Hari di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO dan Ramli Tengah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalam mesra bersama Perdana Menteri Republik Singapura (atas kanan) dan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo di Istana Nurul Iman (atas kiri).



Lawatan PM S'pura kukuhkan hubungan

BERAKAS, 4 Oktober. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus mengukuhkan hubungan dalam pelbagai bidang dengan mengadakan lawatan dari pemimpin negara, menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan antara kedua-dua buah negara.

Pagi tadi, Perdana Menteri Republik Singa-

Oleh
Abdullah Asgar

pura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong tiba di negara ini bagi lawatan singkat sehari bersama rombongan pegawai kanan termasuk Menteri Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo; Menteri Pertahanan, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam serta serombongan wartawan.

Ketibaan TYT di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini dialu-alukan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria selaku Menteri Pengiring.

Ini merupakan lawatan pertama TYT ke negara ini sejak menjadi Perdana Menteri republik itu.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah mengadakan hubungan sejak tahun 60-an namun hubungan diplomatik hanya terjalin pada tahun 1984.

Sejak itu pelbagai hubungan dan perjanjian dua hala termeterai mencakupi pelbagai bidang seperti ekonomi, pertahanan, pendidikan, kebudayaan, penyiaran dan penerangan, penerangan, perdagangan dan penerangan.



KETIBAAN TYT Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura dialu-alukan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria selaku Menteri Pengiring.

Brunei S'pura tingkat kerjasama

Oleh
Siti Aishah HS

JERUDONG, 4 Oktober. - Negara Brunei Darussalam merupakan sahabat lama Republik Singapura. Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan rapat dan

meluas dalam bidang kerjasama ekonomi, ketenteraan dan bidang-bidang yang lain. Bahkan hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura adalah sangat baik dan mesra.

Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong menyatakan demikian semasa mengadakan temu bual singkat bersama pihak media. Majlis tersebut berlangsung di Darul Taqwa, Jerudong.

Dalam temu bual itu, Tuan Yang Terutama berkata lawatan kerja sehari itu adalah lawatan pertamanya dalam siri lawatannya ke negara-negara ASEAN untuk menjalin dan memupuk hubungan baik antara semua negara anggota ASEAN.

Mengenai aktiviti ekonomi, Tuan Yang Terutama menyatakan peluang-peluang perniagaan masih wujud bagi Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura de-

ngan adanya para peniaga Singapura melabur ke negara ini dan begitu juga sebaliknya. Malah peluang-peluang sedemikian juga wujud dalam aktiviti ekopelancongan dan pelancongan tradisional.

Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong berserta rombongan yang terdiri daripada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama George Yeo; Menteri Pertahanan, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam berada di negara ini bagi lawatan kerja sehari.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong di Istana Nurul Iman.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong ketika ditemu bual oleh pihak media yang berlangsung di Darul Taqwa, Jerudong. - Gambar oleh Masri Osman.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyerahkan buah-buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seorang Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kurnia buah kurma di bulan Ramadan bermula 12 tahun lalu

BERAKAS, 30 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bersabda, sejak 12 tahun lalu apabila menjelang bulan Ramadan, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam

Oleh
Abu Bakar HAR

telah dapat menikmati buah-buah kurma yang merupakan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sabda Yang Teramat Mulia, baginda telah melakukan amalan yang baik dan penuh berkat ini dengan niat suci lagi murni semata-mata untuk kebaikan umat Islam di negara kita semasa bulan Ramadan yang penuh dengan pelbagai peristiwa.

Mudah-mudahan amalan ini akan berkekalan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai amalan yang diredai-Nya dan mendapat balasan pahala yang berlipat ganda jua, sabda Yang Teramat Mulia di Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1425 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Di saat yang bersukut baik ini, sabda Yang Teramat Mulia, marilah kita menyebarkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas kemurahan dan ingatan baik baginda mengurniakan juadah yang lazat ini untuk berbuka puasa.

Dalam pada itu, sabda Yang Teramat Mulia lagi, sama-samalah kita berdoa semoga baginda akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan daripada Allah Subhanahu Wataala serta memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Terdahulu dari itu dalam sembah alu-aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB), Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Bada-

ruddin menyebarkan, sesungguhnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilihat sebagai seorang raja yang sentiasa dengan kebajikan baginda, menyukai dan mencontohkan kebajikan itu dengan amalan di peringkat rasmi dan peribadi.

Kata Yang Berhormat, sesungguhnya baginda seorang raja yang pengasih dan pemedulian.

Di majlis tersebut Yang Teramat Mulia juga telah berkenan menyerahkan buah-buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Pemerintah-pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pengarah-pengarah di Kementerian Pertahanan dan kepada Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Pemerintah Formasi Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dalam majlis pelancaran tersebut seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam tanpa mengira had umur akan menerima buah kurma tersebut sebagai juadah berbuka puasa.

PBB dan negara-negara ahli diseru: BERFUNGSI LEBIH EFEKTIF DAN PENUH KOMITED

NEW YORK, 28 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Utusan Khas Negara Brunei Darussalam ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, (PBB), hari ini berangkat menghadiri mesyuarat bersama Tuan Yang Terutama Anand Panyarachun, Pengerusi Panel Tertinggi Mengenai Ancaman, Cabaran dan Perubahan di Ibu Pejabat PBB di sini bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain.

Menurut kenyataan akhir yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menyatakan bahawa, Yang Teramat Mulia juga kemudian berangkat menghadiri Me-

Oleh
Haji Dayang HK

syuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN. Di mesyuarat berkenaan, Yang Teramat Mulia dan Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain membincangkan perkara yang berhubung kait dengan ASEAN dan PBB termasuk persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Hanoi, Viet Nam. Mesyuarat Tidak Rasmi berkenaan juga berlangsung di Ibu Pejabat PBB.

Yang Teramat Mulia juga berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama Tuan Yang Terutama Jean Peng, Presiden Perhimpunan Agung PBB

Sesi Ke-59 dan Tuan Yang Terutama Kofi Anan, Setiausaha Agung PBB di Ibu Pejabat PBB. Dalam majlis tersebut, perbincangan mengenai pembaikan terhadap badan dunia itu telah diadakan.

Di sebelah petangnya pula, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Utusan Khas Negara Brunei Darussalam ke Perhimpunan Agung PBB Ke-59 mengurniakan sabda. Dalam sabda, Yang Teramat Mulia menekankan mengenai perlunya bagi sebuah badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kuat dan berkesan yang juga cukup lengkap untuk menangani cabaran dan ancaman masa kini

yang semakin rumit. Yang Teramat Mulia juga bersabda, untuk badan dunia itu menjadi sebuah badan yang berkesan, adalah perlu untuk mengambil pembaikan yang menyeluruh termasuk sebuah Majlis Keselamatan yang mempunyai lebih ramai perwakilan dan lebih luas serta peranan PBB yang lebih besar di samping penyelesaian agensi-agensi PBB yang lebih baik.

Yang Teramat Mulia juga menambah sabda bahawa pada masa yang sama ahli-ahli negara anggota PBB mestilah bekerja secara kolektif dan melaksanakan komitmen mereka serta patuh kepada prinsip-prinsip Piagam PBB.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah menyertai rombongan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah membuat persembahan koir sempena Seminar PASOLS Ke-33 di Empire Hotel and Country Club. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kegiatan Karnival Pantai sempena Seminar PASOLS Ke-33

JERUDONG, 21 September. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Seminar Logistik Pegawai-pegawai Kanan Kawasan Pasifik (PASOLS) Ke-33 yang antara lain dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan tentera.

Kegiatan Karnival Pantai diadakan di Empire

Oleh
Abdullah Asgar

Hotel and Country Club di sini sempena berlangsungnya seminar tersebut.

Pelbagai acara dijalankan termasuk persembahan muzik tradisional seperti permainan gulingtangan

dan gambus.

Di samping itu, sebahagian murid-murid dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah juga membuat persembahan koir yang disertai oleh cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan kawan-kawan.

Seminar tersebut telah dibuka rasmi oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Sambungan dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa baginda sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada Allah menerima tanggungjawab untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan di bidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah bahawa tanggungjawab itu ialah tanggungjawab untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan, hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat juga ditubuhkan di seluruh dunia. Pada waktu yang sama, titah baginda lagi, keutamaan juga diberikan dalam memelihara keamanan dan menguatkan lagi undang-undang dan peraturan. Rakyat juga diseru supaya berdiri teguh, menentang sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.

Menyentuh mengenai hubungan raja dengan rakyat, baginda bertitah bersyukur bahawa amalan 'mesra rakyat' telah baginda lakukan dengan meneruskan perjumpaan demi perjumpaan dengan rakyat melalui cara tradisi. Cara tersebut, titah baginda, sesungguhnya menjadi pe-

ngukuh kepada hubungan yang sangat baik dan istimewa di antara raja dengan rakyat.

Mengenai Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang, baginda bertitah menyatakan perasaan sukacita baginda kerana perbincangan-perbincangan di dalamnya berjalan dengan baik dan membina seperti yang dihasratkan. Baginda juga bertitah berharap majlis tersebut akan menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia demi masa depan negara.

Baginda juga mengingatkan agar dalam perkara pelaksanaan sistem perwakilan yang dicadangkan, hendaklah lebih berhati-hati demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Ianya tidak diragukan lagi memerlukan kajian lebih teliti serta juga infrastruktur bagi proses pemilihan perwakilan sehingga ianya benar-benar dapat diadakan dengan teratur dan amanah.

Baginda menegaskan bahawa baginda percaya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menaruh harapan tinggi kepada kerajaan dalam apa jua yang berkaitan dengan masa depan mereka. Oleh itu, baginda menyeru untuk sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta sentiasa pula memastikan kestabilan yang dinikmati

selama ini adalah terus terpelihara dengan baiknya.

Dalam Perlembagaan berkenaan, pindaan-pindaan yang telah dicadangkan mempunyai pelbagai matlamat. Antaranya bertujuan untuk menyatakan, meluaskan dan menjelaskan skop kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk kuasa kedaulatan untuk memberi perlindungan yang munasabah mencakupi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan-kewajipan baginda dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh baginda di bawahnya serta untuk menubuhkan badan-badan baru seperti Jemaah Pengampan dan menjelaskan peranan dan kuasa-kuasa badan-badan yang tertentu yang sedia ada seperti Majlis Mesyuarat Diraja.

Pindaan juga berhasrat untuk memperkenalkan semula wakil-wakil yang dipilih ke dalam Majlis Mesyuarat Negara selaras dengan matlamat bagi meningkatkan dan memperbaiki proses penyertaan dan perundingan di negara ini serta menjelaskan perjalanan Majlis Mesyuarat Negara dan untuk mengemaskinikan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam berdasarkan amalan semasa di negara ini.

MENGHAYATI tajuk di atas, seolah-olah kita hendak diajak untuk mempercayai apakah yang dimaksudkannya itu benar atau sekadar satu keyakinan - keyakinan yang sebenar-benarnya untuk menjadi bukti bahawa apa yang dimaksudkannya itu adalah satu kebenaran, bukan sebaliknya.

Pada kaitan dengan maksud di atas itu tadi, kita mengumpul beberapa cerita kejayaan orang lain yang asalnya didasarkan kepada tajuk tersebut. Ada kaitannya dengan hidup di sekitar suasana yang sangat payah untuk mendapatkan kesenangan walaupun hanya sedikit sahaja. Sebab, hampir semua orang kita tidak berkemampuan untuk menyekolahkan anak-anak mereka, tetapi hanya belajar secara sendiri-sendiri melalui khidmat sanak saudara yang pandai atau kawan-kawan kalangan guru.

Maka itu, biarpun tidak bersekolah secara formal, namun jenis mereka ini nampaknya ramai yang berbakat dan menampakkan kecenderungan untuk belajar terus. Mereka itu anak-anak orang biasa dan ibu bapa mereka bekerja sebagai kuli, tukang, pembuat rumah, polis, petani, penamu, penambang, guru, nelayan dan lain-lain lagi.

Pendeknya, tidak ramai orang yang mampu menyekolahkan anak-anak mereka. Di samping itu, biarpun agak kurang berkesanggupan, pihak kerajaan masih ada cara yang tersendiri untuk menolong anak-anak yang mahu belajar itu agar benar-benar hadir ke sekolah. Langkah ini, menjadikan ramailah sekolah itu diisikan oleh anak-anak murid dari berbagai golongan yang ibu bapa mereka berpendapatan di bawah kadar yang kurang mampu.

Sementara ibu bapa yang memang mampu tidaklah seramai mereka yang kurang mampu itu. Namun, hal itu tidaklah menjadi perkara yang berat sangat. Asalkan kesediaan anak-anak itu untuk terus belajar, kesulitan tidak akan timbul kerana ada bantuan dari berbagai pihak yang tidak setakat dari kerajaan bahkan juga dari sumbangan melalui berbagai cara yang dijalankan oleh sekolah untuk menambah kutipan yuran seperti menggalakkan orang-orang berada untuk menyumbang mana-mana yang patut.

Dalam mengenang-nengang semua ini, semasa bersembang dengan kawan-kawan, timbullah satu dua cerita kejayaan anak-anak orang-orang dahulu itu, yang pada asalnya sangat 'liat' untuk bersekolah, tetapi akhirnya memegang jawatan atau pekerjaan yang sungguh tak terduga seperti menjadi pegawai, guru, polis, kerani besar dan juga peon.

Jangan ketawakan nama-nama jawatan yang kita sebutkan itu. Sekarang mungkin tidak banyak maknanya, tetapi di masa silam, jawatan (kerja) yang demikian itu sudah cukup untuk memberikan

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

TING-TING KEPALA TIKUS USIN SATU SEN JADI SERATUS

kedudukan yang tinggi kepada mereka. Dari sinilah timbulnya pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi. Sebab, dahulu, untuk menjadi 'orang besar' terpaksa melalui banyak dugaan menurut cara orang dahulu itu. Misalnya, mereka akan dilepas bekerja dan mengendalikan satu dua tugas yang perlu diselesaikan sendiri tanpa bergantung sangat kepada ketua mereka, bahkan mereka hendaklah menganggap diri mereka itu sendiri adalah ketua untuk memutuskannya. Kepercayaan begini sudah tidak berlaku sekarang ini. Ia mungkin disebabkan adalah keraguan berikutan dengan terjadinya perkara-perkara yang membawa kepada perubahan sikap dan keadaan yang merubah dan memberi kesan pada cara dan tindakannya.

Jadi, ting-ting kepala tikus, usin satu sen jadi seratus, rupanya tidak semata-mata kepada usaha niaga bahkan juga dikatakan sebagai membawa makna yang agak sama dengan perumpamaan 'berakit-berakit ke hulu, berenang-renang ke tepi-

an, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.' Mungkin inilah di antara penawar dahulu. Sekarang pun, agaknya masih boleh dipakai dan digunakan oleh ibu bapa atau datuk nenek biarpun sekadar menyampuk perbualan anak-anak moden sekarang.

TENTANG MAT JENIN PULA

Kembali kepada 40 tahun yang lalu, kita merasakan semacam kekosongan di sana sini, lalu kita semacam merasa seperti diambau dan bertanya apakah kekosongan itu dapat diisi dan bagaimana pula rupa pengisian itu agaknya. Demikian yang selalu bermain dalam 'pemikiran' yang lakunya seperti anak-anak bertanya kepada ibu bapanya 'mengapakah bulan itu berjalan' dan 'mengapakah bintang-bintang itu bertaburan', lalu ada cerita 'penglipur lara' tentang 'teruna hendak memetik bulan' dengan menggunakan tangga buluh yang semata-mata hendak menunaikan kehendak 'kekasihnya' yang hendakkan bulan itu.



ORANG dahulu, penjual ikan di tebing Bandar (sekarang sudah tidak ada) membuktikan kegigihan untuk membina keluarga penerus yang mengangan-angankan agar mereka menjadi orang-orang yang berguna. Semuanya bermula dengan jerih payah indung dan indung bapa.

Agaknya, semua itu adalah permainan 'fikir' biarpun dan apa pun kategorinya termasuklah 'angan-angan.' Dan, pada satu waktu mungkin terdapat bau-bau cemuh terhadap cerita 'angan-angan Mat Jenin.' Di samping adanya tanggapan negatif, kita juga pernah terbaca tentang sudut-sudut positif yang lahir pada pemikiran yang diperlembangkan oleh cerita Mat Jenin itu.

Dipendekkan, bahawa berangan-angan itu belum tentu merugikan biarpun orang dahulu terutama ibu bapa dan warga tua ketika itu sangat tidak menyukai kiranya anak-anak atau suku sakti mereka 'suka berangan-angan sehingga kerja yang disuruh tidak menjadi'. Konsep 'angan-angan' semacam ini mungkin lain dari yang difikirkan iaitu 'angan-angan kosong'.

Maksud yang dikatakan oleh orang-orang dahulu itu mungkin sahaja ada kaitannya dengan sifat-sifat pemalas dan tidak mahu berusaha sebaliknya 'hanya tahu makan tidur, rebah bangun dan mengharap rezeki datang bergolek'. Mereka tidak mahu perkara begini berlaku kepada keluarga atau keturunan mereka. Mereka mahu keaktifan, kalau boleh dalam semua hal yang positif untuk kebaikan, kesenangan dan kesejahteraan terutamanya untuk masa depan mereka.

Maka itu, kalau 40 tahun dahulu itu dirasakan semacam kekosongan dan kelonggaran di sana sini, mungkin soal pengisian kekosongan itulah, juga mungkin menjadi pemikiran waktu itu, biarpun 'hanya merupakan angan-angan sahaja'. Tetapi angan-angan begini adalah jelas bukan sesuatu yang merupakan 'kosong' sepertimana kekosongan yang dirasakan pada 40 tahun yang lalu itu.

Ia mungkin sahaja merupakan suatu permulaan untuk mengisikan kekosongan itu. Dan caranya, tentulah mengikuti cara mereka waktu itu. Namun pada persepsi pembangunan, ia tetap berada pada tahap permulaan dan pemikiran yang ada pada waktu itu tidak mustahil dari terus bercambah, berkembang dan melangkah terus maju biarpun tidak terkecuali dari menghadang liku-liku yang banyak, sukar, perit, getir dan segala macam kesusahan yang dialami. Namun semuanya itu adalah semata-mata untuk masa depan bangsa mereka.

Ia adalah satu tapak bina yang disediakan untuk disempurnakan oleh mereka yang berikutnya. Kekosongan itu memang ada dan ia adalah kebiasaan, kerana yang cukup lengkap dan cukup sempurna tanpa sebarang kecacatan itu adalah teruntuk ke atas Yang Maha Pencipta. Sebab itu, kekurangan struktur apa pun bukanlah semata-mata dikeranakan tapak bina itu, tetapi penerusan ke arah penyempurnaan itu adalah proses yang bukan semudah yang diangan-angkannya. Masa silam banyak memberi contoh yang berkaitan dengannya.

Perjanjian mempromosi makanan tempatan

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 7 September. - Jabatan Pertanian melangkah setapak ke hadapan apabila berjaya menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat dari Malaysia, Marditech Corporation Sendirian Berhad bagi projek konsultansi mempromosikan makanan asli tempatan Negara Brunei Darussalam.

Majlis menandatangani perjanjian dilakukan oleh Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohd. Yusof dengan Pengurus Am Marditech Corporation Sendirian Berhad, Encik Anas Ahmad Nasarudin di jabatan berkenaan.

Majlis tersebut disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian, Pengiran Hajah Rosidah dan Pengurus Kanan Marditech Corporation Sendirian Berhad Dr. Hussein.

Antara objektif projek

dilaksanakan adalah bagi menggalakkan dan mendorong pengusaha-pengusaha makanan asli tempatan dalam pengeluaran produk yang berkualiti dan selamat.

Selain dari itu ia juga dihasratkan untuk memperkukuhkan kebolehan dan keupayaan teknikal serta sumber tenaga manusia Unit Lepas Tuai dan Teknologi Makanan, Jabatan Pertanian bagi memberikan perkhidmatan dukungan yang berkesan kepada industri makanan asli tempatan.

Projek konsultansi selama tiga tahun yang melibatkan tiga fasa itu antaranya akan melibatkan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan kaji selidik status makanan asli di negara ini,

mengenal pasti makanan asli tempatan yang berpotensi untuk dikembangkan, di samping mengadakan Bengkel Teknologi Memproses dan Pembangunan Moden di Unit Lepas Tuai dan Teknologi Makanan, Jabatan Pertanian.

Sementara fasa kedua pula akan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti mengenal pasti peralatan dan pembungkusan yang sesuai digunakan, mengenal pasti keperluan pasaran dan penggunaan di dalam dan luar negara ke atas makanan asli yang dikenal pasti dan memformulasi strategi pelaksanaan promosi bagi memajukan dan mempromosikan makanan asli yang dikenal pasti.

Manakala fasa ketiga pula melibatkan bantuan Jabatan Pertanian dalam merancang dan melaksanakan

skim-skim perintis dan juga membantu jabatan dalam melaksanakan program mempromosikan serta memajukan pasaran tempatan dan eksport ke atas makanan asli Brunei.

Projek tersebut dijangka akan menghasilkan beberapa faedah seperti penerbitan laporan status masa kini industri makanan asli di negara ini, di samping peningkatan kecukupan pengusaha-pengusaha makanan tempatan dalam mengeluarkan makanan asli tempatan yang berkualiti, selamat dan dibungkus dengan teratur dan sempurna.

Dalam pada itu ia juga dijangka akan menghasilkan peralatan pemprosesan dan pembungkusan yang sesuai digunakan dapat dikenal pasti serta senarai nama dan alamat pembekal peralatan tersebut diberikan.



MAJLIS menandatangani perjanjian bagi projek konsultansi mempromosikan makanan asli tempatan antara Jabatan Pertanian dan Syarikat Marditech Corporation Sendirian Berhad.

Kaca terima sumbangan SMB

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 September. - Persatuan Kanak-kanak Cacat Negara Brunei Darussalam (KACA) menerima sumbangan derma dari Sekolah Menengah Berakas (SMB) yang berlangsung di Pusat KACA di Kampong Kiulap di sini.

Sumbangan yang bernilai \$2,358.50 tersebut diserahkan oleh Pengetua Se-

Oleh
Abu Bakar HAR

kolah berkenaan, Dayang Lee Yen Tshin kepada Pengarah Urusan KACA, Awang Haji Abdul Halim.

Sumbangan yang didermakan itu merupakan hasil kutipan dari aktiviti re-adathon sekolah tersebut yang telah diadakan sepanjang

bulan Mei lalu.

Sumbang tersebut adalah diharap akan dapat membantu sedikit sebanyak pelaksanaan program dan aktiviti yang diungkuhkan oleh pusat tersebut.

Sejurus selepas itu Pengetua Sekolah Menengah Berakas dibawa meninjau secara dekat aktiviti yang dijalankan di pusat berkenaan.

Majlis Santap Malam sempena 30 tahun Pasukan Polis Wanita



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Timbalan Komandan Polis Wanita sewaktu berkenan menerima pesambah.



KOMANDAN Polis Wanita dan Timbalan Komandan Polis Wanita sewaktu berkenan memotong kek sempena 30 tahun penubuhan Polis Wanita.



KOMANDAN dan Timbalan Komandan Polis Wanita menandatangani slip keberangkatan di Mess Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei.

GADONG, 18 September.

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Timbalan Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei malam ini berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam sempena sambutan ke-30 tahun penubuhan Polis Wanita.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Komandan Polis Wanita dan Yang Teramat Mulia Timbalan Komandan Polis Wanita di Mess Pegawai di sini dijunjung oleh Pemangku Penolong Pesuruhjaya Polis, Hajah

**Oleh
Abdullah Asgar**

Sharifah Salmah dan pegawai-pegawai kanan Polis Wanita yang lain.

Sejurus keberangkatan Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung bagi menyaksikan pameran statik gambar-gambar Unit Anti Keagresan Wanita dan Kanak-kanak yang antara lain memaparkan enam kes penderaan anak, 11 kes rogol, 29 kes pukul isteri, tujuh kes pukul amah dan tiga kes buang anak damit bermula bulan Januari hingga Mei tahun ini.

Dalam sembah alu-aluannya Pengerusi Majlis, Pemangku Penolong Pe-

suruhjaya Polis, Hajah Sharifah Salmah antara lain menyebarkan setakat ini terdapat lebih 500 orang anggota Polis Wanita di negara ini sejak penubuhannya dan lebih 20 orang berpangkat pegawai.

Selain itu katanya, terdapat juga beberapa orang pegawai dan anggota Polis Wanita pangkat rendah sedang menjalani kursus di dalam dan luar negeri sebagai usaha Pasukan Polis Wanita meningkatkan kemahiran dan keupayaan anggota-anggota Polis Wanita.

Pada majlis itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Timbalan Komandan Polis Wanita berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang Perlawanan Menembak Acara Pegawai-pegawai Berpasukan yang dimenangi oleh pasukan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna manakala tempat kedua, pasukan Pemangku Penolong Pesuruhjaya Polis, Hajah

Sharifah Salmah.

Sementara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita pula berkenan menyempurnakan hadiah kepada pemenang Perlawanan Menembak Antara Cawangan Polis Wanita kepada Cawangan 'C' selaku juara dengan menerima piala Komandan Polis Wanita; kedua, Cawangan 'D' dan ketiga, Cawangan 'E.' Kopral Maznah dipilih sebagai penembak terbaik.

Sejurus itu Komandan Polis Wanita dan Timbalan Komandan Polis Wanita dijunjung untuk memotong kek sempena ulang tahun ke-30 penubuhan Pasukan Polis Wanita.

Pada Ogos 1974 Pasukan Polis Wanita ditubuhkan dengan pengambilan rekrut wanita pertama seramai 30 orang dari lebih 350 orang wanita yang mencuba nasib untuk menjadi seorang Polis Wanita yang terlatih.

JADIKAN KKC ETOS DAN BUDAYA KERJA POSITIF

GADONG, 16 Ogos. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah berkata, kerja secara berpasukan hendaklah dijadikan budaya supaya masalah yang besar boleh diuraikan dengan lebih berkesan dan efektif.

Jelasnya, punca masalah akan dapat dikenal pasti dan seterusnya mengambil langkah-langkah bagi mengatasi kerana menurut Sayidina Umar Al-Khattab 'pendapat seorang laksana benang sehelai, pendapat dua orang laksana dua helai benang yang berpintal dan pendapat dari tiga orang akan tetap dan jarang terbatal'.

Oleh yang demikian, tambahnya, nilai-nilai murni yang dibawa melalui Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) ditambah lagi dengan ciri-ciri kebruneian boleh dijadikan etos dan budaya kerja yang positif.

Beliau berharap demikian ketika merasmikan Konvensyen KKC 2004 Kementerian Pendidikan pagi tadi di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Katanya, nilai-nilai itu seterusnya dikukuhkan lagi dengan nilai-nilai agama bahawa kerja merupakan suatu ibadah dari amanah yang perlu ditunaikan dengan sempurna.

"Dalam usaha Kementerian Pendidikan meningkatkan kualiti dan kecekapan pendidikan serta perkhidmatan, KKC boleh memainkan pe-

ranannya baik di peringkat jabatan mahupun di peringkat institusi," katanya.

Jelasnya, dari projek-projek yang pernah menyertai KKC, dapat dilihat bagaimana KKC digunakan untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran serta pencapaian pelajar-pelajar di samping perkhidmatan di jabatan-jabatan dan unit-unit di mana projek KKC yang terbukti berkesan boleh dikongsi bersama jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah yang lain untuk dimanfaatkan bersama.

Sebanyak dua pasukan menyertai KKC kementerian berkenaan iaitu Kumpulan CAT terdiri dari tujuh orang anggota yang mewakili Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait dan Kumpulan S.M.A.D. dianggotai oleh lapan orang ahli juga dari sekolah yang sama.

Bagi Kumpulan CAT projek mereka ialah SMSRT's Pengurusan Markah Penuntut Secara Berkomputer manakala Kumpulan S.M.A.D. dengan projek 'The Key' meningkatkan kemahiran asas dalam mata pelajaran Matematik.

Kumpulan yang menang secara automatik akan mewakili kementerian berkenaan ke pertandingan peringkat kebangsaan yang akan diadakan dalam bulan Oktober nanti.

Akidah penting dijaga

RIMBA, 27 September. - Amalan-amalan tidak akan membuahkan hasil bahkan tidak berguna andainya di hati seseorang itu masih ada yang dipuja dan didampingi selain dari Allah Subhanahu Wataala.

Malah tidak syak lagi bahawa perkara syirik itu adalah perkara akidah dan membasmu kesyirikan itu pula menjadi perkara utama bagi semua Nabi dan Rasul yang diutus.

Yang Dimuliakan Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili menyatakan perkara tersebut di Pembukaan Rasmi Seminar

**Oleh
Abu Bakar HAR**

Kepentingan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Brunei di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Menurut YDM pentingnya menjaga akidah menjadi kewajipan bagi semua individu Islam, malah memerlukan perhatian yang berterusan sampai bila-bila hingga ke akhir hayat sama ada perhatian itu bagi tujuan memperkukuh atau menjaga akidah daripada perkara-perkara yang boleh melemahkan atau merosakkan.

kannya.

YDM menjelaskan, pengaruh akidah sangat jelas dalam kehidupan kerana perkara-perkara yang kita buat dan amalkan sehari-hari tidak akan terlepas daripada kawalan taklifi iaitu wajib, haram, sunat, makruh atau mubah. Atas dasar hukum yang lima inilah kita menjalani kehidupan.

Dalam hubungan tersebut, akidah dengan hukum taklifi itu sangat berkaitan kerana bukan hanya bagi kehidupan sekarang, di dunia malah lebih penting bagi kehidupan akhirat kerana kesan amalan itu bukan hanya dapat dinikmati dan dirasai sekarang juga kerana menjadi ukuran dalam tim-

bangan di akhirat nanti.

"Apabila seseorang itu memikirkan pembalasan perbuatannya di akhirat, maka itulah akidah. Pembalasan di akhirat adalah salah satu kepercayaan kepada Hari Akhirat. Kepercayaan terhadap Hari Akhirat sudah tentu mempengaruhi dan mendorong seseorang untuk mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Dari sinilah manusia yang beriman dikawal oleh hukum taklifi yang lima itu, sematamata mengharap reda Allah. Sematamata takutkan Allah," jelas YDM.

Kepercayaan kepada Allah yang sebenar-benarnya menjadikan seorang Islam itu berpegang teguh kepada hukum-hukum agama sementara sesiapa yang kurang imannya kepada Allah tidak ingau dengan perintah sembahyang, tidak terlalu ghairah dengan perintah puasa dan tidak mempedulikan hukum halal dan haram atau beriltizam dengan hukum-hukum syarak, sesungguhnya semua itu berpunca daripada akidah.

YDM seterusnya berkata gejala sosial yang menimpa umat Islam di mana-mana hari ini mempunyai hubungan dengan lemahnya akidah umat Islam kerana apabila akidah lemah maka lemahlah amalan agamanya, lemahlah sikap dan pendiriannya serta lemahlah akhlakunya walaupun negara boleh membina pelbagai kemajuan yang menarik hati



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili (kiri) ketika berucap membuka rasmi Seminar Kepentingan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Pengaruhnya Di Negara Brunei Darussalam bertempat di UBD. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu menandatangani Perasmayuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu bertitah selepas menandatangani Perasmayuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 (kanan).




MAJLIS PERMAS PERLEMB (PINDAA

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 29 September. -
Hari ini satu lagi peristi-
wa penting berlaku di
negara ini yang akan
menjadi lipatan sejarah
dan sebagai ristaan di
masa akan datang iaitu
Majlis Perasmayuran
Perlembagaan Negara
Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 yang berlang-
sung pagi ini di Dewan
Lapau di ibu negara.


Keberangkatan Ke-
bawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Ba-
ginda Sultan Haji Has-
sanah Bokiah Mu'iz-
zaddin Waddaulah, Sul-
tan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darus-
salam dijunjung oleh
Yang Dimuliakan Pehin
Orang Kaya Pekerma
Jaya Dato Paduka Haji
Awang Judin bin Asar,
Jurutulis Majlis Me-
syuarat Negara. Sejurus
keberangkatan, baginda
kemudian berkenan me-
nerima tabik Hormat
Diraja daripada Perba-
risan Kawalan Kehor-
matan yang terdiri dari-
pada Pasukan Polis Di-
raja Brunei dan seterus-
nya memeriksa Perba-
risan Kawalan Kehor-
matan berkenaan. Baginda
kemudian berangkat
masuk ke Dewan Lapau.

Berangkat sama ke



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, saksi pertama menandatangani Perasmayuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, saksi kedua menandatangani Perasmayuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 (atas kanan).



SUASANA Majlis Per-
masyuran Perlembagaan
(Pindaan) 2004 yang ber-
langsung di Dewan Lapau di
ibu negara (atas).

YANG Amat Mulia Pengiran-
pengiran Cheteria ketika
hadir di Majlis Perasmayur-
an Perlembagaan (Pindaan)
2004 (kanan).

MUFTI Kerajaan, Yang Ber-
hormat Pehin Datu Seri
Maharaja Dato Paduka Seri
Setia Ustaz Haji Awang
Abdul Aziz membaca doa
bagi memohon keberkataan
(kiri).



Haji D...

Jur...

Majlis
Perlemb
Brunei
daan)
Yang
Paduka
Perdan
Himma
Pengir
hamed
Yang
Paduka
Bendah
Permas
Muda

Maj
Perlemb
Brunei
daan)
dengan
Yang
Paduka
dan Yag
Negara
salam
Permas

Upa
ngani
lemba
ikuti
Teram
Seri
Wazir
Wal-Wa
Muda
sebag

Juga
sebag
Yang
Paduka
dahara
Perma
Muda

Ken
saksi-
Yang
ngiran
Laila
Irshad
Haji
Amat
Indera
Anak
Al-Ha
horma
Luar
Seri
Haji

Ke
Maha
Baginda
Hassan
zaddin
tan dan
Negara
salam

PERMASHYURAN PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri dari Pasukan Polis Diraja Brunei di hadapan Bangunan Lapau (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah di Majlis Per-masyhuran Perlembagaan (Pindaan) 2004. Berangkat sama ialah adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia (bawah).



Oleh
HK dan Abdullah Asgar
bar-gambar oleh
Jabatan Penerangan

Suran
gara
Pin-
Duli
Mulia
giran
tubul
Sagar
Mo-
Duli
Mulia
giran
araja
giran
kiah.
Suran
gara
Pin-
akan
Duli
Pa-
sultan
ruan
rus-
ngani
out.
data-
Per-
di-
Yang
duka
rdina
mah
giran
dikiah
ngani
Duli
Pa-
Ben-
araja
giran
kiah.
oleh
aitu
Pe-
Setia
tubul
anak
Yang
giran
giran
uddin
Ber-
Jawatan
Dato
staz
ain.
Yang
ika Seri
Haji
yhi iz-
Sul-
ertuan
arus-
kenan

mengurniakan titah di
majlis tersebut.
Doa selamat kemudian
dibacakan oleh Yang
Berhormat Pehin Datu
Seri Maharaja Dato
Paduka Seri Setia Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz
bin Juned, Mufti Kera-
jaan.

YANG Amat Mulia Pengiran
Maharaja Setia Laila Diraja
Sahibul Irshad Pengiran
Anak Haji Abdul Rahim,
saksi ketiga menandatan-
gani Per-masyhuran Perlemba-
gaan (Pindaan) 2004
(bawah).



YANG Dipertua MMN, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj, saksi keempat menandatan-gani Per-masyhuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 (atas kanan).

MENTERI-MENTERI Kabinet dan pembesar-pembesar negara yang lain ketika hadir di majlis bersejarah itu (kiri).

YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Penasihat Ugama, saksi kelima menandatangani Per-masyhuran Perlembagaan (Pindaan) 2004 (kanan).





Laporan Majlis Mesyuarat Negara ...

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 September. - Persidangan Dewan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memasuki hari kedua hari ini dengan meluluskan usul menjunjung kasih ke hadapan

majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan kurnia titah utama baginda yang bernas di Majlis Pembukaan Rasmi persidangan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam persidangan hari ini, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz telah menyuarakan sokongannya terhadap keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang merupakan satu penghormatan dan keutamaan bagi Dewan yang menunjukkan baginda begitu prihatin dalam hal-hal kebajikan rakyat negara ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata tidak cukup itu baginda telah mengurniakan titah yang bernas mengandungi hikmat dan visi yang luas. Yang Berhormat seterusnya menyentuh beberapa perkara yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya mengenai tanggungjawab semua ahli majlis untuk memartabatkan MMN sebagai institusi yang dihormati dan sama-sama menangani segala perbincangan, buah fikiran dan tindakan-tanduk hendaknya mempunyai kualiti yang tinggi dan sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan kualitinya berasaskan sifat-sifat orang Brunei yang kaya dengan sopan santun, tolong-menolong dan tolak ansur.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kualiti juga merupakan hubungan ahli-ahli majlis dengan orang ramai iaitu pemedialan terhadap rakyat dan penduduk, senang untuk dijumpai dan menjumpai serta cuba menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi kepada mereka.

Yang Berhormat seterusnya berkata, titah baginda juga menyentuh mengenai ciri-ciri bernegara terutamanya dalam kerajaan yang sentiasa mengamalkan sifat muafakat dan tidak mementingkan diri sendiri tetapi mengutamakan kepentingan negara.

Jelas Yang Berhormat, baginda selalu bertitah dengan keadaan dunia sekarang yang penuh dengan liku-liku pengaruh yang mungkin antaranya bertentangan dengan kehidupan dan sangat terdedah kepada beberapa pengaruh universal seperti transparansi, globalisasi dan komunikasi yang cepat.

Menurut Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia membayangkan rakyat di ne-

**OLEH
DAYANGKU HAJAH SAIDAH PHOA**



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz.

gara ini akan dapat membentuk atau terus membentuk satu model yang boleh dibanggakan yang mencerminkan budaya orang brunei yang palikait dengan agama serta kukuh dengan adat resam yang tinggi.

Ini merupakan satu visi baginda yang begitu luas dan dengan pandangan yang jauh yang mana jika diungkayahkan bersama akan memberikan kehidupan yang sentiasa aman, makmur dan direndai Allah Subhanahu Wataala yang mana usaha-usaha itu akan menjadi penjamin atau insurans di akhirat nanti, kata Yang Berhormat.

Ahli Yang Dilantik, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof dalam menyokong usul dari Menteri Pendidikan dengan bersabda semoga cadangan Yang Berhormat itu akan dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai satu amalan yang akan dapat diwarisi dan diperturunkan kepada generasi pada masa akan datang.

Menurut Yang Amat Mulia sungguh benar bahawa titah baginda mengandungi banyak nasihat dan harapan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat. Yang Amat Mulia seterusnya menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar majlis tersebut akan membuat sesuatu perkara yang berkebaikan untuk mendekatkan kerajaan baginda dengan rakyatnya serta membawa kebajikan bersama bukan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam hal itu Yang Amat Mulia juga menyentuh titah baginda bahawa MMN diadakan bukan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan negara dan bangsa, ia juga bukan untuk mewujudkan dan menimbulkan kacau-bilau di mana sebarang kesilapan mengandungi risiko yang lebih berat yang sangat susah dan mengambil masa yang

Titah Kebawah DYMM bernas, mengandungi hikmat, visi luas

ma hakikat bahawa selain Negara Brunei Darussalam mempunyai keunik-an dalam cara mengurus negara, tidak semua cara pengurusan negara-negara lain dapat ditiru dan diguna pakai selarah-larahnya.

Yang Berhormat menambah apa yang terbilang baik dan sempurna kepada orang lain dalam cara mereka bernegara tentu sudah teruji baik buruknya kepada mereka sendiri. Apa yang diakui walih dan unik dalam cara Negara Brunei Darussalam bernegara pun adalah teruji buruk baiknya tetapi yang jelas negara ini memakai dan mengembangkan serta menyempurnakannya menurut keperluan sebenar.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika menyuarakan sokongannya berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja yang menunaikan janji.

Menurut pandangan Islam, tambah Yang Berhormat, janji ialah satu perkara yang berat dan mesti ditunaikan. Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa baginda memberi contoh yang baik akan sikap amalan menepati janji. Ini adalah pengajaran yang diperlihatkan oleh baginda untuk dicontohi khasnya oleh kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan baginda.

Mengenai penubuhan MMN, Yang Berhormat berkata, seperti mana yang dititahkan ianya menambatkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan yang telah wujud zaman-berzaman.

Yang Berhormat seterusnya menyebut institusi ketua kampung dan institusi orang-orang bergelar sebagai contoh. Institusi-institusi tersebut, jelas Yang Berhormat, menjadi tempat berunding dan sandaran bagi mewujudkan permuafakatan bak kata pepatah 'bulat air kerana

pembentung, bulat kata kerana bermuafakat'.

Seterusnya Ahli Rasmi, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng dalam menyusul usul menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan pengurniakan titah di Majlis Perasmian Persidangan Majlis Mesyuarat Negara mengemukakan usul yang dicadangkan adalah sangat bertepatan dan merupakan penghargaan yang tinggi ahli majlis terhadap komitmen baginda.

Yang Berhormat berkata, titah baginda mengandungi banyak petunjuk dan galakan bagi semua ahli majlis melaksanakan tugas yang amat penting dan penuh tanggungjawab itu serta mengandungi banyak nasihat yang perlu diberikan dalam memenuhi hasrat MMN sebagai sebuah institusi dan forum perbincangan yang membina.

Titah baginda itu, jelas Yang Berhormat, melambangkan ketulusan hati dan komitmen baginda dalam memberikan perhatian terhadap kesejahteraan dan kebajikan penduduk negara ini yang merupakan pemerintah yang prihatin.

Menyentuh mengenai hubungan antarabangsa, Yang Berhormat berkata Negara Brunei Darussalam mengamalkan dasar luar berlandaskan prinsip saling hormat-menghormati dan tidak campur tangan terhadap hal-ehwal dalam negeri serta menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat dengan demikian menjadikan Negara Brunei Darussalam dihormati dan diterima sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Yang Berhormat menambah, titah baginda itu juga melambangkan pengetahuan baginda yang mendalam terhadap sifat jati diri masyarakat Brunei.

Usul yang dibentangkan di sidang hari itu juga disokong oleh Ahli Rasmi,



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Maidin yang antara lain menyentuh mengenai keperluan perubahan dalam konteks Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dikenal pasti oleh jawatankuasa yang dilantik dalam memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat berkata, perubahan-perubahan yang dimaksudkan baginda bertujuan melindungi kepentingan rakyat dan negara ini sejajar dengan hasrat untuk menyesuaikan kedudukan dan keadaan negara ini sebagai sebuah negara yang merdeka dan penuh berdaulat dalam menghadapi perubahan serta pergolakan dunia yang berpunca dari era alaf baru.

Yang Berhormat menyokong struktur mekanisme melalui pewujudan semula MMN sebagai satu lagi forum penyaluran pendapat dan pandangan membina secara berterusan. Perkara tersebut, kata Yang Berhormat, jelas menunjukkan kesediaan dan kesungguhan rakyat menyumbang bakti dengan melibatkan diri dalam pembangunan negara.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair pula menekankan titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat bernilai



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

kerana kandungan wawasan dan visi baginda yang amat jelas mengenai pembangunan masa depan negara dan rakyat.

Yang Berhormat berkata, sudah sewajarnya sekalian rakyat dan penduduk memberikan sokongan padu dan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda dan kerajaan. Daripada intipati titah tersebut, tambah Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyedari akan cabaran yang dihadapi bangsa dan negara terhadap arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), di samping pelbagai pengaruh yang dibawanya yang boleh menyiratkan nilai-nilai budaya, tata susila dan kehidupan yang diwarisi dan diamalkan negara ini, di samping globalisasi dan ICT membuka peluang ekonomi dan perdagangan.

Sehubungan itu, kata Yang Berhormat, negara dan rakyat perlu mempunyai iltizam yang kuat dan daya saing yang tinggi. Yang Berhormat menambah sebagai rakyat dan penduduk semua perlu bangkit menjunjung dan menaati saranan baginda, di samping perlunya masyarakat menghindari daripada pewujudan yang menimbulkan kacau-bilau dan suasana yang akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat dan penduduk negara ini untuk mengangkat dan memartabatkan MMN sebagai platform dan wadah yang sihat untuk menyalurkan pendapat dan pandangan yang menyumbang kepada kesinambungan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara serta menjamin kesejahteraan negara.

Ahli-ahli MMN juga menyokong atas keberangkatan dan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sidang ditangguhkan dan akan disambung esok pagi.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.



YANG Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Maidin.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.



Laporan Majlis Mesyuarat Negara

Pengeluaran Kad Pengenalan masih dikawal

BERAKAS, 28 September. - Dalam mengulas perbahasan ucapan penangguhan yang telah dikemukakan dalam Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, Ahli Rasmi yang berhubung kait dengan isu pengeluaran lesen, kebenaran masuk ataupun permit masuk yang berhubung kait dengan Kad Pengenalan Merah di negara ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Haziir berkata, garis-garis panduan pengeluaran Kad Pengenalan Merah (KPM) bagi mereka yang bermastautin di negara ini sudah pun sedia ada. Ini adalah selaras dengan Bab 10 Akta Imigresen dalam mana kuasa diberikan kepada Pengawal Imigresen dalam memberikan pas-pas berkenaan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan sejak tahun 1953. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan bidang tugas Pengawal Imigresen dan melaksanakan garis panduan itu beliau juga menggunakan bidang kuasanya dari segi kesesuaian seseorang pemohon untuk dikeluarkan KPM. Pengeluaran KPM dikawal dengan sesempurnanya bagi menjaga kepentingan negara.

Dalam hal Lesen Rampaian, kerajaan memang menyedari mengenai masalah yang dihadapi dan perkara ini telah pun dibincangkan dalam Forum Perjumpaan Setiausaha-setiausaha Tetap mengenai pengeluaran Lesen-lesen Rampaian. Aspek pematuhan kepada peraturan dan keselamatan yang melibatkan kebakaran adalah diambil kira. Begitu juga aspek kesihatan kerana dikuatir akan menjejaskan kepentingan-kepentingan awam.

Dalam hal masalah kelambatan dalam penyediaan rumah di bawah Skim Perumahan Negara, kerajaan telah mengambil langkah yang wajar mengenaikannya. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara (RPN) yang bertujuan untuk meneliti dan mengkaji isu berkenaan. Pihak swasta juga mungkin akan dilibatkan sama dalam memajukan RPN berkenaan.

Mengulas mengenai isu pengangguran YB berkata, jumlah 7000 penganggur yang berdaftar dengan Jabatan Buruh adalah sebenarnya sebahagian daripada jumlah berkenaan. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bijaksana dan bersesuaian untuk mengembangkan sektor swasta di negara ini dengan menggalakkan pelaburan masuk ke negara ini yang mana akan mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Tapak skim perumahan tidak mencukupi

BERAKAS, 28 September. - Majlis Perbahasan bagi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) disambung hari ini dengan pelbagai isu dalam ucapan penganggungan diperbincangkan di antara ahli-ahli Rasmi Kerajaan, Ahli-ahli Rasmi dan Ahli-ahli Yang Dilantik yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Haji Kemaludin yang antara lain mengucapkan terima kasih kerana bekerjasama dalam mewujudkan perbahasan majlis yang berjalan dengan baik dan lancar sehingga selesainya beberapa isu. Majlis kemudian diikuti dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Awang Judin selaku Jurutulis MMN.

Kemudian Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz menyuarakan beberapa usul melalui ketetapan Pindaan Perlembagaan, bahawa majlis bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam perbahasan di hari ketiga itu, pengucapan hujah penangguhan pertama disampaikan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus bin Mohd. Noh yang antara lain menyentuh mengenai penyediaan skim perumahan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi penduduk di negara ini adalah baik tetapi ada beberapa kekurangannya. Salah satunya ialah tapak yang diberikan tidak mencukupi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat mencadangkan agar pemaju-pemaju perumahan berkenaan melibatkan pihak swasta dalam skim tersebut dengan memenuhi keperluan kepakaran, kewangan dan lain-lain lagi dengan kelayakan yang ada melalui penyertaan bumiputera bagi kepentingan kerajaan, selain penyediaan kawasan yang baru dikenal pasti dan membenarkan para pemaju menjualkannya kepada orang awam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa pula mencadangkan agar peraturan mesyuarat yang lama disalin semula kerana ada beberapa terasul yang tidak bersesuaian pada masa ini. Manakala beberapa isu juga dibincangkan mengenai permasalahan pengangguran yang menjadi masalah

judkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Ahli Rasmi, YB Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam ulasannya berkata, perkara sedemikian hendaknya bukan diatasi semata-mata dengan ungkay atau upaya kerajaan satu pihak saja dalam dasar-dasar kerajaan. Pada masa ini kerajaan melihat sektor swasta sebagai rakan dalam pembangunan dan semua bidang menjadi terbuka termasuk perkhidmatan, perusahaan, perindustrian dan sebagainya untuk memberikan peluang pekerjaan. Ini menjadi sukatsukut sejauh mana kita berperanan sama.

YB juga memberi andaian contoh mengenai perkembangan perusahaan pada zaman dulu di mana peluang pekerjaan itu diisi oleh anak-anak tempatan. Senario ini telah berubah pada masa kini di mana peluang-peluang pekerjaan seperti di Garaj Mencuci Kereta yang sepatutnya menyediakan pekerjaan untuk anak tempatan telah dipenuhi oleh pekerja-pekerja luar. Ini adalah kerana perkhidmatan seumpama itu telah memberikan kemudahan

universal masa kini tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam yang bersangkut-paut dengan faktor-faktor pemilihan kerja dan tidak memilih kerja.

Yang Berhormat menyuarakan pengurangan pengangguran pada masa kini belum berkesan sepenuhnya, justeru itu masalah tersebut perlu ditangani secara serius dan penuh komitmen dengan melibatkan semua lapisan masyarakat melalui perasaan tulus ikhlas dan bersungguh-sungguh menghadapinya.

Perkara kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat ialah mengenai kemudahan di kampung-kampung luar bandar agar disama ratakan dengan kemudahan yang terdapat di skim-skim perumahan, agar kesesuaian di skim perumahan dapat dinikmati bersama setakat yang patut dan berkesesuaian.

Giliran seterusnya diberikan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Abai yang antara lain menyuarakan mengenai perkembangan perniagaan di negara ini yang memerlukan pentadbiran yang sempurna iaitu pengeluaran lesen, tender dipercepatkan dan proses pengambilan pekerja juga dipercepatkan tanpa menjejaskan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan, selain syarat-syarat tapak tanah perniagaan dikaji semula, manakala cukai-cukai perlu dikurangkan dan dikemaskinikan lagi, demi untuk menggalakkan para penduduk tempatan berniaga dan menarik pelabur-pelabur asing untuk berniaga di negara ini, di samping hak-hak rakyat tempatan perlu dijaga.

Peningkatan penglibatan rakyat dalam penubuhan MMN ini adalah baik sebagai forum perbincangan bagi mengelakkan berlakunya perbalahan dan sebagai perpaduan rakyat adalah bertepatan, jelas Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Malah dari MMN pelbagai permasalahan dan penghujahan boleh diutarakan dan didengar oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi menanganinya.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Othman bin Uking menyuarakan cadangan mengenai bas sekolah yang masih boleh digunakan tanpa had setelah berusia lebih dari 15 tahun dan cadangan mengenai penerima pencen yang telah diberhentikan pada tahun 1993 diberikan seterusnya di samping pemberian TAP yang ada pada masa kini.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat

Oleh Haji Dayang HK dan Siti Aishah HS

kepada orang tempatan dan pengguna. Bagaimanapun tahun demi tahun pekerjaan ini diisi oleh pekerja luar tanpa berkurangan jumlahnya.

Pada hemat YB, perkara pengangguran hendaknya ditangani bersama bukan semata-mata kerajaan. Kerajaan adalah sebagai regulator atau pengatur begitu juga dengan pihak-pihak yang lain. Aliran pemohon-pemohon jawatan yang pada dulunya memerlukan kelulusan yang rendah, kini telah dipohonkan juga oleh mereka yang sedikit berkelulusan. Ini bukanlah kerana terdesak tetapi inilah kenyataan yang sebenarnya. Mereka yang datang dan bekerja ke negara ini adalah diundang oleh kita untuk bekerja dan bukannya sebagai 'perampas' seperti yang dikatakan oleh salah seorang YB Ahli Yang Dilantik.

Mengenai isu adanya ibu bapa yang tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah, perkara ini adalah amat memeranjatkan. Bagaimanapun, sejauh ini NGO sudah pun melaksanakan pe-

ranan mereka berusaha membantu anak-anak sekolah seperti menyediakan peralatan sekolah.

Mengenai isu Lembaga Tawaran Negara (LTN), Ahli Rasmi, YB Pengiran Dato Paduka Haji Maidin mengulas, kelambatan tawaran-tawaran berkenaan. LTN mempunyai Tekad Pemuduan Orang Ramai (TPOR). LTN akan memberikan jabatan-jabatan kerajaan untuk memproses atau menilai tawaran tidak lebih dari 12 bulan dan selanjutnya dalam tempoh 14 hari pihak berkenaan akan menimbalan tawaran-tawaran yang telah diadapakan dan dibagi tempoh selanjutnya 11 hari sebagai peringkat pertimbangan dan peringkat pelulusan. Ahli-ahli LTN juga mengambil masa untuk meneliti tawaran-tawaran berasaskan tatacara yang telah diguna pakai.

Mengulas mengenai isu insurans, YB berkata, perkara ini sedang pun dikemaskinikan oleh pihak yang tertentu kerana ianya draf yang penting yang perlu diteliti dengan sebaik-

Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin pula menyuarakan agar Lesen Rampaian yang ada pada masa ini dipercepatkan prosesnya masalah tersebut dan harus ditangani dengan segera selain menyentuh mengenai pemegang Kad Pengenalan Merah yang perlu ada keselarasannya untuk menjadi penduduk tetap Negara Brunei Darussalam selain membangkitkan mengenai masalah Akta Perlindungan (Insurance) yang harus ada perlindungan yang setimpal dengan yang dipohonkan.

Dalam pada masa yang sama, Yang Dipertua mencelah agar permasalahan mengenai Akta Perlindungan/Insurans itu, diusulkan permohonan bagi perkara berkenaan dengan menulis surat kepada peguam yang dilantik.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sungoh membangkitkan kembali mengenai masalah pengangguran terkini di negara ini yang semakin bertambah dari tahun ke setahun, membabitkan belia lepasan sekolah dan Universiti Brunei Darussalam yang telah mencecah ribuan orang ditambah lagi mereka yang gagal dalam persekolahan.

Jika masalah pengangguran bertambah terus-menerus, Yang Berhormat menjelaskan ditakuti akan menimbulkan gejala-gejala yang tidak diinginkan. Justeru itu, Yang Berhormat memberikan pandangan agar kerajaan harus tegas menjalankan pengurangan buruh kedai di negara ini, yang mana menurut Yang Berhormat buruh-buruh berkenaan telah merampas hak penduduk tempatan.

Manakala dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman agar masalah mengenai persekolahan anak-anak yang tidak mampu dibiayai oleh ibu bapa mereka agar diberi pertimbangan untuk dapat duduk di bangku sekolah, kerana jika tidak diberi pelajaran dan tidak diawasi, mereka ini akan menjadi anak terbiar, menjadi orang yang tidak berpelajaran dan tidak berilmu.

Sehubungan itu, Yang Berhormat juga berkata agar pihak kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya dengan memberikan bantuan terhadap ahli keluarga yang berkenaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menyuarakan mengenai masalah jalan raya yang didapati longgang-longgang yang tertutup agar mereka yang bertanggungjawab memberi perhatian terhadap masalah ini.

Sementara Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengemukakan perbincangan yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik agar apa jua teguran yang dilafaskan oleh ahli-ahli berkenaan, diambil perhatian sepenuhnya oleh para pegawai yang tertentu demi mengutamakan kepentingan bersama lebih dari kepentingan sendiri.

Yang Amat Mulia juga menambah agar semua teguran yang disampaikan oleh mereka yang dilantik diambil perhatian, manakala permohonan-permohonan yang ada jangan di lambat-lambatkan dan harus diperjelaskan setiap masalah yang dihadapi.

baiknya bagi kepentingan semua untuk melindungi semua pihak yang tertentu. Menyentuh mengenai peralatan ganti komputer yang masih dikenakan cukai, ianya adalah berikutan tatacara antara-bangsa yang menganggap peralatan tersebut boleh dijadikan sebagai peralatan-peralatan lain misalnya radio, VCD player atau CD player.

Berhubung isu pencen, YB berkata dalam usaha menjimatkan perbelanjaan yang besar dalam Skim Pencen, kerajaan telah memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) pada tahun 1993. Ianya bertujuan untuk melindungi pekerja-pekerja kerajaan dan swasta.

Mengulas mengenai isu sewaan tanah pula, Ahli Rasmi Kerajaan Jawatan, YB Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi berkata, ianya merupakan satu proses yang memakan masa yang perlu dilaksanakan secara bermuafakat. Ia juga melibatkan dasar-dasar negara dan banyak pihak seperti jabatan-jabatan kerajaan dan Kementerian-kementerian. Pada kesimpulannya YB berkata, segala tindak-tanduk yang akan dibuat perlulah dilaksanakan dengan berhati-hati sebelum sesuatu itu menjadi undang-undang.

Menjawab mengenai isu 'Standing Order' yang kurang praktis pada masa kini, YB berkata mengenai prosedur di Parlimen boleh dipaparkan tertakluk kepada pendapat Yang Dipertua dan Jurutulis menggunakan Peruntukan Peraturan 38.

Menjelaskan mengenai isu 'Ambulance Chasing' di mana Peguam sudah menunggu di rumah sakit jika berlaku sebarang kemalangan, YB berpendapat ia adalah barangkali memberi perkhidmatan kepada orang yang sudah ada Peguamnya menunggu tanpa payah mencari lagi peguam lain. Bagaimanapun perkara ini jika masih menimbulkan tidak puas hati, mereka yang berkenaan bolehlah menulis kepada Ketua Hakim atau Peguam Negara untuk menelitinya jika Peguam berkelakuan tidak senonoh. Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa sudah ada undang-undang untuk mengadakan sebuah badan yang bertanggungjawab mengenai disiplin peguam di negara ini.

Menyentuh mengenai isu persekolahan anak-anak, Ahli Rasmi Kerajaan Jawatan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mempunyai peruntukan kumpulan wang zakat yang antara lainnya bertujuan untuk membantu orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam kategori miskin termasuk ibu bapa yang tidak terdaya untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah kerana kepapaan bolehlah menghubungkan Setiausaha MUIB untuk disiasat dan dipertimbangkan.

Mengulas mengenai isu tawaran, Ahli Yang Dilantik Kerajaan Jawatan, YB Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Rahman berkata, tawaran bukanlah satu perkara baru dan setiap kerajaan mempunyai prosedur dan tatacara penilaian tawarannya yang tersendiri. Ianya juga bukanlah satu isu yang boleh dijawab oleh satu pihak saja tetapi banyak pihak yang terlibat. Ianya juga perlu dipertimbangkan dengan penuh tanggungjawab dan tidak berat

sebelah. Kerajaan juga mempunyai 'machinery' sendiri untuk menilai mengenai keperluan sesuatu tawaran itu. Pada umumnya ia melibatkan tanggungjawab dua hala dan kedua, proses ini hendaklah berjalan serentak dan dilancarkan demi kepentingan rakyat negara ini.

Dalam mengemukakan hujah perbahasan yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Dilantik mengenai pengeluaran Lesen Bas-bas Sekolah, Ahli Yang Dilantik Kerajaan Jawatan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz berkata, lesen-lesen tersebut dikeluarkan menurut syarat-syarat tertentu antaranya yang terpenting ialah untuk memastikan keselamatan anak-anak sekolah itu sendiri. Pada hemat YB, meskipun tempoh 15 tahun, bas sekolah masih dalam keadaan baik, namun keadaan bas sebenarnya perlu dinilai sepenuhnya oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat.

Berhubung isu pendidikan pula, YB berkata Negara Brunei Darussalam telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang dipanggil Pendidikan Untuk Semua (Education For All). YB mengambil tamsil misalnya penyediaan persekolahan percuma bagi rakyat Brunei untuk bersekolah di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Mengenai kadar mereka yang boleh membaca di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, YB berkata kadar tersebut telah mencapai 96 peratus sebanding dengan kadar yang dicapai oleh negara-negara maju. Mengenai tahap pendidikan ibu bapa, YB mendapati kualiti pendidikan di kalangan mereka juga meningkat dan lebih 14 peratus dari mereka berkelulusan diploma, ijazah dan seumpamanya.

Menyentuh mengenai graduan yang masih menganggur, YB menjelaskan bahawa jumlah berkenaan hanyalah kecil kerana 80 peratus para graduan telah diambil bekerja sebagai Guru. Namun demikian perkara ini akan terus dipantau dan ditangani.

YB meneruskan pengucapan perbahasan berkata, dalam keadaan politik yang stabil melalui kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara telah dapat mencapai kemajuan yang baik, ini termasuk kepesatan dalam perkembangan ICT. YB berkata, suasana ini dapat menjana projek-projek yang dapat memberikan pekerjaan yang dengan sendirinya mengurangkan pengangguran.

Sidang perbahasan MMN diakhiri dengan ucapan Yang Dipertua MMN, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Haji Kemaludin yang antara lain menghargai mengenai isu perbincangan yang telah dibentangkan sebagai isu yang bermutu tinggi walaupun di sebalik beberapa kesilapan yang bertentangan dengan perjalanan peraturan mesyuarat akibat sudah lama tidak bersidang.

Sidang pada pagi ini adalah sesi terakhir dalam siri Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Pertama Majlis Mesyuarat Negara setelah diisytiharkan ditunda kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian oleh Yang Amat Mulia Yang Dipertua. Persidangan MMN ini berlangsung pada 25, 27 dan 28 September 2004.



Laporan Majlis Mesyuarat Negara ...

Liputan Abdullah Asgar

BERAKAS, 27 September. - Temui dan dekati rakyat serta penduduk untuk mengetahui apa jua keperluan dan masalah mereka, baik untuk waktu ini ataupun di masa akan datang kerana suara dan fikiran rakyat dan penduduk di negara ini patut didengar oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin membuat saranan itu ketika berucap menyokong usul yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai keberangkatan dan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Pembukaan Rasmi Persidangan MMN di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Tugas-tugas yang berat itu haruslah dijalankan dengan cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sendiri sama ada berkunjung atau berjumpa Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu Mukim dan pada orang-orang yang boleh memberikan pandangan serta pendapat dari kampung-kampung yang ada di negara ini," katanya.

Sementara seorang lagi Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin pula antara lain berkata, Ahli-ahli Yang Dilantik mestilah menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan titah-titah baginda itu akan dijalankan dengan baik dan sempurna.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas pula menyifatkan kewujudan kembali MMN sebagai perubahan-perubahan yang akan dapat dan sebaik-baiknya melindungi serta memelihara kepentingan rakyat dan negara.

"Dengan adanya MMN itu dapatlah rakyat dan penduduk di negara ini dengan apa cara yang difikirkan baik bagi melibatkan diri dalam pembangunan negara," jelasnya.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus dalam menyokong usul

Suara dan fikiran rakyat perlu didengar

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata, setiap ahli yang dilantik mempunyai tanggungjawab di dalam MMN di mana tanggungjawab dan amanah itu akan dipersoalkan di akhirat nanti.

Oleh itu, katanya, beliau ingin mengingatkan dirinya sendiri bagi sama-sama memikul tanggungjawab itu dengan sesungguhnya.

Sementara Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman bin Uking

pula menyifatkan titah baginda sewaktu berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan MMN tersebut sebagai garis pandu bagi semua ahli-ahli majlis.

Katanya, apa yang diharapkan, garis pandu itu mudah-mudahan akan dapat dilaksanakan sebagai satu tanggungjawab, di samping menyokong dengan usul yang disuarakan tersebut.

Bagi Ahli Yang Dilantik, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji

Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, sama seperti yang dikehendaki oleh semua orang iaitu keamanan dan kesejahteraan begitu jugalah yang diinginkan di negara ini, di mana ia akan menjadi sebutan dan ristaan yang baik serta akan menjadi contoh kepada masyarakat negara lain di dunia ini.

Jelas Yang Amat Mulia, kurnia titah itu tidak dapat dinilai dengan apa jua sambil berdoa agar apa yang dihasratkan oleh baginda itu akan dapat dikabulkan oleh Allah jua.

Dalam menyokong usul itu, Ahli Yang Dilantik, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin mengingatkan supaya peristiwa kalaupun yang telah berlaku di negara kita ini yang menyebabkan Perlembagaan 1959 digantung tidak akan berlaku lagi.

"Saya berharap dan berdoa kita sebagai rakyat dan penduduk akan dapat mengekalkan keamanan, kestabilan, kemakmuran,

keharmonian dan kesejahteraan rakyat di negara ini yang sama-sama kita cintai ini," jelasnya.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunggoh dalam menyokong usul itu berkata, titah yang dikurniakan tersebut merupakan titah yang melengkapi segala masalah di negara ini.

Katanya, terbentuknya semula MMN seluruh rakyat dan penduduk di negara ini merasa gembira kerana dengan adanya majlis itu dapatlah rakyat dan penduduk menyatakan hasrat mereka yang terpendam sekian lama.

"Kalau dulu mereka tidak mempunyai tempat untuk meluahkan hasrat dan suara mereka, namun sekarang hasrat itu akan tercapai dengan pewujudan semua Majlis Mesyuarat Negara dan setiap Ahli-ahli Yang Dilantik akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang diharapkan," tambahnya.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus bin Mohd. Noh.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.



YANG Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Ismail.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin.



YANG Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas.



YANG Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunggoh.

Pembetulan

TERDAPAT kesilapan pada nama seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik pada keluaran Edisi Tambahan PELITA BRUNEI, 29 September 2004 Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Nama Yang Berhormat itu hendaklah dibaca, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Othman bin Uking. — Penyunting.

AHLI-AHLI Yang Dilantik mestilah menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan titah-titah baginda itu akan dijalankan dengan baik dan sempurna.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan ketika menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Polis Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Dadong. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Polis Republik Singapura

GADONG, 28 September. - Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan hari ini menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Polis Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei di sini.

Oleh Aliddin HM

Kunjungan tersebut adalah salah satu agenda dalam rangka lawatan tahunan bagi mengukuhkan bersama projek tahunan yang dikenali sebagai BRUSING Ke-12 di antara anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan

anggota Pasukan Polis Republik Singapura.

Projek BRUSING bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan persefahaman antara kedua-dua buah pasukan dalam melakukan operasi bersama.

Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui tiba semalam dengan diiringi

empat pegawai polis Republik Singapura.

Rombongan juga mengadakan lawatan ke tempat latihan iaitu di Kampong Selapon, Mukim Batu Apoi, Temburong.

Antara aktiviti yang juga akan diadakan adalah perlawanan persahabatan bola sepak dan tarik kalat di antara kedua-dua buah pasukan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika menyaksikan pameran sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam seurus merasmikan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Ke-11. - Gambar oleh Masri Osman.

Hari Guru wadah budaya yang penting

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS, 23 September - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, Sambutan Hari Guru sejak dilancarkan pada tahun 1991 telah bertapak sebagai budaya yang banyak memberikan wadah yang positif kepada status profesion perguruan di negara ini.

Sebahagian daripada wadah itu, jelas Yang Berhormat, terselit nilai-nilai murni yang boleh mengukuhkan budaya hormat-menghormati, sayang-menyayangi antara murid dengan guru, guru dengan ibu bapa dan tidak terkecuali masyarakat sekeliling.

Kemuncak segala-galanya di sambutan itu, tambah Yang Berhormat, ialah peluang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bercemerlang untuk beramah mesra antara baginda dengan seluruh anggota pendidik yang hadir di sambutan itu.

"Budaya seperti ini adalah sumber asli pendidikan yang memang dicambahkan benihnya dan dikukuhkan akarnya supaya dapat bertapak sebagai amalan yang boleh dicontohi sebagai warisan bangsa. Budaya seperti ini insya-Allah, diharapkan dapat membentuk pembinaan insan dengan ciri-ciri keperibadian yang luhur, berakhlak mulia, berhemah tinggi, sentiasa bersyukur, penyabar, pandai menghargai dan bertimbang rasa," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Bersama Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-14 menyatakan demikian dalam sembah alu-aluan di sambutan itu yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Menyentuh Penganugerahan Tokoh Guru tahun ini, Yang Berhormat menyebarkan bahawa Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Bagi Pemilihan Tokoh-tokoh Guru, atas perkenan baginda telah memilih lima orang tokoh guru dalam kategori masing-masing.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dengan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

dukacita menyebarkan bahawa seorang penerima Anugerah Khas Hari Guru iaitu Cikgu Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Sulaiman telah kembali ke Rahmatullah Taala sehari setelah beliau diagail oleh rombongan para pegawai Kementerian Pendidikan untuk memaklumkan penganugerahan itu.

Pada masa itu, jelas Yang Berhormat, Allahyarham didapati masih dalam keadaan sihat dan menunjukkan kegembiraan dan kesyukuran untuk menerima anugerah khas itu.

Selaras dengan matlamat dan tujuannya, sambutan itu juga, tambah Yang Berhormat, dihasratkan sebagai inspirasi untuk melihat betapa pentingnya setiap guru berkhidmat dengan cemerlang, tidak kira bila dan di mana mereka bertugas.

Setiap guru, jelas Yang Berhormat, dibekalkan dengan tanggungjawab dan etika sebagai amalan yang tidak boleh diambil ringan, hatta tawar-menawar bukanlah sifat asli seorang guru kerana jika sedemikian itu boleh mencacatkan imej dan mengurangkan kualiti.

"Kecemerlangan guru adalah model pendidikan, sekali gus menjadi 'benchmark' kepada amalan dan tanggungjawab mereka. Guru yang cemerlang ialah guru yang mempunyai muhasabah diri dan sentiasa meningkatkan kualiti kerana ia tahu tugas mendidik adalah pelaburan

murni yang dituntut oleh mana-mana budaya dan kepercayaan, tidak terkecuali kepada mereka yang beragama, kerana perkhidmatan yang sempurna adalah ibadat yang berkualiti, bakal dinikmati di hari Akhirat nanti, insya-Allah," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan berbilang-bilang menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda terhadap Undang-Undang Pendidikan Tahun 2003 yang merupakan 'milestone' utama dalam sejarah perkembangan pendidikan di negara ini.

Sejak Undang-Undang Pendidikan itu dikuatkuasakan pada akhir tahun 2003, jelas Yang Berhormat, tanpa sebarang kelonggaran pihak Kementerian Pendidikan telah menjalankan beberapa usaha bagi perlaksanaannya termasuk perbincangan-perbincangan dan taklimat secara berkumpulan seperti kumpulan pengkhulu dan ketua kampung, para pemimpin sekolah, beberapa kumpulan di peringkat daerah dan para pegawai pelaksana utama. Hubung kait dengan pihak-pihak lain seperti polis, imigresen, belia dan sukan juga dirafakkan dengan semangat kerjasama yang rapi.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi pihak Kementerian Pendidikan dengan ikhlas merekodkan penghargaan dan terima kasih khusus kepada Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang telah meneliti setiap perenggan undang-undang itu, Yang Berhormat Pegawai Negara dan pegawai-pegawainya yang telah bertungkus-lumus mengambil punggur ke hadapan dalam kesempurnaan undang-undang dan peraturan itu dan demikian juga kepada lain-lain agensi dalam Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik yang berkenaan. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik yakin pelaksanaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawah kuat kuasanya itu akan mendatangkan kemanfaatan yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat," sembah Yang Berhormat.

Anggota Perkhidmatan Awam: AMBIL IKTIBAR TITAH KEBAWAH DYMM

GADONG, 30 September. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyeru warga Perkhidmatan Awam supaya mengambil iktibar daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena perasmian

Majlis Mesyuarat Negara yang lalu.

Dengan mengambil iktibar titah tersebut katanya, nescaya proses Perkhidmatan Awam dan cara layanan terhadap rakyat hendaklah mengambil contoh teladan daripada wawasan baginda itu, dengan menyediakan sistem Perkhidmatan Awam yang lebih telus yakni 'transparent' dan yang mengutamakan keperluan orang ramai.



YANG Berhormat ketika menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Awam kepada wakil Kumpulan Al-Ahlaam, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Abdullah HAB.

Oleh Haji Ahat HI

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Ke-11 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan hendaklah menggalakkan kakitangan dan pegawai-pegawai bawahannya menyuarakan dan membincangkan buah fikiran mereka mengenai cara-cara untuk melicinkan sistem kerja, di samping menjalankan hubungan yang lebih erat dan rapat dengan orang ramai.

"Apabila sesebuah negara menjadi semakin maju dan rakyat dan penduduknya semakin berpengetahuan, tuntutan mendapatkan Perkhidmatan Awam yang berkualiti akan sentiasa meningkat," katanya.

Ini, menurut Yang Berhormat, adalah satu cabaran dan ianya adalah juga satu perkembangan

yang baik.

Dengan adanya cabaran-cabaran tersebut, tambah Yang Berhormat, Perkhidmatan Awam perlu sentiasa bersedia untuk memenuhi permintaan-permintaan terhadap perkhidmatan yang efisien.

"Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Majlis Mesyuarat Negara itu juga telah menyentuh mengenai contoh yang harus diberikan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang mana khususnya baginda merujuk kepada ciri-ciri bernegara, ciri istimewa dalam kerajaan dan amalan sikap muafakat serta mengutamakan kepentingan bersama lebih daripada kepentingan diri sendiri," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan lagi, semua ciri dan amalan yang dititahkan oleh baginda itu sama juga relevannya kepada tingkah laku dan pendirian setiap anggota Perkhidmatan Awam.

Nilai-nilai sedemikian, kata Yang Berhormat bukan hanya merupakan amalan mulia untuk di pejabat dan tempat kerja saja malahan juga harus dijadikan amalan sepanjang hayat.

Setiap anggota Perkhidmatan Awam, jelas Yang Berhormat, tidak kira sama ada peringkat pegawai mahupun kakitangan, mempunyai peranan dan tugas masing-masing yang tersendiri dalam jentera Perkhidmatan Awam.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian, kita sebagai warga Perkhidmatan Awam, tegas Yang Berhormat, perlu menanamkan sifat-sifat luhur dengan berdisiplin, amanah dan profesional, di samping mengamalkan etika kerja yang tinggi serta berpegang kuat kepada komitmen untuk mencapai kecemerlangan.

Wakil negara jalani Kursus Intensif Al-Quran

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 28 September. - Negara Brunei Darussalam akan menghantar wakil bagi menyertai Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-46 di Kuala Lumpur, Malaysia yang akan diadakan pada awal bulan Oktober depan.

Negara akan diwakili oleh Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman di mana kedua-dua mereka merupakan johan qari dan qariah di Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini.

Sehubungan itu, sebagai persiapan awal bagi penyertaan mereka mewakili negara di peringkat antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Kursus Intensif.

Kursus berkenaan merupakan satu usaha Kementerian itu bagi memperingkatkan lagi mutu dan kualiti bacaan mereka, di samping mampu bersaing bersama peserta dari negara yang lain.

Kursus yang berakhir hari ini sejak bermula pada 24 Ogos lalu telah melibatkan ahli panel dan tenaga pengajar seramai lima orang yang memiliki kepakaran dalam bidang pembacaan Al-Quran.

Haji Yusoff antara yang hadir mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh peserta kursus di majlis penutup kursus berkenaan hari ini.

Mereka bertanggungjawab memberi nasihat dan pandangan kepada peserta kursus dalam mempersiapkan diri untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran khasnya dalam memperingkatkan pengetahuan dari segi sebutan-sebutan huruf secara musyafahah (berhadapan) dan hukum-hukum tajwid.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang

Kursus Intensif seumpama itu yang diadakan beberapa tahun kebelakangan ini telah memberikan hasil di mana wakil qariah negara, Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf telah menjadi johan di Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2002.

Zaidin dan Rahimah wakili Kem. Pendidikan

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 September. - Awang Zaidin bin Morni muncul sebagai juara dalam kategori qari di Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran sempena Hari Guru Ke-14 2004 yang berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini.

Kemenangan Awang Zaidin yang merupakan Guru Agama Terlatih di Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit sekali gus menyingkirkan tiga peserta qari yang lain.

Sementara dalam kategori qariah, Guru Agama Terlatih Sekolah Ugama Kati-mahar, Dayang Hajah Rahimah muncul sebagai johan setelah mendapat saingan tiga peserta yang lainnya.

Kemenangan peserta qari dan qariah di pertandingan ini secara tidak langsung akan mewakili Kementerian Pendidikan di Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Antara Kementerian yang dijangka akan dilangsungkan pada bulan Oktober nanti.

Hadir menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang dan peserta hari itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

Brunei - China tandatangani kerjasama pertukaran maklumat, perundangan kesihatan, kepakaran latihan dan penyelidikan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, Menteri Kesihatan, telah mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Kesihatan Republik Rakyat China di Beijing dan Biro Bandar dan Kesihatan Shanghai pada 18 hingga 21 September 2004 iaitu selepas menghadiri Mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia Rantau Pasifik Barat Ke-55 di Shanghai pada 13 hingga 17 September 2004.

Menurut siaran akhbar kementerian berkenaan, lawatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama dua hala yang telah sedia wujud di antara kedua-dua negara dan seterusnya membincangkan pelaksanaan perundangan bidang kerjasama yang telah dipersetujui dalam Rancangan Tindakan (Plan of Action) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada tahun 2002.

Bidang-bidang kerjasama yang dimaksudkan antara lain meliputi pertukaran maklumat dan perundangan kesihatan, pertukaran kepakaran dan lawatan kerja, kerjasama dengan institusi kesihatan, latihan dan penyelidikan dan pengambilan tenaga kerja.

Menteri Kesihatan telah mengadakan rundingan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Gao Qiang, Menteri Kesihatan Eksekutif, Kementerian Kesihatan Republik Rakyat China di mana kedua-dua Menteri Kesihatan merakamkan rasa puas hati dan penghargaan mengenai hubungan kerjasama dua hala yang erat yang telah terjalin sejak penandatanganan Memorandum Persefahaman pada tahun 1996, yang mana telah disusuli dengan penandatanganan Rancangan Tindakan yang terse-

but di atas.

Sejak penandatanganan itu, beberapa aktiviti telah dilaksanakan yang mana telah memberikan kemanfaatan kepada kedua-dua buah negara. Kedua-dua Menteri Kesihatan juga mengambil maklum bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China juga menjalin hubungan kerjasama di bidang kesihatan melalui hubungan kerjasama serantau dan hubungan kerjasama pelbagai hala.

Hasil perundingan tersebut kedua-dua buah negara bersetuju bagi melaksanakan perkara-perkara berikut:

* Menyambung tempoh Rancangan Tindakan bagi dua tahun lagi iaitu tahun 2005 hingga 2007 dengan mengekalkan aktiviti yang sedia ada dan seterusnya berkemungkinan menambah beberapa aktiviti baru;

* Mengadakan perundingan selanjutnya di peringkat pegawai-pegawai kanan bagi membincangkan dan merundingkan secara terperinci keperluan-keperluan kedua-dua belah pihak seperti kerjasama teknikal dalam bidang berikut:

a) Latihan kepada profesional (dokter, jururawat dan profesional yang lain)

b) Suveillans dan networking terutama dalam bidang penyakit berjangkit

c) Perubatan Tradisional China terutama sekali isu-isu yang berkaitan perundangan dan pendaftaran

d) Bantuan Teknikal dan kerjasama dalam Perkhidmatan Perubatan Oksigen Hiperbarik

e) Penubuhan dan pelaksanaan 'Sister Hospital Programme'

f) Pengambilan tenaga kerja jururawat terutama dalam bidang kepakaran dan khusus perkhidmatan bilik bedah, rawatan rapi dan lain-lain dari Republik

Rakyat China untuk berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.

Semasa berada di Beijing pula, Yang Berhormat juga telah mengunjungi beberapa buah institusi perubatan di Shanghai iaitu Ruijin Hospital dan The International Peace Maternal and Child Hospital.

Yang Berhormat juga berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Tuan Yang Terutama Dr. Yang Xiaodu, Timbalan Mayor Shanghai.

Sementara itu, di Beijing, Yang Berhormat telah melawat Biro Pendaftaran Perubatan Tradisional China, Guan An Men Hospital of Traditional Chinese Medicine, Beijing Hospital dan Beijing Union Hospital serta Hospital Kanser.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan rombongan mengunjungi sebuah Wad Bersalin di International Peace Maternal, Shanghai, Republik Rakyat China. - Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar, Menteri Kesihatan ketika mengadakan perjumpaan bersama Puan Yang Terutama Madam Wu Yi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan, Republik Rakyat China.

Umat Islam akan nikmati buah kurma

GADONG, 23 September.

- Umat Islam di negara ini sekali lagi akan dapat menikmati buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelang bulan Ramadan.

Mesyuarat penye-larasan bagi Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia diadakan di Ibu Pejabat Yayasan Sultan

**Oleh
Abdullah Asgar**

Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Abdul Ghani.

Antara yang dibincangkan di mesyuarat itu ialah sistem pengendalian dan pembahagian buah kurma kurnia dan melantik urusetia dan anggota jawatankuasa penyelaras pembahagian yang terdiri daripada para pegawai YSHHB dan jabatan kerajaan yang terlibat.

Tahun ini sebanyak 113 tan metrik buah kurma jenis 'Mabroom' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini dengan tidak menghadkan umur.

Pengurusan pembahagian buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan projek khas yang dijalankan YSHHB setiap tahun.

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan mengenai format atur cara Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia yang diselenggarakan dengan perantaraan anggota jawatankuasa kerja dan kecil majlis.

Mesyuarat dihadiri oleh para pegawai YSHHB dan Pegawai-pegawai Daerah dari keempat-empat daerah serta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat termasuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Mesyuarat MOU Bidang Penyiaran Brunei - Singapura

BERAKAS, 18 September.

- Persidangan Ke-8 Menteri-menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) merupakan projek utama yang dipersetujui di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Perkara itu telah disetujui oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair di perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-14 Mengenai Kerjasama Di Bidang Penyiaran di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura, di sini.

Yang Dimuliakan berkat projek berkenaan telah menjadi kenyataan dalam wawasan ASEAN yang lebih besar ke arah kerjasama dalam bidang penyiaran digital yang lebih dinamik.

Menurutnya, Memorandum Persefahaman Di Bidang Penyiaran yang telah dimeterai kedua-dua buah negara membantu mengukuhkan lagi hubu-

**Oleh
Samle HJ**

ngan rapat Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan Ching Nam pula melahirkan rasa gembira hasil MOU berkenaan telah mengeratkan lagi hubungan penduduk kedua-dua buah negara sepanjang 13 tahun lalu.

Beliau menambah pencapaian penting di bidang penyiaran digital ialah idea bagi pawiawan bersama Set-Top Boxes atau STB di rantau ASEAN.

Melalui MOU berkenaan Radio Televisyen Brunei dan MediaCorp Technologies bekerjasama bagi memajukan aplikasi interaktif bagi TV digital yang memberikan keuntungan bersama kedua-dua pertubuhan berkenaan.

Usaha sama itu juga dilihat akan meningkatkan kerjasama dua hala mengenai perkembangan TV digital.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair hadir merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-14 Mengenai Kerjasama Di Bidang Penyiaran. - Gambar oleh Hamadi HM.

PEMENANG PERADUAN KUIZ PELITA SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KE - 14 TAHUN 1425H / 2004M

1. MARIANI BINTI ABDUL HAMID, NO. IC: 00-273287 (K) NO 23 SPG 141-6, KAMPONG TELANAI, BB2313.
2. HJH ASMAH BINTI HJ. ABD GHANI, NO. IC: 00-045546 (K) SEKOLAH AWAM TUTONG, JLN SUNGAI BESAR, TUTONG, TA1341.

3. DYG ISMAIDAH BINTI SAMAIEL, NO. IC: NO 7-230, BAN 3 JLN MULAUT, KILANAS, BG1221.
4. MOHAMMAD JEFFRY BIN TABONG, IC NO: 00-118533 (K) NO 141, KG PENGKALAN TANGSI, JLN LAYONG, LAMUNIN, TUTONG, TG 1543.
5. SYAZLINAH BINTI MAAMUD,

- PWD 216, NO 6A, KELAS F, SEK RENDAH ABD RASHID, TG MAYA, TUTONG, TD 2541.
6. ABDUL HAMID BIN HJ AHAD, NO. IC: 00-001272 (K) BILIK 3B BLOCK 4, SPG 75, JLN 'D' KG PERPINDAHAN MENTIRI, JLN KOTA BATU, BU1929.

7. DYG AMINAH BINTI MOHAMMAD, NO. IC: 00-072259 (K) NO 25, SPG 73, KG PANCHOR DULIT, TUTONG, TA 2141.
8. HAJI ISMAIL BIN METUSIN, NO. IC: 047410 (K) NO 15, SPG 231, KG SERASA, MUARA, BT 1728.

ARENA SUKAN

HANKOOK RAIDERS RANGKUL PIALA RIMULA ULTRA

HANKOOK Raiders dari Korea kali ini menjuarai Kejohanan Bola Keranjang Jemputan Ke-4 Shell Rimula Ultra 2004 dengan menewaskan Chuon Tzu Twisters Yulon dengan kiraan 92 - 69 dan membawa pulang B\$30 ribu sebagai habuan utama.

Chuon Tzu Twister Yulon wakil China Taipei selaku naib juara menerima B\$15 ribu dan Laguna Spring dari Filipina membawa balik B\$7 ribu sebagai pasukan di tempat ketiga.

Perlawanan akhir kejohanan itu diadakan malam

tadi (Jumaat) di Stadium Tertutup Kebangsaan Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas dengan dihadiri oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar selaku tetamu kehormat dan juga menyampaikan hadiah.

Pertemuan kedua-dua pasukan tersebut di peringkat akhir memang dinantikan oleh para peminat kejohanan memandangkan mereka sama-

Oleh
Abdullah Asgar

sama hebat namun, nasib lebih menyebelahi Hankook Raiders kerana terus mendahului Chuon Tzu dari awal permainan di mana dalam babak pertama mereka unggul dengan kiraan mata 21 - 18.

Di babak kedua setika mata hampir sama serangan mantap melalui penyerang utama Hankook Raiders, Jameel Sharif Watkins terus memungut mata membuat Chuon Tzu gusar hingga sering membuat 'time-out'.

Namun strategi yang dirancang oleh Penolong Jurulatih, Lii Yun Kung dalam 'time out' hanya sedikit membawa kesan malah pasukan lawan terus mengutip mata demi mata serta terus

memisahkan jurang yang sukar dikejar oleh pasukan Chuon Tzu.

Pada babak ketiga, Chuon Tzu hanya ketinggalan dua mata oleh Hankook Raiders, malang bagi pemain Chuon Tzu, Cedric Mc Ginnis yang juga pemain import terus membuat 'foul' dan kesempatan tidak disia-siakan oleh Jameel Sharif untuk terus mengutip mata.

Akhirnya sarangan yang dibuat oleh Hankook Raiders terus membenam Chuon Tzu hingga loceng penamat dibunyikan dengan mata 92 - 69 dan Chuon Tzu tidak terpaksa akur dengan keputusan itu walaupun pemainnya Cedric Mc Ginnis dinaubatkan sebagai penjaring terbanyak kejohanan.

Sementara pasukan Brunei Darussalam terpilih



MENYERLAH ... Hankook Raiders merangkul piala Rimula Ultra yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub. - Gambar oleh Hamadi HM.

sebagai 'pasukan terbaik' dalam disiplin pemain walaupun tidak pernah menang sepanjang perlawanan, manakala Jameel Sharif Watkins muncul pemain import terbaik dengan menerima wang tunai B\$500.00 berserta piala.

Tetamu kehormat juga menerima beberapa sumbangan oleh pihak pen-

ganjur. Antaranya sumbangan B\$10 ribu berupa cek bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, S2 ribu bagi Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan dan B\$2 ribu lagi bagi Tabung Kebajikan Kebangsaan.

Kejohanan tahunan ini dianjurkan oleh Persatuan Bola Keranjang Amatir

Bandar Seri Begawan dan Masyarakat Tionghoa Brunei dan Muara dengan Pemasaran Brunei Shell bertindak sebagai penaja utama kejohanan. Ia disertai oleh pasukan terbaik Asia termasuk Negara Brunei Darussalam, Sun City Dragons, Wadura Purefoods, Chuon Tzu Twisters Yulon, Remus Redbull, Hankook Raiders dan Laguna Spring.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Pg. Haji Abdul Hamid menyampaikan hadiah pada perlawanan akhir Kejohanan Ten Pin Bowling JPM. - Gambar oleh Hamadi HM.

Petroleum pertahanan kejuaraan boling

Oleh
Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Unit Petroleum 'A' berjaya mempertahankan kejuaraan Kejohanan Ten Pin Bowling berpasukan terbuka jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berlangsung di Utama Bowling.

Pasukan tersebut mencatatkan keseluruhan 2,396 jatuhan pin pada tiga permainan dan seterusnya merangkul piala rebutan Sumbangan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Md. Yassin.

Mengekori rapat di tempat kedua ialah Unit Petroleum 'B' yang mencatatkan 2,175 jatuhan pin, manakala Radio Televisyen Brunei (RTB) 'A' di tempat ketiga dengan mencatatkan 2,050 jatuhan pin.

Peserta terbaik perseorangan lelaki disandang oleh Pengiran Haji Bahrin dari Unit Petroleum 'A' yang mencatatkan 514 jatuhan pin, sementara Hajah Jauni Haji Awang Damit juga dari pasukan yang sama muncul sebagai

peserta terbaik perseorangan wanita dengan mencatatkan 492 jatuhan pin.

Bagi acara perseorangan, peserta RTB, Haji Yusof Haji Abdul Rahman muncul sebagai juara perseorangan bagi Kumpulan Satu dengan memperoleh 439 mata.

Kejohanan yang diendalikannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam itu adalah disempenakan dengan sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-11 selain bagi memilih pemain-pemain untuk mewakili Jabatan Perdana Menteri ke Kejohanan Ten Pin Bowling Antara Kementerian-kementerian.



SEORANG peserta semasa melakukan lontaran dalam Kejohanan Ten Pin Bowling antara jabatan-jabatan di bawah JPM.

Walkaton Sekolah-sekolah Rendah kutip \$151,658.72

Oleh
Haji Ahmad HAS

BERAKAS, 26 September. - Jawatankuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar Sekolah-Sekolah Rendah Brunei II berjaya mengumpul kutipan walkaton sejumlah \$151,658.72 melalui 22 buah sekolah-sekolah rendah yang dijalankan selama dua minggu.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengerusi Walkaton Jawatankuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar Brunei II, Dayang Hajah Tersiah binti Haji Pudin ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Walkaton Sekolah-sekolah Rendah Kawasan Brunei II 2004 yang berlangsung di Kawasan Laluan Budiman Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Beliau menambah, hasil kutipan walkaton itu, pihaknya akan menyumbang sebanyak satu peratus kepada Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA).

Diharapkan, katanya, hasil kutipan itu nanti

dapat digunakan dengan sebaiknya bagi menampung kekurangan-kekurangan di sekolah masing-masing dalam usaha untuk mempertingkatkan pencapaian akademik, sukan dan apa juga aktiviti yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain yang bersangkutan dengan pembelajaran, kesejahteraan dan keselamatan murid-murid.


Selepas itu diikuti dengan pelancaran rasmi walkaton anjuran Jawatankuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar Sekolah-Sekolah Kawasan Brunei II dengan memukul gong sebanyak tiga kali oleh tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah.

Menyusul selepas itu acara walkaton bermula yang dihadiri oleh tetamu kehormat dan ahli jawatankuasa serta guru-guru dan murid-murid sekolah rendah kawasan Brunei II. Bagi kategori lelaki berjalan sejauh enam kilometer dan wanita berjalan sejauh lima kilometer yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Di akhir acara, diadakan penyampaian hadiah-hadiah dan sijil kepada murid-murid dan guru-guru yang terpilih kerana mendapat kutipan yang banyak dalam kutipan walkaton.

Acara walkaton merupakan aktiviti sukan serta Badan Sukan dan Olahraga Jawatankuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar, Brunei II 2004.

Antara matlamat acara walkaton ialah untuk membolehkan sekolah-sekolah rendah Brunei II mendapatkan sumber kewangan bagi tujuan membeli peralatan sekolah untuk kegunaan aktiviti pembelajaran murid seperti melaksanakan program akademik, program ECA, sosial dan kebajikan hal-ehwal murid dan sebagainya selain dihasratkan untuk mempromosikan kesihatan dengan mengadakan senamrobik dan berjalan kaki.



MENARIK ... Seorang pemain yang menyertai Kejohanan Bola Keranjang di Stadium Tertutup memperlihatkan aksi yang menarik pada perlawanan akhir. - Gambar oleh Hamadi HM.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai walkaton peringkat sekolah-sekolah rendah kawasan Brunei II. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kebawah DYMM berangkat melawat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Belia dan Sukan (JBS) serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Kebangkitan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Oleh Haji Ahat HI

Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Semasa keberangkatan lawatan itu, baginda telah mengunjungi beberapa

bagian di JAPEM, JBS dan KKBS serta melihat secara dekat fungsi dan tugas yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan tersebut.

Dalam lawatan itu, baginda juga telah disembahkan taklimat dalam sesi tertutup yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di akhir lawatan baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Yang Berbahagia Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Negara Malaysia.

Berkenan menerima mengadap Ketua Setiausaha Negara Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Berbahagia Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Negara Malaysia berlangsung di Istana Nurul Iman.

Yang Berbahagia Tan Sri Osman berada di negara ini mengetuai delegasi Perkhidmatan Awam Malaysia bagi Program

Oleh Sahari Akim

Pertukaran Lawatan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam - Malaysia Ke-6.

Pertukaran lawatan tersebut merupakan program tahunan yang dikendalikan secara bergilir antara kedua-dua buah negara bertujuan untuk mengeratkan

perhubungan silaturrahim antara Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Di Majlis Mengadap itu, Yang Berbahagia Tan Sri Samsudin Osman disertai oleh Yang Berbahagia Dato Izzuddin bin Dali, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan Encik Saiful Azam Abdullah, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara

Brunei Darussalam.

Juga hadir di Majlis Mengadap itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi dari Malaysia yang terdiri 70 orang berada di negara ini bermula dari 1 hingga 4 Oktober 2004.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan antara dokumen yang terdapat di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sambil mendengar penerangan yang disampaikan oleh Pengarah JAPEM, Datin Hajah Zaleha binti Haji Mohiddin semasa baginda berkenan berangkat melawat ke jabatan berkenaan. - Gambar oleh Masri Osman.

Raja Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berke-

nan menerima mengadap Yang Berbahagia Puan Sri Suslita Abdul Majid, isteri Ketua Setiausaha Negara Malaysia di Istana Nurul Iman.

Puan Sri Suslita Abdul Majid berada di negara ini menemani suaminya bagi Program Pertukaran Lawatan Pegawai-pegawai Kanan Perkhidmatan

Oleh Haji Ahat HI

Awam Malaysia dan Negara Brunei Darussalam Ke-6.

Di Majlis Mengadap itu, Puan Sri disertai oleh Datin Paduka Nazariah Mohd. Khalid, isteri Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia dan Puan Hadizah Mahmud, isteri Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir di Majlis Mengadap itu ialah Yang Dimulikan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan Datin Hajah Rosnah, isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengadap Yang Berbahagia Puan Sri Suslita Abdul Majid, isteri Ketua Setiausaha Negara Malaysia.

Kebawah DYMM berkenan utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Oktobr. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Horst Kohler, Presiden Republik Persekutuan Jerman dan Tuan Yang Terutama Gerhard Schroder, Canselor Republik Persekutuan Jerman bersempena Hari Penyatuan Jerman.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Re-

publik Persekutuan Jerman. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Horst Kohler sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Persekutuan Jerman akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Gerhard Schroder, Canselor Republik Persekutuan Jerman, baginda mengucapkan setinggi-

tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman sempena Hari Penyatuan Jerman, Republik Persekutuan Jerman.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Persekutuan Jerman. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.



قنديقن برسقادو مشاركت برساتو

PENDIDIKAN BERSEPADU MASYARAKAT BERSATU

دترهتكن اوله جياتن شران، جياتن فردان منقري نان دجهت اوله جياتن فرجهتكن كرلجان، جياتن فردان منقري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

انسان **ANEKA**

BILANGAN 40

RABU 6 OKTOBER 2004

1425 رابو 21 شعبان

PERCUMA

JERUDONG, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Malam Irama Dendang Pengantin Diraja yang berlangsung di The Theatre, Empire Hotel & Country Club di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkihah selaku Pengarah Eksekutif Kumpulan Seri Irama.

Berangkat sama ke majlis itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengi-

ran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-

Liputan Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB, Harun HR
dan Masri Osman

MALAM **IRAMA** **DENDANG** **PENGANTIN** **DIRAJA**



INDAH SEPADAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan memotong kek perkahwinan sebagai acara kemuncak Majlis Malam Irama Dendang Pengantin Diraja.



RAMAH DAN MESRA ... Pasangan Mempelai Diraja berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Kumpulan Seri Irama dan para jemputan yang lain (atas dan bawah).



Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama-sama ahli-ahli serta artis-artis Kumpulan Seri Irama dan seterusnya dijunjung berangkat ke tempat santap yang dikhaskan.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan persembahan yang disebarkan oleh artis-artis dari Kumpulan Seri Irama dengan menampilkan Sari-mah Ibrahim selaku pengacara undangan dari Malaysia.

Majlis diserikan lagi dengan acara memotong kek perkahwinan yang disebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menerima pesambah dari Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkihah dan isteri.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Kumpulan Seri Irama dan para jemputan yang lain.



PASANGAN Mempelai Diraja berkenan menerima pesambah dari Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkihah dan isteri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa berkenan bergambar kenangan bersama ahli-ahli Kumpulan Seri Irama sebelum Majlis Malam Irama Dendang Pengantin Diraja berlangsung di The Theatre, Empire Hotel & Country Club. Berangkat sama YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malek, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah dan YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Raja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

PEMBENTUKAN semula Majlis Mesyuarat Negara (MMN) setelah dibubarkan pada 13 Februari 1984, lebih kurang 20 tahun dahulu mendapat perhatian dari masyarakat serantau dan antarabangsa apatah lagi kepada rakyat dan penduduk negara ini. Ia merupakan satu perkembangan yang baik selaras dengan kehendak dan keadaan masa kini.

Rakyat dan penduduk negara ini sangat-sangat menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan kepimpinan baginda yang begitu mengambil berat mengenai kebajikan rakyat dan kemajuan masa hadapan negara.

Tidak syak lagi wawasan dan pandangan jauh baginda itu akan dapat membawa bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini bertambah maju, aman dan sejahtera. Ke arah cita-cita murni ini maka segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini hendaklah merapatkan barisan, berpadu fikiran dan tenaga dengan penuh komitmen dan tanggungjawab mendukung dan menyokong usaha positif kerajaan baginda.

Dengan rasa gembira FOKUS kali ini tidak melepaskan peluang mencatatkan pembentukan MMN yang begitu signifikan dan penting kepada hala tuju masa depan bangsa dan negara. Dalam ruangan terbatas ini kita akan memetik intipati Titah Perasmian MMN pada 25 September 2004 di Dewan Permesyuaratan, Pusat Persidangan Antarabangsa yang merupakan amanat untuk dijadikan garis pandu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat (YB) dan seluruh rakyat di negara ini.

Juga dipetik ialah intipati ucapan Ahli-ahli YB semasa membahaskan usul menjunjung kasih atas keberangkatan dan kurnia titah perasmian baginda yang mengambatkan tanggapan, persepsi dan aspirasi mereka dalam menaati amanah yang telah dipertanggungjawabkan itu.

AMANAT

Seperti yang dibayangkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang lepas bahawa baginda berhasrat untuk mewujudkan struktur perundangan yang formal dengan mengadakan semula MMN.

Satu Jawatankuasa telah dibentuk yang ditugaskan mengkaji semula Perlembagaan dan Undang-undang Negara supaya benar-benar selaras dengan keadaan yang penuh dengan cabaran ini.

Jawatankuasa berke-

naan telah mengenal pasti perubahan-perubahan yang perlu untuk mengukuhkan lagi institusi pemerintahan beraja dan meningkatkan keberkesanan hubungan kerajaan dengan rakyat.

Baginda pada majlis itu bertitah: "Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui berbagai peringkat perundangan. Sudah barang tentu mereka akan mengemukakan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan."

Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat. Sebarang kesilapan akan mengundang risiko, di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama.

Perlu diingat, penghormatan ini sangatlah berat. Ahli-ahli mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina.

Ahli-ahli Majlis perlu menyedari bahawa perhatian rakyat dan masyarakat antarabangsa adalah tertumpu kepada mereka. Mereka sedang disuluh sehingga kepada tingkah laku mereka. Oleh itu, sayugialah mereka jangan sekali-kali mengabaikan faktor-faktor akhlak di samping juga yang lain-lain.

Beta dan rakyat adalah sedang menunggu hasil perundingan ini. Beta percaya, institusi ini akan lebih mendekatkan beta dan kerajaan dengan rakyat serta dapat membantu memenuhi cita-cita dan harapan kita semua."

Titah baginda itu merupakan amanat yang perlu difahami dan dihayati bukan sahaja oleh Ahli-ahli YB malah segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini. Dalam hal ini Ahli-ahli YB dan rakyat perlu tahu akan peranan masing-masing.

PERMULAAN YANG BAIK

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Pertama MMN yang menyambung sidang pada petang 25 September telah menerima dan meluluskan usul Pindaan Perlembagaan 2004. Sidang yang disambung pada pagi 27 September membahaskan usul menjunjung kasih atas keberangkatan dan kurnia titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permesyuaratan berjalan dengan baik dan menghasilkan hujah-hujah awal menyentuh hala tuju mesyuarat serta tekad 'per-

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

'Wadah mengadun fikiran dan permuafakatan'

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

tanggungjawapan' Ahli-ahli YB dalam memikul tugas besar itu.

YB Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman: Yang Dipertua: Masanya telah sampai bagi kita memastikan bahawa pindaan-pindaan perlu dibuat terhadap Perlembagaan Negara Brunei Darussalam supaya ia mencerminkan intipati sebenar pemerintahan Melayu Islam Beraja dan sistem pemerintahan kita yang unik.

YB Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi: Yang Dipertua: Saya sukacita mengesahkan setelah meneliti Rang Pemasalahan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pindaan yang dibincangkan bahawa rang pindaan tersebut adalah teratur dari segi undang-undang.

Pada masa yang sama ada baiknya juga kita memetik kalimat-kalimat bacaan doa oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Awang Judin, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang antara lain berbunyi:

"... Ya Allah dengan izin-Mu jua mesyuarat pada pagi ini bersidang membincangkan perkara-perkara yang berfaedah untuk negara kami dan isi di dalamnya, Ya Allah tunjukkan jalan yang lurus, bimbinglah kami supaya akan dapat mencapai sebaik-baik keputusan yang Engkau redai Ya Allah.

.... Allah Humma Ya Allah Ya Tuhan kami, bersihkanlah dan sucikanlah hati kami, lidah kami, penciuman kami, pendengaran kami, penglihatan kami dan perasaan kami daripada perkara-perkara yang engkau tidak redai kerana hamba-Mu ini Ya Allah sangat lemah dan tidak mampu untuk melawan syaitan tanpa pertolongan dan syafaat-Mu Ya Allah."

Kita ikuti pula petikan ungkapan menarik mukadimah awal ucapan Ahli-ahli YB ketika membahaskan usul menjunjung kasih yang antara lain:

YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Abdul Aziz: Pada pagi ini Yang Dipertua saya ingin menyentuh satu dua perkara yang dititahkan oleh Baginda Yang Di-Pertuan. Antaranya supaya kita Ahli-ahli Majlis ini semuanya bertanggungjawab untuk memartabatkan MMN ini sebagai institusi yang dihormati.

Yang Dipertua: Satu sifat yang kita sama-sama hendaklah menaati iaitu supaya majlis ini berusaha menerusi segala perbincangan, segala buah fikiran dan segala tindak tanduk hendaklah mempunyai kualiti yang begitu tinggi dan sentiasa terpelihara.

YAM Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof: Yang Dipertua: ... Sekali lagi saya berseru kepada Ahli-ahli Majlis, sebagaimana yang diseru oleh Menteri Pendidikan tadi supaya kita menjaga diri kita supaya menghormati dan dapat menzahirkan diri sebagai seorang yang bermartabat dan tahu menggunakan adat-istiadat dengan cara bersopan santun.

YB Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin: Yang Dipertua: ... Peramba dapat menjangkakan bahawa MMN di bawah Pindaan Perlembagaan itu, dengan kesedaran segenap lapisan ahli-ahlinya, akan terlepas daripada sifat nafsu nafsi apatah lagi sifat berpihak-pihak atas asas golongan dan kepentingan yang sempit.

YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain: Yang Dipertua: ... Firman Allah Subhanahu Wataala (dibaca dalam bahasa Arab) ... Dan hendaklah kamu tunaikan janji kerana janji itu akan ditanya akan diperiksa dengan teliti ... Firman Allah (dibaca dalam bahasa Arab) ... Yang bermaksud wahai orang-orang yang beriman kenapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak kerjakan. Sangat besar murka Allah apa yang kamu katakan tidak dikerjakan.

YB Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng: Yang Dipertua: ... Negara juga telah berjaya menjalankan hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat. Dengan demikian Negara Brunei Darussalam telah dihormati sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Yang Dipertua di samping usaha baginda membawa pembaharuan, baginda sentiasa memberi keutamaan dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan sekian lama yang dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini dan merupakan asas yang penting bagi kemajuan dan kesejahteraan kita semua.

YB Pengiran Dato

Paduka Haji Maidin: Yang Dipertua: ... Seperti dimaklumi penglibatan rakyat jelata dalam arus pembangunan negara amat dialu-alukan supaya apa jua hasil proses pembangunan seperti meningkatkan taraf kehidupan dapat dinikmati sepenuhnya secara berterusan oleh segenap rakyat. Juga ini hanya dapat dimanfaatkan menerusi interaksi yang rapat antara kerajaan dan rakyat seperti sekarang ke arah sama-sama menjaga keamanan dan kestabilan negara ini bagi membolehkan pembangunan ekonomi yang berterusan dilakukan semata-mata untuk kemakmuran dan kesejahteraan semua.

YB Pehin Dato Singamanter Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin: Yang Dipertua: ... Pandangan dan pendapat rakyat adalah penting dalam sama-sama membangunkan negara dan perlu diambil kira.

Sudah tentunya MMN adalah landasan perbincangan dan forum tambahan di mana pandangan dan pendapat tersebut dapat disalurkan dan di mana dasar-dasar kerajaan dan isu-isu utama dapat dibincangkan dan dianalisa secara terbuka (open) dan telus (transparent).

YB Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair: Yang Dipertua: ... Dalam waktu yang sama bagi mengekalkan dan meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan rakyat dan negara, dan juga untuk meraih peluang-peluang ekonomi dan perdagangan yang dibawa oleh globalisasi dan ICT, negara dan rakyat perlu mempunyai iltizam yang kuat dan daya saing yang tinggi. Ke arah ini perlu terdapat hubungan rapat dan simboitik di antara kerajaan dan rakyat dalam merancang dan membincangkan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan negara.

YB Dato Paduka Awang Haji Puasa: Yang Dipertua: ... Jadi tugas yang berat ini harus-

lah dijalankan dengan cara-cara difikirkan sesuai oleh Ahli-ahli YB itu sendiri sama ada berhubung atau berjumpa Ketua-ketua Kampung, Penghulu Mukim dan orang-orang yang boleh memberikan pandangan dan pendapat dari kampung-kampung yang ada di seluruh negara ini.

YB Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Yang Dipertua: ... Baginda adalah seorang raja yang mengambil berat terhadap masalah-masalah dan kebajikan rakyat. Ini jelas dilihat dari lawatan-lawatan yang selalu baginda lakukan ke kampung-kampung. Kami selaku Ahli-ahli Yang Dilantik mestilah menjalankan tugas dan tanggungjawab kami untuk memastikan titah baginda dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

YB Awang Haji Idris: Yang Dipertua: ... Perubahan-perubahan ini akan membolehkan kita dengan sebaik-baiknya melindungi dan memelihara kepentingan rakyat dan negara dan dapatlah juga sebagai cara melindungi diri dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

YB Dato Paduka Awang Haji Yanos: Yang Dipertua: ... Pada Khutbah Jumaat yang baru lepas di antara lain ada menyentuh mengenai perkara tanggungjawab. Tanggungjawab adalah satu amanah, kita akan dipersalahkan di Hari Kiamat nanti. Dari itu saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan sama-sama memikul tanggungjawab dengan sesungguhnya.

YB Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman: Yang Dipertua: ... Insya-Allah saya sebagai salah seorang yang telah dilantik berikrar seperti mana sumpah yang telah saya lakukan pada 25 hari-bulan.

YAM Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin: Yang Dipertua: ... Saya berdoa bahawa semoga hasrat

yang jujur, yang mulia dan suci murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberkati serta dikabulkan Allah Subhanahu Wataala jua.

YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin: Yang Dipertua: ... Saya ingin mengingatkan ataupun mengingatkan diri saya sendiri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat dan penduduk di negeri ini supaya peristiwanya kacau-bilau yang telah berlaku di negara kita ini yang telah menyebabkan Perlembagaan tahun 1959 digantung, tidak akan berlaku lagi. Saya berharap dan berdoa kita sebagai rakyat akan dapat mengekalkan keamanan, keadilan, kemakmuran, keharmonian dan kesejahteraan rakyat di negeri yang sama-sama kita cintai ini.

YB Pengiran Dato Paduka Haji Damit: Yang Dipertua: ... Rakyat bersyukur dan begembira kerana dengan adanya MMN pada hari ini dapatlah rakyat mengatakan hasrat mereka yang terpendam selama ini yang mana beberapa waktu yang silam hasrat mereka untuk ditunjukkan ke mana.

YB Awang Haji Sulaiman: Yang Dipertua: ... Dalam hal ini walaupun kita menggalakkan peniaga ataupun pelabur luar tetapi dalam hak-hak keistimewaan peniaga bumiputera perlu dilindungi, kontrak-kontrak pembekal bumiputera dan projek kerajaan, Syarikat Minyak Brunei Shell perlu dilindungi dalam dunia perniagaan yang tidak bersempadan ini. (Perbahasan 28 September).

Itulah gambaran awal dalam perbahasan MMN pada 27 September. Yang Dipertua Dewan menangguhkan sidang sehingga keesokan harinya, 28 September. Selamat 'Bersidang', Ahli-ahli YB, diiringi doa restu.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

(Bahagian Pemetaan)

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pembekalan peta-peta tidak terkawal	Serta-merta
2.	Pembekalan peta-peta terhad	3 - 7 hari
3.	Pembekalan Peta-peta Rupa Bumi	7 hari
4.	Pemasangan nombor-nombor rumah dan label simpang	3 - 7 hari

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita sedang berada di bulan Syaaban iaitu bulan kelapan dalam takwim Islam. Bulan Syaaban juga mempunyai banyak kelebihan. Segala amal ibadat yang dilakukan di bulan Syaaban tersebut akan mendapat balasan berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wataala.


Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila berada di bulan Syaaban, maka Baginda lebih gemar berpuasa sunat lebih banyak berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Justeru kita selaku umat Baginda, sepatutnya mencontohi amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Sayidatina Aisyah Radiallahuanha pernah berkata yang maksudnya:

"Aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan, lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban." (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Dalam sebuah hadis yang lain pula yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dari Aisyah Radiallahuanha katanya yang maksudnya:

"Bahawasa bulan yang paling dicintai

BANYAKKAN PUASA SUNAT, BERDOA, BERZIKIR, BERSELAWAT KEPADA RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DI BULAN SYAABAN



oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa di dalamnya ialah bulan Syaaban kemudian Baginda meneruskannya hingga ke bulan Ramadan."

Selain melakukan amalan puasa sunat, kita juga digalakkan supaya memperbanyakkan berdoa, berzikir, membaca selawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bertaubat dan mengerjakan amalan-amalan lain yang boleh mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Oleh kerana bulan Syaaban hanya datang sekali dalam setahun, maka amatlah kesempatan untuk meningkatkan amal ibadat kita pada bulan ini dalam usaha memperbaiki diri menuju ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Tidak lama lagi setelah bulan Syaaban berakhir kita akan bertemu pula dengan bulan Ramadan yang diwajibkan kita berpuasa. Apa yang ingin kita ingatkan sebelum menjelang bulan Ramadan itu, adakah kita masih mempunyai qada

puasa Ramadan yang lalu yang belum ditunaikan? Jika ada, maka tunaikanlah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih sihat dan bertenaga serta sebelum tibanya bulan Ramadan.

Setiap orang mukalaf yang meninggalkan puasa Ramadan disebabkan keuzuran seperti sakit, musafir, haid, nifas, hamil dan sebagainya adalah diwajibkan untuk mengqada puasa yang ditinggalkannya itu.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 yang tafsirnya:

"Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka bolehlah ia berbuka kemudian wajibkan ia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain."

Perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang Ramadan yang berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut berserta membayar fidyah. Jika dia tidak mengqada juga sehingga datang lagi Ramadan yang seterusnya, maka diwajibkan ke atasnya membayar fidyah dua kali ganda bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan. Ini bererti dia wajib meng-

qada satu hari puasa berserta fidyah dua cupak beras. Perlu diingat qada puasa yang ditinggalkan tidak akan luput dari tanggungjawab seseorang untuk ditunaikan. Namun fidyah itu akan terus berganda dari tahun ke tahun selagi dia belum habis menyempurnakan qada puasanya.

Oleh yang demikian, janganlah dilengah-lengahkan qada puasa sehingga datangnya Ramadan yang baru ataupun langsung tidak menghiraukannya sehingga berlaku Ramadan dari setahun ke setahun. Ini bukan sahaja boleh menyebabkan bergandanya fidyah yang wajib dibayar bahkan juga mendapat dosa besar ke atas pelakunya.

Sama-samalah kita ingat-beringat mengenai perkara mengqada puasa ini dan janganlah ia dilengah-lengahkan. Rebutlah peluang untuk mengqada puasa yang masih belum ditunaikan di bulan Syaaban yang mulia ini.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Adz-Dzaariyaat ayat 55 yang tafsirnya:

"Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatannya itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman."

SESUNGGUHNIA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila berada di bulan Syaaban, maka Baginda lebih gemar berpuasa sunat lebih banyak berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Justeru kita selaku umat Baginda, sepatutnya mencontohi amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Sayidatina Aisyah Radiallahuanha pernah berkata yang maksudnya:

"Aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan, lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban." (Riwayat Imam Al-Bukhari).

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 21 شعبان، 1425 برسمان دغن 6 اوكتوبر، 2004 هيگت كهاري ثلاث، 27 شعبان، 1425 برسمان دغن 12 اوكتوبر، 2004 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	سوروق	ضحی	مسيحي
شعبان									لوكتوبر
21	12.10	3.24	6.11	7.20	4.40	4.50	6.06	6.30	6
22	12.10	3.24	6.10	7.19	4.40	4.50	6.06	6.29	7
23	12.09	3.24	6.10	7.19	4.40	4.50	6.06	6.29	8
24	12.09	3.24	6.09	7.19	4.40	4.50	6.06	6.29	9
25	12.09	3.24	6.09	7.18	4.39	4.49	6.06	6.29	10
26	12.09	3.24	6.09	7.18	4.39	4.49	6.06	6.29	11
27	12.08	3.24	6.08	7.18	4.39	4.49	6.06	6.29	12

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تقياري.

DALAM sebuah hadis yang lain pula yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dari Aisyah Radiallahuanha katanya yang maksudnya:

"Bahawasa bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa di dalamnya ialah bulan Syaaban kemudian Baginda meneruskannya hingga ke bulan Ramadan."

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

FAKTOR-FAKTOR RASUAH

ADA beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya amalan rasuah seperti berikut:

1. Hilang atau lemah nilai keimanan dalam kehidupan manusia boleh menjadi faktor berlakunya penyelewengan dalam pencarian atau perolehan harta.

2. Tabiat manusia yang amat suka kepada harta benda. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Serta kamu pula kasihkan harta secara tamak haloba." (Surah Al-Fajr : 20).

3. Tidak bersikap amanah. Allah Subhanahu Wataala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah pun memberikan dasar kriteria pemimpin, ketua, pegawai dan selanjutnya untuk dilantik, sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayahku, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah." (Surah Al-Qashash : 26).

Sementara dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya yang bermaksud:

"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Seorang mukmin yang kuat (jiwa yang teguh dan bersih dalam perkara-perkara akhirat) lebih baik dan lebih disukai Allah daripada seorang mukmin yang lemah..." (Hadis riwayat Muslim).

Terabainya amanah iaitu apabila sesuatu urusan diserahkan kepada seseorang yang bukan ahlinya, adalah salah satu tanda Hari Kiamat. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya yang maksudnya:

"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Apabila amanah diabaikan maka tunggulah Hari Kiamat."

RASUAH: Gejala masyarakat yang perlu dibanteras

Bilangan 189
Bahagian Akhir

Bertanya (Al-A'rabiy): "Bagaimana abaikannya wahai Rasulullah?"

Baginda bersabda: "Apabila suatu perkara diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah Hari Kiamat." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

4. Tidak ada penerapan hukum Allah Subhanahu Wataala dalam kehidupan manusia.

5. Kurang pemahaman atau tidak faham langsung dengan konsep serta ajaran Islam secara betul dan menyeluruh.

6. Faktor-faktor yang lain secara ringkas:

- (i) Lemah pendidikan agama dan etika.
- (ii) Tamak.
- (iii) Banyak berbutang.
- (iv) Ada keinginan dan ada peluang.
- (v) Kepimpinan dan pentadbiran yang lemah.
- (vi) Faktor sosial yang menganggap rasuah sebagai cara hidup.
- (vii) Untuk mencapai cita-cita.
- (viii) Belanja hidup yang semakin meningkat.

PENCAMAN KEPADA PENGAMAL RASUAH

Ancaman-ancaman terhadap pengamal rasuah adalah seperti berikut:

1. Mendapat kemurkaan, laknat dan kebencian Allah Subhanahu Wataala.

2. Mendapat kutukan dan laknat daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam.

3. Tidak mendapat rahmat, taufiq dan hidayat Allah Subhanahu Wataala.

4. Pemberi dan penerima rasuah diancam dengan api Neraka.

5. Rasuah itu termasuk memakan harta dengan jalan yang salah.

6. Rasuah tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar.

7. Doa tidak diterima.

BAHAYA RASUAH DAN KESANNYA

Amalan rasuah merupakan suatu bentuk gejala sosial yang wajib ke atas setiap individu mencegahnya. Ini kerana rasuah itu banyak memberi kesan yang buruk, bukan sahaja terhadap individu bahkan juga kepada masyarakat dan negara. Antara kesan-kesan buruk rasuah itu adalah seperti berikut:

1. Kesan-kesan Rasuah Terhadap Individu:

- (i) Kehilangan pekerjaan.
- (ii) Kejatuhan moral atau maruah.
- (iii) Menerima hukuman.
- (iv) Menghancurkan keharmonian hidup berumah tangga.
- (v) Keluarga terabai.

2. Kesan-kesan Rasuah Terhadap Masyarakat:

- (i) Mengakibatkan ketidakadilan disebabkan mengeneipkan hak-hak orang tertentu.

(ii) Menggalakkan jenayah dan melindungi penjenayah.

(iii) Membebaskan golongan orang susah.

(iv) Memburukkan lagi taraf kemiskinan kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu rakyat miskin diselewengkan.

3. Kesan-kesan Rasuah Terhadap Negara:

- (i) Menjejaskan kecakapan dan integriti pentadbiran.
- (ii) Menjejaskan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan.
- (iii) Tumpuan pembangunan yang tidak seimbang.
- (iv) Kenaikan kos barang dan perkhidmatan.
- (v) Mengurangkan pendapatan negara.
- (vi) Menurunkan mutu dan kualiti kerja atau produk yang dihasilkan.

PENYELESAIAN PENYAKIT RASUAH

Ada beberapa cara atau langkah yang difikirkan boleh mengurangkan masalah rasuah ini daripada berleluasa, antaranya:

1. Menyebarkan kefahaman terhadap konsep Islam kepada masyarakat seperti menjelaskan reaksi Islam terhadap perbuatan rasuah dan mengenal pasti perbuatan yang direddi Allah Subhanahu Wataala mahupun yang sebaliknya.

2. Pendidikan Islam sejak dari usia kecil agar membentuk peribadi Muslim yang beriman dan bertakwa kerana dengan adanya iman dan takwa boleh

menghalang seseorang itu daripada melakukan maksiat.

3. Membentuk individu beretika mulia dengan menanam sikap amanah, jujur, menyuruh kepada melakukan kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan.

4. Menanamkan sikap minat belia-belia untuk mempelajari kitab-kitab agama dan sebagainya.

5. Memperbanyakkan dan mengutamakan aktiviti-aktiviti keagamaan, seperti membaca, menghafal dan merenungi isi kandungan Al-Quran, mengkaji hadis-hadis dan kitab-kitab agama.

6. Membentuk peribadi Muslim kepada seorang yang mahu mengubah sikap diri sendiri daripada yang jahat kepada yang terpuji. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:


"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..." (Surah Ar-Rad : 11).

7. Memberi kefahaman yang jelas mengenai makna dan tujuan hidup.

8. Membersihkan jiwa dengan menanamkan kerohanian Islam.

9. Merapatkan diri dengan Al-Khalq menerusi amalan ibadat yang wajib dan sunat, seperti sembahyang sunat, berpuasa, berzikir, membaca Al-Quran dan berselawat.

10. Menjalankan hukuman ta'zir bagi memberi pengajaran kepada pelaku rasuah dan juga untuk orang ramai mengambil iktibar



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

dengan hukuman tersebut.

11. Menyediakan peruntukan akta atau undang-undang bagi memberantas gejala rasuah daripada berleluasa. Sebagai contoh, di Negara Brunei Darussalam peruntukan akta berkenaan disebut sebagai Akta Pencegahan Rasuah Bab (2) Penggal 131.

PENUTUP

Rasuah adalah perkara yang amat dilarang oleh syarak, bahkan mereka yang terlibat dengan amalan rasuah akan mendapat laknat daripada Allah Subhanahu Wataala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perbuatan rasuah juga termasuk dalam perkara memakan harta orang lain dengan jalan yang salah. Kesannya setiap daging yang tumbuh dengan sesuatu yang haram, maka Nerakalah yang lebih utama bagi orang tersebut, sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Wahai Ka'ab bin 'Ujrah: Tidak masuk Syurga sesiapa yang tumbuh pada dagingnya daripada sesuatu yang haram. Nerakalah lebih utama baginya." (Hadis riwayat Ahmad).

Hikmat di sebalik pengharaman Islam terhadap sumber-sumber pencarian yang tidak halal, Islam telah mencapai beberapa matlamat sosial dan ekonomi:

1. Menjalin hubungan antara manusia berdasarkan prinsip keadilan, persaudaraan, penjaan ke-

hormatan dan pemberian hak kepada orang yang berhak.

2. Islam telah menghapuskan faktor utama yang menyebabkan lebarnya jurang perbezaan ekonomi antara kelompok dan status masyarakat. Keuntungan yang keterlaluan, kebanyakannya datang daripada sumber yang haram berbeza dengan jalan yang baik, ia selanjutnya mendatangkan keuntungan yang sederhana dan logik.

3. Mendorong manusia agar bekerja dan berusaha, kerana haram memakan harta secara salah iaitu bukan berdasarkan penguasaan hasil usaha atau tanpa berkongsi dalam keuntungan dan kerugian seperti judi, riba dan sebagainya, meskipun ia mendatangkan manfaat dari segi ekonomi.

Oleh itu, amalan rasuah hendaklah dicegah daripada berleluasa. Cara yang terbaik ialah memberikan pendidikan Islam sejak dari kecil lagi agar keimanan tersemadi di dalam jiwa mereka. Apabila keimanan ada dalam jiwa setiap orang, nescaya segala perkara-perkara mungkar dan maksiat akan terhindar daripada mereka, sekali gus akan membina masyarakat dan negara yang aman lagi makmur.

WALLAHUAKLAM

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

TANPA terasa bulan suci Ramadan Al-Mubarak kembali hadir menemui kita umat Islam pada tahun ini. Bulan Ramadan adalah bulan yang banyak mengandungi kelebihan, keberkatan, keistimewaan dan keagungan. Oleh itu ketibaan dan kedatangannya sangat ditunggu-tunggu dengan penuh kegembiraan dan senang hati oleh setiap Muslim dan Muslimat. Sungguh berbalah sekali mereka yang merasa bergembira dengan kedatangan bulan Ramadan ini, lalu bersedia dengan penuh kesabaran untuk melakukan syariat puasa Ramadan demi patuh dan tunduk kepada titah perintah Allah Subhanahu Wataala.

Puasa sesungguhnya merupakan salah satu ujian yang agak berat kerana dalam melaksanakan ibadat puasa kita perlu banyak bersabar dan tabah bukan sahaja dalam menahan lapar dan dahaga, tetapi juga mengekang kemahuan nafsu. Keadaan begitu terpaksa dihadapi selama sebulan sepanjang bulan Ramadan. Hakikat berpuasa dan tujuan yang hendak dicapai dalam ibadat ini adalah sepertimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang

PUASA RAMADAN DAN HIKMATNYA

dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

Sejauh manakah amalan ibadat puasa itu mempengaruhi dan membentuk kehidupan seorang Muslim yang benar-benar yakin terhadap agamanya? Marilah kita tinjau peranan yang dimainkan oleh puasa dalam pelbagai aspek hidup kita, antaranya:

1. Dari Segi Rohani

Melalui ibadat puasa, agama Islam secara tidak langsung telah memberikan pendidikan jiwa bagi penganut-penganutnya, terutama di kalangan orang-orang kaya dan berada yang tidak pernah mengalami kesulitan hidup.

Mereka sebenarnya amat memerlukan latihan membiasakan hidup sederhana, kerana manusia hidup di dunia boleh diibaratkan seperti roda, satu ketika berada di atas dan pada ketika yang lain pula akan berada di bawah. Maka puasa dapat menimbulkan ketenangan dan ketenteraman bagi seseorang apabila berada di dalam kesusahan, kerana dia pernah mengalami apa-apa dideritai oleh golongan susah.

Ketika berpuasa, seseorang menahan lapar, dahaga dan nafsu semata-mata kerana mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala. Dia tidak memerlukan seorang pengawas untuk mengawasi kejujurannya dan tiada juga apa-apa

bentuk hukuman di dunia yang dikuatkuasakan ke atas dirinya. Pada ketika itu dia benar-benar merasa bertanggungjawab kepada Allah, jadi meskipun dia sedang berada di tempat yang bersembunyi, namun dia tetap amanah, berdisiplin, jujur dan taat kepada perintah Allah.

2. Dari Segi Kesihatan Jasmani

Berpuasa dengan menahan makan dan minum selama sebulan dalam setahun, tidak syak lagi menurut para doktor memberikan banyak faedah kepada kesihatan tubuh. Ia seolah-olah telah menyediakan ruang masa untuk organ-organ tubuh melakukan semacam pembersihan tahunan, kerana selama sebulan organ tubuh tidak berhenti-henti bekerja untuk memproses segala bentuk dan ragam pemakanan dan minuman. Oleh itu sangatlah perlu ianya diberi masa untuk berehat dan pembersihan walaupun sekali saja dalam setahun.

Selain dari itu, sudah tentu bermacam-macam bahan unsur kimia yang tidak dikehendaki untuk ikut bercampur-baur di dalam perut manusia. Hal ini jika dibiarkan boleh menimbulkan kesan yang merosakkan kesihatan badan keseluruhannya. Maka khusus dalam bulan Ramadan ini semua sistem penghadaman makanan mengalami pembersihan dan penyegaran kembali serta bersedia sekali lagi dengan semangat baru untuk menemph setahun lagi

perjalanan hidup. Demikianlah seterusnya bagi masa-masa berikutnya, kerana itu tidak hairanlah jika sesetengah penyakit akan sembuh hanya dengan berpuasa sahaja.

3. Dari Segi Ekonomi

Adalah suatu rahmat Allah Subhanahu Wataala terhadap hamba-hamba-Nya di muka bumi ini, bahawa puasa ternyata banyak mendatangkan kesejahteraan ekonomi khususnya bagi masyarakat Islam yang kurang bernasib baik. Sepanjang bulan Ramadan, kita akan dapati mereka yang berada begitu pemurah sekali memberikan sedekah kepada si miskin untuk mengumpul sebanyak mungkin pahala akhirat yang boleh didapati, kerana di saat inilah setiap amalan baik yang benar-benar ikhlas kerana Allah akan diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Sebenarnya banyak lagi hikmat-hikmat puasa Ramadan dan rahsia yang terkandung di dalamnya yang tidak dapat diketahui dan tak terjangkau oleh akal manusia. Salah satu hal yang perlu kita ketahui bahawa kita umat Islam dalam mengerjakan ibadat, termasuklah ibadat puasa ini tidak seharusnya melakukannya semata-mata untuk memperoleh hikmat-hikmat yang disebutkan tadi, akan tetapi yang lebih penting ianya hendaklah dilakukan kerana patuh kepada suruhan Allah Subhanahu Wataala dengan mengharap keredaan-Nya jua.

Oleh kerana itu marilah kita menyedari akan hakikat ini dan mengambil peluang keemasan di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini untuk kita berlumba-lumba melakukan amal kebajikan sebanyak mungkin dan mudah-mudahan dengan demikian Allah Subhanahu Wataala akan melipatgandakan ganjaran pahala kita di samping segala dosa-dosa kita mendapat keampunan daripada-Nya.

SETELAH beberapa siri menyepi kerana memberi laluan kepada pemaparan berita-berita utama yang lain, kini TEROPONG PELITA kembali lagi dengan menegenahkan isu rokok dengan remaja. Isu ini memanglah satu isu yang sudah berpanjangan dan masih hangat dibincangkan di semua peringkat masyarakat sama ada masyarakat kecil sebagai sebuah unit keluarga mahupun masyarakat besar sebagai sebuah negara. Seperti yang kita ketahui bersama bahawa isu ini telah banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Pelbagai usaha dan mekanisme telah dilakukan dan dicipta untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya membendung gejala ini dari berleluasa. Namun apa yang ditemui hanyalah satu permasalahan yang semakin membesar dan semakin mengancam masa depan generasi muda yang baru melangkah ke alam dewasa.

Isu rokok telah juga dibincangkan dalam berbagai konvensyen seperti persidangan, seminar dan juga bengkel di pelbagai peringkat. Isu ini telah banyak menjahanamkan masa depan generasi baru yang diharap akan dapat membuat satu perubahan yang positif dalam membentuk masa depan mereka yang lebih cemerlang dan bermanfaat.

Apabila dikatakan tentang rokok atau apabila diperkatakan tentang keburukan rokok, rata-rata mereka yang merokok berkata mereka tidak menghadapi sebarang masalah kesihatan. Malahan ada yang mengatakan datuk nenek mereka yang merokok sejak dari kecil lagipun berupaya hidup sehingga mencecah ke usia lapan puluhan tahun dan ada juga yang mencapai usia ratusan tahun.

Keburukan merokok sebenarnya bukanlah satu penyebab gangguan kesihatan yang akan bertindak secara mendadak atau spontan. Ia akan bertindak dan merebak secara senyap dan amat perlahan, tertakluk kepada penerimaan dan penolakan antibodi seseorang. Bagaimanapun kajian kesihatan telah menunjukkan penyebab gangguan kesihatan yang amat dahsyat sehingga boleh menyebabkan seseorang itu mengidap penyakit kronik seperti penyakit jantung koronari, barah, gangguan saraf dan yang parah lagi ia mengancam kesihatan orang yang berada di sekeliling mereka yang merokok atau apa yang dikenali sebagai perokok pasif (passive smoker).

Dalam sebuah makalah yang pernah disiarkan, nikotin, sejenis alkaloid yang dihasilkan melalui merokok mengancam kesihatan dan kesegaran otak dengan mengalir mengikut aliran darah menuju otak dan mula bertindak pada sel otak. Molekul nikotin adalah seumpama kekunci yang betul-betul memasuki lubang pada sel-sel otak dan mula meningkatkan adrenalin seseorang. Ini telah mengakibatkan seseorang itu menjadi cerias dengan tiba-tiba kerana nikotin tersebut telah meresap ke dalam otak dan merangsang perjalanan darah ke otak. Itu pada tahap sedutan pertama. Sedutan seterusnya akan mengalami proses yang sama. Apabila tidak merokok seseorang itu tadi akan merasa lemah dan tidak bermaya dan akan terus menikmati sedutan demi sedutan melalui rokok. Tidak hairanlah ada yang memegang falsafah 'rokok sumber ilham.'

Nikotin mengakibatkan beberapa siri perubahan kimia dalam otak. Satu cairan yang berkaitan dengan stress atau tekanan yang dipanggil cortisol dikeluarkan bersama dengan semacam sejenis penahan sakit otak. Proses ini me-

REMAJA DAN ROKOK

KELOLAAN HAJI DAYANG HAJI KASSIM

nyebabkan si perokok untuk terus merokok. Liur untuk terus merokok adalah lebih dari kesan psikologi dan melebihi dari liur seseorang untuk memakan coklat. Nikotin telah menyebabkan sel-sel otak menumbuhkan lebih banyak penerima-penerima nikotinik atau nicotinic receptors. Ini juga menyebabkan otak berfungsi seperti biasa tetapi menerima jumlah kimia seakan-akan seperti acetylcholine yang bertindak ke atasnya. Dengan yang demikian nikotin telah membentuk otak berkenaan dan si perokok merasa dirinya pada tahap normal apabila nikotin membanjiri neruronnya yang mana pada hakikatnya tidak pada tahap yang normal.

Baru-baru ini dalam salah sebuah akhbar tempatan telah memetik bahawa satu kajian yang dilakukan di salah sebuah negara sahabat menunjukkan hampir satu pertiga dari rakyat perempuannya mula merokok pada usia 16 tahun di sebalik kempen

yang hebat menentang bahayanya penggunaan tembakau. Kajian selama enam tahun itu telah mendapati ramai penduduk perempuan menjadi perokok tetap berbanding dengan rakyatnya yang lelaki. Dapatan dari kajian tersebut menunjukkan bahawa alasan utama mereka untuk mula merokok pada usia yang remaja itu adalah kerana mereka beranggapan merokok boleh mengawal berat badan mereka. Satu alasan dan andaian yang sangat keliru.

Di negara kita fenomena ini bukanlah sekadar 'kurapak' kosong sahaja. Di beberapa kawasan terduduk kita dapat melihat remaja kita mula berjinak-jinak dengan rokok. Menurut kajian rambang penulis, rata-rata kanak-kanak yang merokok akan membeli rokok dengan berkongsi wang untuk membeli sebungkus rokok. Mereka akan memberikan alasan bahawa rokok yang dibeli adalah untuk bapa mereka dan si penjual akan terus saja memberikan rokok yang kehendaki

tanpa usul periksa. Fenomena yang semakin nyata persamaannya dengan kajian di negara sahabat tadi juga kian berkembang di negara kita. Jika zaman dahulu kita tidak melihat wanita remaja merokok, kini ia berlaku dan bukan secara tersorok tetapi terdedah di mana-mana. Baik di kafe-kafe atau di kaki-kaki lima apatah lagi ketika memandu kereta.

Fenomena sedemikian sekali gus mengajak kita berfikir akan ke mana generasi remaja kita, jika gejala sosial sedemikian sudah menulari penghidupan dan penghayatan mereka. Kita tidak hanya akan duduk berdoa dan sekadar berkempen untuk mereka. Marilah kita mewujudkan satu mekanisme yang konduif dan terpakai pada semua golongan untuk sekurang-kurangnya membendung jika tidak membasminya. Sekali lagi peranan institusi keluarga adalah amat penting khususnya dalam asuhan budi, agama dan rohani, di samping institusi-institusi kerajaan dan swasta yang lain.



BICARA IT

KEWARTAWANAN ONLINE (HIPERTEKS)

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat
Sumber: Kertas Kerja Profesor Madya Dr. Fari-dah Ibrahim, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia

BICARA IT kali ini merupakan sambungan keluaran minggu lepas mengenai wartawan online dengan menggunakan apa yang dipanggil sebagai 'hiperteks'.

Dari segi penulisan, cara dan bentuk penulisan online adalah berbeza kerana ia tidak menghadapi batasan ruang. Walaupun akhbar dikatakan medium yang dapat menyampaikan sesuatu liputan berita secara mendalam berbanding televisyen dan radio, namun ia masih menghadapi masalah keterbatasan ruang.

Begitu juga dengan berita televisyen dan radio yang menghadapi keterbatasan ruang masa yang amat kritikal. Tetapi media online mempunyai banyak kelebihan. Dengan menggunakan apa yang dipanggil 'hiperteks', berita atau maklumat boleh ditulis sepanjang mana dan sedalam mana dan disiarkan secara berperingkat-peringkat dan berhirarki.

Sebenarnya 'hiperteks' merupakan pendekatan kewartawanan online yang menggunakan corak penulisan bukan 'linear' berbanding dengan penulisan dalam media tradisional yang bersifat 'linear'.

Penulisan 'linear' mementingkan permulaan dan pembaca membaca sesuatu berita atau maklumat hingga ke akhir secara sistematik. Tetapi penulisan 'hiperteks' yang bukan 'linear' memberi 'keluwesan' kepada wartawan menyampaikan teks berita dalam pelbagai peringkat yang membolehkan pelayar web membaca di peringkat mana yang dia suka. Untuk berubah dari segi teks atau topik ke teks lain, pengguna hanya perlu klik pada 'hiperlink' dan dia akan sampai ke lawan yang dikehendaki.

Hiperteks memerlukan wartawan membahagikan penampilan berita atau maklumat secara hirarki dan berperingkat yang sering kali berkisar dari isu umum kepada isu spesifik. Namun setiap peringkat yang saling berkaitan itu mampu berdiri sendiri. Setiap peringkat maklumat itu juga perlu mempunyai link dengan peringkat-peringkat lain agar pelayar web tidak 'sesat' di tengah pelayaran.

Sebagai contoh laman web Seniman Agung Tan Seri P. Ramlee yang diwujudkan oleh <http://www.farahaqil.com>. Laman utama mengenai cover page atau keterangan muka depan projek P. Ramlee serta keterangan mengenai perkara-perkara yang boleh diperolehi dalam laman tersebut.

Di laman utama itu diletakkan link secara hirarki kepada laman-laman lain seperti Cover Page/ Keterangan Muka Depan, History/Sejarah, Lyrics/ Lirik, Movies/Filem-filem, Special Feature/Keterangan Menarik, Do You Know?/Apa Anda Tahu? Download, Acknowledgements/Penghargaan, Search/Carian, Feedback/Maklumbalas dan Home/ Semula ke laman utama.

Andainya pengguna web memilih 'Filem-filem', maka dia akan memperoleh laman wayang yang memaparkan filem-filem P. Ramlee dalam tahun 1948-1955; 1955-1963; 1964-1973; Anugerah dan Rumusan Filem.

Jika pengguna web memilih 'Anugerah' maka dia akan memperoleh laman yang menerangkan tentang anugerah yang diperoleh oleh P. Ramlee semasa hayatnya. Pengguna boleh berpatah balik ke laman utama untuk memilih topik lain seperti 'Lirik' dan apabila sampai di laman tersebut, pengguna boleh klik salah satu lagu P. Ramlee dan dapat mengikuti lirik tersebut serta mendalami asal-usul lirik itu.

Melalui link di setiap laman, pengguna boleh berpatah balik atau pergi ke hadapan untuk melihat laman-laman lain. Melalui link juga, pengguna media online dapat meninjau maklumat-maklumat dalam arkib. Arkib dalam setiap media online merupakan antara laman 'hot spots' yang dicari oleh pengguna. Ini kerana arkib menyimpan maklumat atau berita yang sudah disiarkan dalam media online selama tempoh beberapa minggu bagi membolehkan pengguna membaca maklumat yang mereka tidak berpeluang baca pada hari pertama.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

BULAN LAPAS ATU..... PERKARA YANG BASAR - BASAR SAJA KITANI HADAPI, PERKAHWINAN DIRAJA, KONVO DI UBD, SAMBUTAN HARI GURU, SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM, MAJLIS MESYUARAT NEGARA.....

AAA..... ADA LAGI PERKARA BASAR KAN KITANI HADAPI BULAN ANI..... BASADIA-SADIA SAJA TAH SI AWANG.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Ibadah puasa melatih mendisiplin diri

TINGGAL beberapa hari sahaja lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Ramadan, bulan yang penuh rahmat dan keberkatan. Kedatangannya amatlah ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam di mana di dalamnya terdapat kelebihan yang berlipat ganda serta mempunyai nikmat yang besar kerana terdapat pelbagai keistimewaan yang harus direbut oleh setiap Muslim yang merindui dan menginginkannya.

Justeru itu, apabila datangnya bulan Ramadan, bulan Al-Mubarak ini, kita diwajibkan untuk berpuasa selama sebulan setelah mencukupi syarat-syarat tertentu yang digariskan oleh agama Islam. Sebagaimana firman Allah

Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

Puasa adalah satu ibadah yang terkandung dalam Rukun Islam yang lima. Ibadah puasa mempunyai banyak hikmah yang tersendiri malah adalah jalan bagi seseorang Muslim dalam menghubungkan dirinya dengan Allah, kerana dengan berpuasa seseorang itu dapat mengawal dirinya daripada nafsu dan segala keinginan yang melampaui batas bahkan dengan puasa yang dikerjakannya dapat menyalurkan dirinya ke arah hala tuju yang direcai oleh Allah Subha-

nahu Wataala jua.

Dengan berpuasa juga, umat Islam dapat membina keperibadian diri, di samping melatih seseorang insan hidup bermasyarakat, aman damai sesama insan, lahir sikap tolong-menolong, sabar dalam mengharungi dugaan yang ditempuhi, ihsan, pemurah, tidak kedekut malah boleh mendisiplinkan diri kita ke arah sifat-sifat positif yang digalakkan oleh Islam.

Dalam memperkatakan puasa dapat mendisiplinkan diri di antaranya puasa dapat mengawal hawa nafsu manusia daripada makan dan minum di siang hari, menjauhkan dan me-

nahan diri dari perbuatan negatif seperti mengumpat, mencela orang, berbuat maksiat, melihat perkara-perkara yang tidak baik, mungkir janji dan sebagainya.

Jika kita melakukan segala perbuatan tersebut, apakah gunanya kita berpuasa, berlapar dahaga dari waktu imsak hingga terbenam matahari. Justeru itu, setiap orang Islam mesti mengetahui hikmah dan ganjaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala bagi mencapai kesempurnaan ibadah puasanya dan ikhlas kerana Allah semata-mata.

Dalam hubungan ibadah itu sendiri, puasa

mengingatkan kita mengenai mereka yang tidak berkemampuan untuk hidup senang seperti mereka yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Dengan berpuasa, setiap orang Muslim akan merasa lapar dan dahaga malah dari situ, orang-orang berkemampuan akan merasa apa yang dirasakan oleh mereka yang kurang berada. Dari sinilah, perasaan simpati dan belas kasihan akan timbul terhadap fakir miskin dan anak yatim, malah menimbulkan rasa keinsafan kita terhadap mereka dan melahirkan rasa keikhlasan untuk bersedekah bagi meringankan beban mereka.

Dari sini jelas bagi kita bahawa puasa memberikan pengaruh positif yang sangat besar, menentukan terhadap pengembangan keperibadian dan kemanusiaan iaitu pertama, puasa mendisiplinkan diri manusia dan memungkinkan manusia menguasai dan mengendalikan dorongan terkuat dalam diri manusia berupa hawa nafsu, manakala yang kedua, puasa mengorientasikan manusia untuk memberi perhatian dan berperilaku yang positif bagi kepentingan umat dan kemanusiaan.

Sehubungan dengan perkara tersebut, marilah kita menunaikan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan dan diiringi per-

buatan amal salih dalam mengerjakannya, ditambah lagi dengan melaksanakan amal ibadah sunat lainnya seperti Sembahyang Sunat Terawih, memperbanyakkan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, bersedekah, berzikir, bertahmid, berikhtikaf dalam masjid dan sebagainya agar segala ibadah dan perbuatan kita diterima sebagai amal salih oleh Allah Subhanahu Wataala jua.

Nooriah binti Haji Selamat,
No. 93, Jalan Tanjong Bunut, Kampong Sengkurong 'B',
BG 1321.
No. k/p : 00-114649

Lapar dan dahaga memberi keinsafan

BULAN Ramadan menurut fahaman umat Islam adalah bulan untuk beramal ibadat. Masyarakat Islam pada umumnya menganggap bahawa bulan puasa itu asal dilalui dengan mengerjakan sebolehnya segala syariat agama dan bulan untuk memohon keampunan bagi dosa-dosa yang telah dilakukannya di masa lalu.

Pengertian puasa menurut dari segi bahasa ialah 'menahan diri'. Menurut pengertian syarak pula ialah 'menahan diri dari segala sesuatu yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari kerana perintah Allah semata-mata dengan

disertai niat dan syarat-syarat tertentu'.

Sebagaimana yang telah dimaklumi puasa bulan Ramadan adalah salah satu daripada Rukun Islam yang lima yang diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukalaf. Puasa telah diwajibkan ke atas umat Islam pada tahun kedua Hijrah sebelum Peperangan Badar dalam bulan Syaaban. Puasa terbahagi kepada dua bahagian iaitu Puasa Fardu dan Puasa Sunat. Puasa Fardu merupakan satu kewajipan yang mesti dikerjakan oleh orang-orang Islam yang mukalaf. Adapun Puasa Sunat iaitu secara sukarela, jika dikerjakan dapat ganjaran pahala dan ditinggal-

kan tidak berdosa. Oleh yang demikian itu, Puasa Fardu itu ialah puasa di bulan Ramadan yang diwajibkan ke atas umat Islam yang mukalaf di mana banyak terdapat kelebihan dan fadilat yang terkandung di dalamnya.

Puasa Ramadan adalah salah satu sendi ibadat yang dilakukan pada bulan Ramadan, selama satu bulan (29 atau 30 hari). Ketentuan yang telah mewajibkan puasa ialah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat (183) yang tafsirnya: "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Ibadah Puasa Melatih Mendisiplinkan Diri". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendaftar yang berjaya itu adalah seperti berikut:

telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa iaitu beberapa hari yang tertentu."

Ibadah puasa bukan saja untuk kita beramal kepada Allah, bahkan ibadah puasa banyak memberikan kita hikmah dalam kehidupan dan melatih kita mendisiplinkan diri. Antaranya, menghindarkan kerugian duniawiah dan ukhrawiah, mendidik manusia supaya ia dapat mengendalikan dirinya sehingga tidak perlu diawasi, melatih kita supaya berdisiplin pada

setiap saat dan waktu dalam segala pekerjaan kerana disiplin itu adalah pokok kemenangan dan kemajuan, membiasakan diri melawan nafsu, kerana nafsu adalah musuh manusia yang paling besar, melatih diri menderita dan susah sehingga kelak dapat menghadapi pelbagai kesulitan dan kesukaran untuk ketinggian agama dan tanah air, di samping menolong fakir miskin dengan penuh keinsafan kerana ia telah merasakan pahit getirnya lapar serta dahaga dan ibadah puasa dapat menenangkan akal dan fikiran kerana banyak makan itu membutakan fikiran.

Demikianlah betapa besarnya hikmah ibadah puasa bagi mereka yang mengerjakannya akan mendapat berbagai-bagai kelebihan dan fadilat yang amat besar, di samping itu juga dapat melatih kita untuk menjadi seorang yang berdisiplin dalam kehidupan global pada masa kini yang penuh dengan bermacam-macam pancaroba.

Eddy Ruddysahroni bin Awang Ahmad,
No. 31, Simpang 1579 - 38, Perumahan Rakyat Jati Telisai, Tutong, TC 1345.
No. k/p : 00-292534

Ibadah puasa tidak membebaskan

SEMANGAT beragama yang tinggi di kalangan remaja dahulu adalah kuat dan ia terhasil daripada didikan orang tua mereka. Apabila orang tua mendidik anak-anak mengikut ajaran agama, anaknya juga akan menjadikannya sebagai adat kebiasaan. Bukan seperti zaman sekarang, kebanyakan kita melakukan yang sebaliknya, adat atau kebiasaan yang buruk lebih banyak mempengaruhi sebahagian remaja zaman sekarang. Salah satu cara mendisiplinkan diri ialah dengan mengerjakan ibadah puasa.

Ibadah puasa merupakan salah satu rukun daripada Rukun Islam yang lima. Ibadah puasa mempunyai banyak hikmah. Ini kerana puasa boleh membuat hati kita bersinar, sehingga dengannya menimbulkan ghairah kepada setiap amal ibadah yang lainnya. Tetapi bukan sekadar puasa

yang menahan lapar tetapi puasa yang dapat melindungi diri dari musuhnyanya iaitu syaitan. Puasa juga dapat menyelamatkan seseorang daripada seksaan Allah Subhanahu Wataala iaitu daripada api Neraka.

Keistimewaan di bulan Ramadan ialah syaitan akan dirantai supaya manusia diberi kesempatan untuk mendisiplinkan diri. Jadi, janganlah kita abaikan kesempatan ini untuk beribadah. Tetapi, masih ada yang bertanya, meskipun syaitan sudah dirantai, kenapa masih ada yang berbuat dosa? Jawapannya ialah bukan kerana syaitan yang menggoda manusia tetapi ianya berasal dari pengaruh kebiasaan buruk dari godaan syaitan sebelumnya iaitu nafsu.

Ibadah puasa ini tidaklah membebaskan kita, jika kita ikhlas melakukannya bahkan berpuasa boleh menjauhkan fikiran-fikiran jahat dan kotor dalam hati se-

perti bohong. Jika kita berbohong, maka sia-sialah puasa kita. Puasa juga boleh mengurangkan nafsu syahwat dan nafsu kebinatangan kita, menguatkan nurani dan memperkuat rohani kita.

Ibadah puasa juga menjaga anggota badannya daripada perbuatan dan perkara-perkara yang diharamkan oleh agama. Dengan kata lain melalui berpuasa kita dapat merasakan keadaan lapar dan dahaga fakir miskin.

Apabila kita berbuka puasa (sungkai) kita pun melakukannya secara berdisiplin. Janganlah kita makan melebihi dari biasanya dengan niat sebagai ganti waktu makan yang tertinggal, apalah artinya puasa? Jika demikian kita banyalah mengubah waktu makan, sedikit pun tidak ada pengurangan dalam makan bahkan lebih banyak jumlahnya dan beraneka ragam.

Kadang-kadang makanan yang sukar didapati waktu-waktu lain mudah sahaja didapati dalam bulan Ramadan. Ianya sudah menjadi kebiasaan orang zaman sekarang, sengaja menambah bermacam-macam makanan untuk bulan Ramadan dan bukan untuk mengurangkan kehendak nafsu kita bahkan menambahnya lagi.

Jadi, memang benarlah ibadah puasa banyak mendisiplinkan mereka yang benar-benar bermaksud mengerjakannya dengan ikhlas. Semoga Allah mengurniakan taufik kepada kita semua umat Islam sehingga dapat melaksanakan amal salih kerana kita semua tidak terlepas dari kelalaian dan kesalahan.

Nurul Syazwani binti Subaili,
No. 6, Simpang 714, Kampong Sungai Besar, Jalan Kota Batu, BD 2517.
No. k/p : 01-037662

REMAJA

DIAN MASYARAKAT

OLEH
H. A. MANAP

A RUS perkembangan dan kemajuan negara yang kita lalui semakin lancar berjalan. Kerancakan ini lebih ketara apabila semakin ramai dan banyak perkara kini menjadi tumpuan dan isu kehidupan. Tidak ketinggalan bidang pendidikan yang terus menjadi perhatian. Perhatian sedemikian lebih tertumpu kepada penggerak yang menjadi penyalur ilmu dan pendidikan yang membina bangsa dan ketahanan beragama. Di negara kita suasana meraihan Hari Guru masih lagi dilakukan terutama sekali di sekolah-sekolah. Murid-murid dan pelajar merupakan orang yang paling bergembira kerana dapatlah mereka menggunakan kesempatan seperti ini untuk menyatakan rasa terima kasih di atas segala pemedulian, curahan ilmu dan bimbingan para guru dalam menjadikan mereka sebagai orang yang berilmu. Ternyata bakti dan jasa guru bukan sedikit untuk kita kenang, di samping guru juga berperanan besar dalam membentuk calak dan nilai masyarakat berilmu yang dilahirkan.

Dunia global yang kita hadapi sekarang sudah jauh berbeza berbanding dengan suasana dua atau tiga puluh tahun yang lampau. Perubahan drastik ini juga mengundang banyak isu-isu baru yang

mesti kita tangani dengan bijaksana. Isu-isu pelajar dan pembelajaran bukan lagi perkara yang patut dianggap remeh akan tetapi menjadi agenda pembaharuan dan pembinaan insan yang ada di dalam skop kehidupan bernegara. Budaya baru, gaya kehidupan baru dan banyak lagi kini sudah mempengaruhi generasi baru terutama sekali generasi pelajar. Isu sosial di persekitaran kita sudah melarat ke sekolah-sekolah. Guru-guru kini mempunyai tanggungjawab yang lebih meluas dan tidak lagi setakat mencurahkan ilmu akan tetapi lebih jauh dari itu, kini para guru menjadi pembina insan yang berakhlak mulia melalui ilmu. Justeru keprihatinan raja yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa sambutan Hari Guru tahun ini jelas memberikan isyarat kepada kita bahawa peranan dan tanggungjawab kita perlu dilipatgandakan.

Baginda amat tegas dalam menitahkan betapa

suasana dan pengaruh sekeliling yang tidak begitu sesuai dan selari dengan konsep kehidupan bernegara patut ditangani dengan sebaiknya. Baginda menitahkan supaya kita perlu bekerja keras untuk menyekat gejala-gejala negatif sambil juga berusaha dengan bersungguh-sungguh menyuburkan nilai-nilai yang selaras dengan falsafah kehidupan di negara kita, Melayu Islam Beraja. Perubahan dan globalisasi yang berlaku bukanlah merupakan alasan untuk kita menerima apa saja yang datang adalah merupakan pembaharuan. Baginda sendiri amat prihatin bila menyentuh bahawa bukanlah globalisasi itu asas untuk membelakangkan agama. Kita perlu mempertahankan nilai-nilai orang kitani yang palikat dengan kehidupan beragama yang betul lagi sempurna. Pengaruh pembaharuan bukanlah bererti ia perlu kita ambil kesemuanya, namun perkara yang baik dapat dijadikan sandaran akan tetapi yang kurang baik mesti kita hindarkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh bahawa kita perlu berpegang kepada identiti sendiri, di samping tidak boleh menyempitkan ruang ke arah

kemajuan, yang penting bagi kita adalah sensitiviti bangsa. Jika sensitiviti kita tumpul maka ia akan menghakis rasa cemburu. Jika ini terhakis maka akan mudahlah segala pengaruh negatif mencorakkan kehidupan dan pemikiran kita. Inilah senario yang memerlukan penelitian dan penghayatan serius, isu-isu sedemikian inilah memerlukan bidang pendidikan yang lebih sempurna dan kemas kini. Pendidikan adalah kilang yang memproses dan menghasilkan kalangan bijak pandai dan cendekiawan. Ia berperanan besar dalam mewujudkan kewibawaan bangsa dan membentuk sikap jati diri yang ampuh. Jika guru-guru memiliki sikap dan keprihatinan yang mendalam, pengaliran ilmu bukan sahaja dipindah alihkan untuk tujuan mendidik murid-murid menjadi terpelajar akan tetapi ia boleh menjadi pemangkin membina akhlak dan kemuliaan generasi pelajar.

Raja dan pemimpin negara yang kita kasihi amat konsisten dalam melihat isu-isu para pelajar dan pendidikan. Belum lama dulu baginda pernah menitahkan supaya pelajar-pelajar yang masih menuntut ilmu menjadi 'lampu zaman'

yang dapat menerangi kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara. Ternyata baginda mempunyai harapan yang tinggi dan ingin melihat apa sahaja yang kita jana akan menghasilkan sesuatu yang mendatangkan faedah yang besar. Baginda juga yakin jika pelajar-pelajar mampu memper-tahankan dan memiliki jati diri yang teguh, ini akan membantu untuk dijadikan utap dari sebarang gejala sosial yang negatif. Dan apa yang lebih tersirat dari harapan dan titah baginda itu ialah baginda sebagai raja dan pemimpin negara kita ingin melihat bukan setakat kita memiliki generasi muda yang berilmu dan berpengetahuan akan tetapi lebih jauh dari itu para pelajar yang lahir sebagai ilmuwan dan cendekiawan yang berkualiti. Inilah tanggungjawab yang terpicul kepada guru-guru, pelajar-pelajar dan ibu bapa untuk berganding bahu melahirkan generasi yang menjadi impian dan contoh berguna. Jasa guru akan terus dikenang dan sebagai murid, pelajar-pelajar harus bersikap serius dalam menunduki pembelajaran ilmu agar ianya bermanfaat dan mendatangkan hasil yang menguntungkan.

30 sertai
Kursus Insentif
Bahasa Jepun

GADONG, 16 September. - Lebih 30 peserta menyertai Kursus Insentif Bahasa Jepun Dalam Bidang Pelancongan anjuran bersama Pusat ASEAN-Jepun di bawah Program Kerjasama Teknikal dengan usaha sama Bahagian Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Hotel Centrepont, Gadong di sini.

Kursus selama tiga hari itu diadakan bertujuan untuk menghargai kebudayaan dan bahasa Jepun yang banyak memainkan peranan dalam industri pelancongan di negara ini, selain memberikan kefahaman ekspektasi penuh bagi para pelancong Jepun mengenai negara kita, agar

Oleh Siti Aishah HS

mereka kembali lagi melancong ke negara ini.

Sementara itu, Pengerah Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed menjelaskan bahawa bidang pelancongan merupakan industri terbesar di dunia yang boleh memberi peluang-peluang bagi para pekerja selain menjadi salah satu keutamaan di mana-mana negara sekalipun.

Di akhir sesi kursus, para peserta menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yoshinobu Nisaka.



SEORANG peserta Kursus Insentif Bahasa Jepun menerima sijil yang disampaikan oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, TYT Yoshinobu Nisaka. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 22 September 2004

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Md. Zulfarali Tawfiq bin Razali,
Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal
Bolkiah.
Umur : 9 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 638

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 638,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 22 September 2004

Mohd. Afi Syahmi bin Saad,
Sekolah Persediaan Arab Beribi Gadong.
Umur : 13 tahun

Khairunnisa binti Mat Serudin,
Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.
Umur : 14 tahun

**Liputan Samle HJ
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM
dan Masri Osman**

BERAKAS, 16 September. - Majlis-majlis Doa Kesyukuran sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah terus disebarkan kepada pasangan Mempelai Diraja sekali gus menambah semarak kemeriahan suasana Istiadat Perkahwinan Diraja.

Orang-orang Yang Dikurniakan Gelaran juga tidak ketinggalan menyebarkan majlis serupa berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di sini dijunjung oleh Pengerusi Majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan

Yang Mulia Datin Haji Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsani.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji

Awang Hussain selaku Pengerusi Majlis dalam sembah alu-aluan antara lain menyebarkan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah merupakan

majlis beristiadat yang amat gilang-gemilang dan ditontoni oleh bukan sahaja masyarakat tempatan, malahan juga disaksikan oleh masyarakat antarabangsa melalui pelbagai media dan saluran tertentu.

Yang Berhormat berkata, majlis beristiadat itu akan menjadi khazanah dan akan menjadi ristaan sejarah yang akan dibaca

dan dikenang sepanjang zaman, di samping akan dapat dijadikan bahan persejaraan untuk generasi terkemudian.

Menurut Yang Berhormat, majlis berkenaan tetap memberi makna dan bernilai sebagai menyebarkan sembah tahniah dan bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dan berdoa semoga Mempelai Diraja akan sentiasa mendapat rahmat dan nikmat daripada Allah Subhanahu Wataala, aman bahagia, sihat, sejahtera, kekal karar dan dikurniakan zuriat yang salih.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan menerima pesambah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis penuh kesyukuran itu diserikan lagi persembahan nyanyian bercorak keagamaan, tau-

syeh, qasidah dan persembahan syair.

Sebelum berangkat balik, pasangan Mempelai Diraja berkenan menandatangani buku keberangkatan dan menerima junjung ziarah para jemputan yang terdiri dari Orang-orang Yang Dikurniakan Gelaran.

KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dijunjung oleh Pengerusi Majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain (atas). Sementara gambar bawah, Mempelai Diraja berkenan menerima pesambah sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang disebarkan oleh Orang-orang Yang Dikurniakan Gelaran.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Istiadat Perkahwinan Diraja. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Haji Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsani.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Istiadat Perkahwinan Diraja (atas). Sementara gambar bawah Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia menerima junjung ziarah para hadirin.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku keberangkatan sempena majlis berkenaan.

IDBB RAIKAN PENGANTIN DIRAJA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima junjung ziarah para pegawai kanan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) sejurus tiba di Jerudong Polo and Country Club (atas dan atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pegawai kanan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) sejurus tiba di Jerudong Polo and Country Club (atas dan atas kanan).



**Liputan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Ramli Tengah**

JERUDONG, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berarak ke Majlis Kesyukuran Bagi Meraiikan Pengantin Diraja anjuran Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) dan Takaful IDBB berlangsung di Jerudong Polo and Country Club (JPCC) di sini.

Keberangkatan Mempelai Diraja di JPCC dijunjung oleh Pengerusi Lembaga Pengarah IDBB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner dan Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah dan pegawai-pegawai IDBB.

Sejurus keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menurunkan tandatangan di buku khas IDBB dan bergambar ramai bersama Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah IDBB.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung ke Royal Becksire Hall bagi Majlis Kesyukuran yang bermula dengan

bacaan Surah Al-Faatiha beramai-ramai dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili yang juga membacakan doa selamat.

Kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah IDBB, yang antara lain menyebarkan perasaan gembira Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Badan Penasihat Syariah dan seluruh kakitangan IDBB dan Takaful IDBB kerana majlis itu merupakan satu lagi mercu tanda dalam sejarah.

Yang Dimuliakan juga menyebarkan sembah tahniah di atas perkahwinan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dengan iringan doa semoga dilanjutkan usia, sihat walafiat, aman bahagia berkekal sehingga ke anak cucu.

Selepas itu Yang Dimuliakan mewakili seluruh pegawai dan kakitangan IDBB menyebarkan pesambah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah Pengerusi Lembaga Pengarah IDBB, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah dan seluruh pegawai dan kakitangan IDBB.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia telah diijabkabulkan pada 8 September di Masjid 'Omar Saifuddin dan melangsungkan Istiadat Persandingan Diraja pada esok harinya di Istana Nurul Iman.

Duli Yang Teramat Mulia diputerakan pada 24 Muharam 1394 Hijrah bersamaan 17 Februari 1974 di Istana Darul Hana dan merupakan anakanda ketiga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala Yang Teramat Mulia dilahirkan pada 9 Syaaban 1407 Hijrah bersamaan 9 April 1987 di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan merupakan anakanda bongsu dari tiga orang adik-beradik di dalam keluarga Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahman bin Pengiran Haji Damit dan Dayang Rinawaty binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aebay.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku khas IDBB (atas). Sementara gambar kanan, Mempelai Diraja menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang disebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner (kiri). Sementara gambar kanan, Mempelai Diraja berkenan menerima junjung ziarah para pegawai IDBB yang sama-sama hadir meraiikan majlis tersebut.



Sumbangan guru dalam pembangunan negara

Tukang kayu boleh menjadi guru jika dia mengajar kepakaran tukang kayunya, pemandu lori boleh menjadi guru jika dia mengajar seseorang menjadi pemandu kereta, nelayan juga boleh menjadi guru jika dia mengajar seseorang bagaimana cara membuat alat menangkap ikan, begitulah keadaan manusia yang penulis anggap sebagai guru yang berperanan dalam pembangunan negara. Sumbangan guru dalam pembangunan negara terlalu besar nilainya. Oleh kerana semua golongan manusia menjadi guru maka penilaian sumbangan guru tidak diperhitungkan. Kerana itulah pepatah Melayu berbunyi 'guru ibarat lilin menerangi yang lain tetapi membakar diri'.

GURU dalam kata pembangunan yang sebenarnya bertugas untuk mendidik dan mengajar perkara-perkara asas yang diibaratkan seperti seorang anak damit yang baru lahir maka guru itulah yang akan mengasuh sehingga mereka pandai berjalan mencari sesuatu tempat ke mana hendak dituju.

Sastera dan Budaya

سسترادان بودايا

PENDAHULUAN

REID, 1981 (dalam T. Marimuthu, 1990:42) mendefinisikan kelas sosial sebagai 'satu usaha mengelompokkan manusia ke dalam kategori-kategori tertentu berdasarkan pekerjaan mereka'. Manakala Sharifah Alwiah Alsagoff (1985:170) menyatakan kelas sosial ialah 'susun lapis manusia yang berkedudukan sama di dalam kontinum status sosial'. Berdasarkan beberapa definisi ini, dapatlah disimpulkan bahawa kelas sosial itu ialah tinggi rendahnya status sosial kelompok masyarakat. Ia merujuk kepada kedudukan seseorang di dalam sesuatu masyarakat.

Terdapat pelbagai ukuran dalam penentuan kelas sosial. Ini jelas kerana ramai pengkaji yang mengemukakan ukuran yang berlainan dalam penentuan kelas sosial. Ini disebabkan oleh pembahagian atau sempadan-empadan yang mengasingkan, dan menyebabkan terbentuknya kelas-kelas sosial itu sangatlah sukar ditentukan. Sebagai contoh, Warner dan Lunt, 1942 (dlm Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985:159) telah memberikan enam dimensi besar untuk mengukur kelas sosial iaitu pekerjaan, jumlah pendapatan, punca pendapatan, jenis rumah, daerah tempat tinggal dan taraf pendidikan. Manakala Kahl, 1957 (dlm Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985:159) memberikan tujuh dimensi iaitu prestij, pekerjaan, kepunyaan harta benda, interaksi sosial dengan orang lain, kesedaran kelas diri sendiri, orientasi nilai dan kuasa, atau kebolehan mengawal tindakan orang lain. Walau bagaimanapun, dimensi-dimensi yang selalu digunakan untuk menentukan kelas sosial ialah pekerjaan, pendidikan dan pendapatan.

Pada umumnya, terdapat tiga klasifikasi atau tahap kelas sosial yang paling popular iaitu kelas atasan, kelas pertengahan dan kelas bawahan. Misalnya, ketiga-tiga kelas ini dapat dilihat di Negara Brunei Darussalam sendiri. Pertama, kelas atasan terdiri dari mereka yang memegang tampuk pemerintahan negara seperti sultan, kerabat diraja, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan lain-lain. Manakala kelas pertengahan terdiri dari guru, polis, doktor, ahli perniagaan yang berjaya, askar dan lain-lain. Kelas bawahan pula terdiri dari golongan yang tidak berpendidikan, tidak mempunyai pendidikan formal langsung atau berkelulusan amat rendah. Mereka dianggap miskin kerana pendapatan mereka adalah tidak tetap.

Walaupun bagaimanapun, dalam esei ini, penulis hanya akan membincangkan mengenai kelas bawahan, iaitu perkaitan antara kelas sosial (kelas bawahan) dengan pencapaian akademik.

PERKAITAN ANTARA KELAS SOSIAL (KELAS BAWAHAN) DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Kanak-kanak atau para pelajar yang berasal dari golongan kelas bawahan sering dikatakan memperoleh pencapaian akademik yang rendah atau kurang memuaskan. Terdapat ba-

nyak faktor yang menjadi penyebab atau menyokong pendapat ini. Antaranya ialah:

BERDASARKAN TEORI PERKEMBANGAN LINGUISTIK BERNSTEIN

Berdasarkan teori perkembangan linguistik Bernstein, 1961 (dlm. Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985:162), kelas bawahan menghadkan pertuturan bahasa kepada bahasa umum. Bahasa umum yang digunakan adalah frasa-frasa yang biasa digunakan sehari-hari. Selain itu, kanak-kanak daripada golongan ini juga tidak diasuh dan dididik dalam persekitaran yang mementingkan pertuturan kata dan konsepsi. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kanak-kanak daripada golongan ini adalah miskin dari segi kosa katanya. Ini adalah kerana kanak-kanak dari kelas bawahan tidak dapat belajar (secara tidak langsung) pelbagai bentuk perkataan dan ayat yang betul dan baik. Ini adalah kerana bahasa atau kaedah linguistik yang digunakan oleh ibu bapa mereka amat terhad. Ini menyebabkan kanak-kanak daripada kelas bawahan tidak mempunyai persediaan untuk menghadapi situasi pengajaran kerana input (bahasa, kosa kata dan lain-lain) yang ada di otak kanak-kanak itu belum begitu mantap sebelum bersekolah.

Salah satu kajian yang menyokong teori ini ialah kajian Deutsch, 1965 (dlm. Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985:166) iaitu kajian corak-corak bahasa kanak-kanak yang serba kekurangan. Dapatan-dapatan dari kajian ini sangat menyokong dapatan daripada kajian Bernstein, iaitu kumpulan-kumpulan kelas sosial bawahan dikaitkan dengan penggunaan bahasa yang kurang baik. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan bahasa yang kurang baik akan menjejaskan prestasi di sekolah. Dengan kata lain, kanak-kanak daripada kelas bawahan tidak mempunyai persediaan asas dari rumah kerana LAD (language acquisition device) belum menerima input-input yang mantap dari segi bahasa. Misalnya, mereka mungkin belum banyak mengenal kosa kata dan sebagainya. Hal ini sudah tentu akan menjejaskan atau melambatkan proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak tersebut.

KEMISKINAN

Kelas bawahan sering dikaitkan dengan kemiskinan. Kemiskinan menyebabkan kanak-kanak daripada kelas bawahan terpaksa meninggalkan bangku sekolah pada peringkat yang lebih awal untuk menolong keluarga menambah pendapatan. Dengan kata lain, walaupun pelajar itu bersekolah pada awalnya tetapi dia akan terpaksa berhenti sekolah pada akhirnya kerana keadaan keluarga yang miskin. Misalnya, masalah kewangan yang tidak mencukupi menyebabkan pelajar dari-

PERKAITAN ANTARA KELAS SOSIAL (KELAS BAWAHAN) DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK

OLEH NOR YAT

pada kelas bawahan tidak mampu belajar dengan baik kerana kekurangan keperluan belajar seperti tidak mampu membeli komputer, buku teks dan sebagainya. Ringkasnya, keluarga pelajar yang tidak berkemampuan biasanya tidak akan mampu mengadakan berbagai-bagai kemudahan pembelajaran bagi memajukan anak-anaknya. Kemudahan tersebut ialah seperti menghantar anak-anaknya belajar di kelas-kelas tambahan dan sebagainya. Oleh itu, para pelajar yang berasal dari kelas bawahan biasanya lemah dalam bidang akademik kerana faktor keluarga yang miskin. Misalnya, mereka akan meninggalkan bangku sekolah lebih awal atau akan berlakunya keciciran, mendapat markah rendah dalam peperiksaan, ponteng sekolah disebabkan penyakit atau masalah keluarga dan sebagainya.

KESIHATAN

Keluarga kelas bawahan boleh dikatakan selalu mendapat sakit. Ini adalah disebabkan kemiskinan yang dialami secara turun-temurun. Selain itu, ada antara ibu bapa, terutama di bahagian pendalaman yang tidak mampu memberi anak-anak mereka makanan yang berzat kerana pendapatan yang kecil. Ibu-ibu miskin tidak dapat memenuhi keperluan makanan dan menyebabkan kanak-kanak mudah dihidangai penyakit. Jika kanak-kanak kurang mendapat makanan yang mempunyai protein dan vitamin, kanak-kanak itu akan berasa malas belajar dan juga mempunyai pencapaian akademik yang sangat rendah sekali. Makanan yang tidak berkhasiat dan cara hidup yang miskin sudah tentu mempengaruhi kesihatan seseorang kanak-kanak dan seterusnya menjejaskan keupayaan belajar. Selain itu, makanan yang kurang berzat bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan jasmani, malah menjejaskan juga perkembangan intelektual kanak-kanak. Dengan kata lain, kekurangan makanan berzat boleh menyebabkan kanak-kanak itu menjadi kurang sihat. Jika badannya kurang sihat, maka otaknya pun kurang cerdas untuk belajar. Jika kanak-kanak kekurangan makanan berzat, maka dia akan mudah diserang penyakit. Apabila kanak-kanak itu mudah sakit, kedatangannya ke sekolah akan terganggu. Secara tidak langsung, ini akan menjejaskan pencapaian akademik pelajar tersebut. Ini menyebabkan pencapaian akademik mereka adalah rendah. Dari itu, dapatlah disimpulkan bahawa antara faktor yang membawa kepada pencapaian akademik yang rendah adalah disebabkan keadaan kesihatan yang tidak baik dan juga tidak mendapat

makanan yang cukup untuk kesuburan mental dan juga pertumbuhan fizikal.

SAIZ KELUARGA DAN RUMAH

Orang-orang dari kelas bawahan lebih cenderung untuk mempunyai keluarga yang besar. Kanak-kanak dari keluarga yang besar selalu menghadapi masalah bertutur dengan baik kerana interaksi mereka dengan orang-orang dewasa amatlah terhad dan ini mengakibatkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Misalnya, jika saiz keluarga besar, interaksi antara ibu bapa dan anak-anak akan terjejas kerana ibu bapa yang letih bekerja sudah tentu tidak mempunyai masa yang banyak untuk berinteraksi atau mengambil berat mengenai pelajaran anak-anaknya yang ramai. Zajonc, 1976 (dalam T. Marimuthu, 1990:49) menyimpulkan bahawa sebuah keluarga yang kecil akan menambah serta meningkatkan perkembangan intelek. Jadi, perkembangan intelek akan terjejas jika saiz keluarga itu besar, apatah lagi jika keluarga itu berasal dari kelas bawahan. Keluarga yang besar akan membawa kesesakan dan keperluan mereka tentu banyak sedangkan pendapatan pula terhad. Contoh keadaan rumah yang tidak memuaskan ialah seperti kesesakan, berkongsi katil atau bilik dan sebagainya. Situasi ini akan menyedapkan kanak-kanak tidak dapat belajar dengan baik di rumah kerana tiada konsentration. Jelasnya, jika saiz keluarga itu besar dan pendapatan keluarga rendah, sudah tentu ekonomi tidak seimbang. Antara implikasinya ialah ibu bapa tidak dapat memberikan perhatian yang penuh terhadap pelajaran anak-anak (anak ramai, sibuk dan sebagainya), kekurangan barang keperluan untuk anak-anak belajar, kesusahan untuk membiayai keperluan belajar seperti bayaran yuran, buku teks dan sebagainya. Oleh yang demikian, saiz keluarga sangat penting dalam pencapaian akademik yang tinggi kerana saiz keluarga yang besar itu mempunyai penghuni yang ramai. Oleh itu, jika saiz keluarga besar dan rumah pula sempit (sesak), pencapaian akademik akan turut terjejas.

BAGAIMANA KANAK-KANAK/PELAJAR DARI KELAS BAWAHAN DAPAT MAJU DAN MEMPEROLEHI PENCAPAIAN AKADEMIK YANG BAIK?

Kahl, 1957 (dalam Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985:251) menyatakan bahawa untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar daripada kelas bawahan

itu, tanggungjawab bukan sahaja terletak di tangan guru semata-mata. Malahan antara faktor yang dapat memajukan kanak-kanak kelas sosial bawahan dalam kerja sekolah ialah sebab-sebab yang terkeluar daripada kawalan sekolah. Antara perkara yang dapat memajukan mereka dalam kerja sekolah ialah ganjaran dan dendaan. Dalam hal ini, ibu bapa berperanan penting untuk memberikan ganjaran positif kepada kanak-kanak, iaitu jika kanak-kanak mendapat pencapaian akademik yang baik dari peringkat awal lagi. Ganjaran tidak semestinya berupa wang ringgit tetapi juga termasuk pujian, galakan dan sebagainya. Ganjaran ini akan dapat memberikan motivasi kepada kanak-kanak itu untuk terus berusaha ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Sebaliknya, jika kanak-kanak memperoleh pencapaian akademik yang rendah, ibu bapa boleh mendendanya. Selain itu, guru mestilah terlebih dahulu menanamkan kepercayaan kepada pelajar bahawa berusaha keras dalam kerja sekolah akan menolong masa depan. Ini mestilah dikukuhkan lagi oleh ibu bapa di rumah. Dengan cara ini, pencapaian akademik pelajar daripada kelas bawahan akan dapat dipertingkatkan.

Di sekolah, guru berperanan penting untuk membimbing para pelajar daripada kelas bawahan. Guru tidak seharusnya menyingkirkan atau tidak mengendahkan pelajar daripada kelas bawahan. Malahan guru mesti mengambil langkah-langkah yang positif untuk memajukan pelajar-pelajarnya. Dengan itu, guru boleh mengaplikasikan teori-teori pengajaran yang berbeza untuk para pelajar yang berbeza dari segi kecerdasannya. Misalnya, guru boleh mengaplikasikan teknik latih tubi (berdasarkan teori behaviourisme) untuk para pelajar yang lemah dalam pembelajaran, terutamanya pelajar kelas bawahan. Dengan kata lain, guru hendaklah merancang dan menyediakan isi atau kandungan pelajaran yang sejajar dengan kebolehan mental pelajar-pelajar. Selain itu, guru hendaklah menyediakan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsangkan perkembangan mental pelajar-pelajar. Dengan cara ini, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.

BENARKAH PELAJAR DARI KELAS BAWAHAN TIDAK SEMESTINYA MEMPEROLEHI PENCAPAIAN AKADEMIK YANG RENDAH?

Memang benar bahawa para pelajar daripada kelas bawahan itu tidak semestinya memperoleh pencapaian akademik yang rendah. Bukti, di Brunei terdapat ramai anak-anak daripada kelas bawahan memperoleh pencapaian akademik yang tinggi sehingga menjadi orang yang penting dan berkedudukan. Ini sekali gus

telah mengubah kelas sosialnya kepada kelas pertengahan atau atasan. Dengan kata lain, terjadinya mobiliti sosial. Antara faktor yang mendorong atau mempengaruhi mobiliti sosial itu ialah:

Akibat kemajuan sesebuah negara, taraf sosioekonomi sesebuah masyarakat selalu berubah-ubah. Lantaran itu, terdapat golongan kelas bawahan yang sudah menyadari akan kepentingan pendidikan, iaitu pendidikan merupakan faktor penting yang boleh menggerakkan dan meningkatkan taraf hidup seseorang. Oleh itu, keluarga kelas bawahan berlumba-lumba untuk memberikan pendidikan yang secukupnya kepada anak-anak mereka agar masa depan keluarga akan menjadi lebih baik daripada yang sedia ada. Melalui cara ini, golongan bawahan akan berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Dengan adanya kesedaran ini, pelajar dari kelas bawahan akan sentiasa diberikan dorongan oleh ibu bapa dari segi pembelajaran, sekurang-kurangnya ibu bapa memahami dan prihatin terhadap pelajaran anak-anaknya. Implikasinya, pelajar daripada kelas bawahan akan meningkat dari segi pencapaian akademiknya.

Selain itu, faktor bakat semula jadi juga membolehkan seseorang pelajar daripada kelas bawahan memperoleh pencapaian akademik yang baik. Bakat-bakat semula jadi yang dimaksudkan itu adalah seperti berkebolehan dalam menyanyi, berakronim, mencipta lirik lagu dan sebagainya. Dengan adanya bakat, seseorang itu boleh menjadi terkenal, kaya dan disanjung tinggi. Misalnya, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang yang mempunyai bakat dalam bidang seni seperti berlakon, menyanyi, mencipta lirik lagu dan sebagainya. Bakat yang ada pada dirinya itu telah menjadikan beliau seorang yang berkedudukan dalam masyarakat sehingga beliau tetap dikenang hingga sekarang. Di samping itu, sehingga sekarang, belum ada manusia yang boleh menandingi kebolehan dan bakat Allahyarham. Ini menunjukkan bahawa faktor bakat semula jadi itu juga boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan seterusnya menaikkan taraf mobiliti sosialnya.

KESIMPULAN

Para pelajar daripada kelas sosial bawahan dikatakan tidak mendapat pencapaian akademik yang tinggi kerana terdapatnya faktor-faktor tertentu. Antara faktor-faktor itu ialah berdasarkan teori perkembangan linguistik Bernstein yang menyatakan bahawa kelas bawahan menghadkan pertuturan kepada bahasa umum dan ini menyebabkan kanak-kanak kelas bawahan miskin dari segi bahasa. Faktor lain ialah kemiskinan, kesihatan, dan saiz keluarga dan rumah.

Terdapat beberapa cara

agar kanak-kanak daripada kelas bawahan itu dapat maju dan memperoleh pencapaian akademik yang baik. Antaranya ialah ibu bapa berperanan untuk memberikan ganjaran atau dendaan ke atas peningkatan atau kemerosotan pencapaian akademik anak-anaknya. Ganjaran bertujuan untuk memotivasikan kanak-kanak. Di samping itu, guru perlu menanamkan kepercayaan kepada pelajar bahawa berusaha keras dalam pelajaran akan menolong masa depan. Selain itu guru berperanan untuk merancang dan menyediakan isi atau kandungan pelajaran yang sejajar dengan kebolehan mental pelajar-pelajar.

Walaupun bagaimanapun, tidak semestinya pelajar dari kelas bawahan itu memperoleh pencapaian akademik yang rendah. Antara faktor-faktor yang kesedaran ibu bapa dan pelajar itu sendiri akan betapa pentingnya pendidikan untuk meningkatkan taraf hidup atau status sosial. Selain itu, faktor bakat semula jadi juga boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar sehingga meningkatkan mobiliti sosialnya.

RUJUKAN:

- Ah Meng, Ee. 1994. *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- _____. 1996. *Peman-tapan Proses Pendidikan (Asas Pendidikan 4)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chee Yee, Tang. 1990. *Psikologi Perkembangan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Hj. Abu Zahari bin Abu Bakar. 1992. *Pengenalan Kepada Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamaruddin Haji Husin. 1995. *Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Manja Mohd. Ludin. 1990. *Psikologi, Sosiologi dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Lebar. 1998. *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah & Pendidikan*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Olive Banks. 1989. *Sosiologi Pendidikan*. Terjemahan Robiah Sidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1992. *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sanapiah Faisal & Nur Yasyik. *Sosiologi Pendidikan*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1985. *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- T. Marimuthu. 1990. *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

ZACK menatap wajah bulat telur Maria. Dia tak habis berfikir.

Mengapa Maria selalu menolak apabila Zack menyampaikan maksudnya untuk bertandang ke rumah. Zack hanya mahu berkinjungan, berkenalan dengan keluarga Maria. Sebuah perhubungan antara lelaki dan perempuan yang bercinta akan diikat oleh perkahwinan. Sebelum perkahwinan berlangsung keluarga kedua belah pihak akan bertemu, berkenalan lebih mesra, merancang segala persiapan untuk menyatukan dua hati yang bercinta.

Akan tetapi Maria lain dari yang lain. Maria selalu menolak hasrat Zack. Berbagai pertanyaannya menyumbat kepala lelaki muda itu. Apa yang disembunyikan Maria? Ada apa dengan keluarga Maria? Atau Maria mempunyai saudara seorang penjenayah yang sedang diburu kerajaan? Ataukah kerana Maria telah lupa dengan adat resam budaya negara ini.

"Zack, kau ni tahu, aku ani tidak siap."

"Apa yang kau ni perlu buat kalau aku datang jumpa bapak kau."

"Aku perlu waktu, Zack. Please ... jangan paksa aku."

"Satu bulan tak cukuplah bagi kau."

"Sedikit waktu lagi."

"Aku hanya mahu jumpa bapak kau, berkenalan dengan keluargamu lebih dekat. Hai... kitani bukan budak-budak belasan tahun yang bercinta dengan cinta monyet. Cinta yang sembunyi-sembunyi. Aku ni bermaksud mau berkahwin dengan kamu Maria... takkan kau ni tak faham."

"I am not ready..." kata Maria perlahan.

"Hai ... kau ni, aku bukan minta disambut dengan bendera-bendera atau upacara-upacara yang bersifat protokol. Bagi aku sudah cukup jika aku boleh duduk dan bersembang-sembang dengan bapak dan ahli keluargamu," kata Zack sambil menggelengkan kepala. Tidak faham sikap Maria.

"Kenapa kau ni tak faham maksud aku?"

"Aku memang tidak faham dan tidak akan faham dengan sikapmu. Aku bersungguh-sungguh mahu berkahwin dengan kau dalam waktu dekat, bukan lima atau tujuh tahun lagi. Ini perkara baik jangan kau tunda. Takkan aku menjadi bujang lapuk kerana sikapmu," Zack kelihatan marah. Maria terdiam, tak boleh menjawab.

"Kau pun bukan muda sangat, dua tahun lagi orang akan sebut kau andartu," kata Zack tanpa melihat Maria.

"Maksud kau?" tanya Maria mencari jawapan di wajah Zack.

"Anak dara tua," kata Zack pendek sambil mengambil telefon bimbitnya. Dia melangkah keluar dari restoran tanpa membayar harga makanan dan menuju keretanya.

Maria ditinggalkan.

Maria memandu keretanya dengan lesu. Fikirannya sibuk dengan ucapan Zack. Maria pun banyak berandai-andai. Andai dia bercinta dengan Zack ketika masih di alam persekolahan pada masa dahulu. Andai Zack yang baru dikenali selama empat bulan telah menjadi kawan mainnya ketika usia mereka masih kanak-kanak. Andai mereka berdua tinggal jauh di negeri orang, bolehlah berkahwin dengan wali hakim, atau sekurang-kurangnya bapak saja yang menghadiri upacara perkawinannya. Tak payahlah Annisah ikut ke sana. Kalau dia dan Zack akan berkahwin di sini, pasti Annisah akan merosakkan semuanya, pastinya bahkan harapannya untuk membina mahligai bahagia. Maria menarik nafas panjang. Kenapa harus dia yang mempunyai Annisah. Kenapa bapa ibu diberi Allah Subhanahu Wataala amanah seorang anak seperti Annisah. Maria segera membuang fikiran-fikiran gilanya. Fikirannya hasil dari bisikan syaitan yang durjana.

Maria teringat peristiwa tiga tahun yang silam. Pada masa itu Maria berumur dua puluh tiga tahun. Maria sangat cantik. Bertuah sungguh Anuar menjalin hubungan cinta dengan Maria. Mereka adalah pasangan yang sepadan. Yang lelaki sangat tampan dan sang perempuan pun sangat cantik dan bergaya. Anuar adalah pengusaha muda yang berhasil, anak dari keluarga pengusaha yang terkenal di negeri ini. Tapi semua hancur berkecai ketika Anuar bertemu dengan Annisah. Masih sangat jelas terdengar perkataan bahawa Anuar dan keluarganya tidak boleh melanjutkan hubungannya kerana Annisah, kakak sulung Maria. Maria segera melupakan peristiwa hitam itu.

Maria membelokkan keretanya ke sebuah rumah besar yang cantik. Tampak di depan rumah sebuah bangunan sederhana besar yang cantik. Tulisan besar berada di atas bahagian depan bangunan menunjukkan identiti bangunan milik kakak Maria. BUTIK ANNISAH. Di bahagian depan ruang terdiri dari meja besar dan kaca etalase. Baju-baju yang tergantung di almari sangat cantik dan kelihatan mempunyai reka fesyen yang terkini. Di bahagian belakang tempat para pekerja. Di dalamnya tampak beberapa pekerja sibuk menyelesaikan pesanan pelanggan. Maria melihat Annisah sedang sibuk melukis. Pasti melukis rekaan baru untuk dijual.

"Assalamualaikum..."
"Waalaikumussalam... eh... Maria, awal sangat kau pulang. Ponteng kerja?"

"Biasalah bila boss tak ada," kata Maria malas sambil melihat gerak-geri Annisah. Annisah tidak merasa kalau diperhatikan adiknya. Dia sibuk memberi warna reka fesyen barunya.

"Setahu Annisah kalau Maria macam tu bererti ada masalah," kata-kata yang bijak seorang kakak.

"Entah," Maria angkat bahu.

"Entah? Jika tak mahu berbagi, tak apa," senyum di wajah Annisah.

Mereka membisu. Maria sibuk dengan fikiran. Annisah sibuk dengan kerjanya.

Maria melihat kakaknya. Annisah berumur tiga puluh lima tahun. Dia belum berkahwin. Mungkin kerana tubuhnya. Tubuh Annisah cacat. Cacat yang dibawa dari lahir. Wajahnya tidak cantik kerana hidungnya tidak mancung, matanya besar dan mukanya banyak tumbuh jerawat. Kedua tangan dan kakinya tidak sempurna. Dua tangannya tidak mempunyai jumlah jari yang sama dengan orang lain. Tangan kanan ada tiga jari, sedangkan tangan kiri hanya dua jari. Sedangkan kedua kakinya hanya sepanjang lutut, tanpa jari. Keadaannya menyebabkan tinggi tubuh Annisah seperti budak berumur sepuluh tahun.

Menurut nenek, Annisah menjadi cacat kerana ibu berusaha menggugurkan kandungannya dengan berbagai cara. Ibu minum jamu, jampi serapah dari bomoh-bomoh kerana waktu itu ibu belum siap punya anak. Ekonomi keluarga sedang jatuh merundum, kerana bapa baru digantung kerja, datuk baru saja meninggal, nenek terkapar di katil hospital dan kondisi ibu yang buruk sewaktu mengandung Annisah. Ibu selalu sakit, pening-pening, muntah dan tidak ada selera makan.

Mungkin ibu tidak tahan dengan semua cubaan-Nya. Ibu memutuskan untuk menggugurkan kandungannya dengan cara ibu sendiri. Namun Tuhan mempunyai kehendak yang lain. Ibu tidak berhasil menggugurkan kandungan. Akhirnya lahir seorang bayi perempuan setelah tujuh bulan di dalam kandungan. Bayi itu lahir lebih awal dari yang dijangkakan. Bayi yang cacat. Dan itulah Annisah. Lebih buruk lagi Annisah mengidap epilepsi. Sempurna sudah kecacatan Annisah.

Menurut cerita nenek lagi, kelahiran Annisah telah menyedarkan ibu dari segala kesalahannya. Ibu sangat menyayangi Annisah. Kelahiran bayi cacat Annisah telah membawa sinar baru kehidupan keluarga. Sedikit demi sedikit keluarga boleh membangun ekonomi sehingga berhasil sampai saat sekarang ini. Tuah anak, kata orang-

orang tua. Bahkan ketika Abang Firdaus, Maria dan Burhan lahir, kasih sayang ibu kepada Annisah tidak berkurang. Mungkin ibu mahu menebus segala kesalahannya yang telah dilakukan kepada Annisah waktu dalam kandungan.

ANNISAH



GERBEN

OLEH
HANI NUR

Annisah tak payahlah ikut berjuma Zack."

"Maria... kau ni tak boleh macam tu," Pak Ismail menarik nafas mempertahankan kesabarannya.

"Maria sudah cakap dengan Kak Annisah, dan dia setuju"

"Tega sekali kau ni... tentu saja Annisah bersejua, kau ni Maria telah menyakiti kakakmu. Kau ni tahu tak?" pak Ismail menatap tajam Maria.

"Maria tahu... tapi Maria juga tidak mahu kehilangan Zack."

"Maria, Annisah itu ibarat ibu kau...kau ni tak ingatkah...segala yang kakakmu telah buat selama ini?"

"Maria tidak ada jalan lain bapa."

Pak Ismail hanya menggelengkan kepala. Hati tuanya sedih mengingat kedua anak gadisnya. Seorang cantik jelita bagai puteri dari negeri dongeng dan seorang lagi cacat.

Selama ini Annisah dan Maria selalu bersama. Annisah sangat sayang Maria. Maria pun sangat manja dengan Annisah. Tetapi mereka kini seperti mengadakan perang dingin, kerana kehadiran seorang lelaki. Lelaki yang mahu melamar Maria. Kerana kecantikan Maria, banyak teman-teman, sanak-saudara Pak Ismail yang ingin menjadikan menantu. Demikian pula kawan-kawan Maria dan Firdaus ingin menjadikan Maria isteri mereka. Tetapi pilihan Maria tetap pada Zack, lelaki muda yang mempunyai nama penuh Zakaria bin Haji Zulkarnain. Sedangkan tak seorang pun pernah bertanya tentang Annisah. Tetapi Pak Ismail tak boleh berbuat apa-apa. Lelaki tua itu hanya boleh berdoa semoga Maria akan hidup bahagia dan Annisah lebih tabah menghadapi semuanya.

Maria sangat resah. Sudah hampir dua minggu Zack tidak menghubunginya. Telefon pun

lihatkan karyanya.

"Wow...cantik sekali...!" Maria sangat kagum.

"Karang kalau kau ni berkahwin, aku bikin lagi bagus baju pengantinnya."

"Mana boleh....kakak kawin dulu, baru Maria."

"Kenapa...? Zack?"

Annisah bertanya tanpa melihat Maria.

"Kakak tak inginkah berkahwin?"

"Maria...Maria...siapa mahu kahwin dengan kakak. Kalau turut rasa hati, tentu kakak mahu sangat berkahwin, punya anak, punya keluarga macam orang lain juga... tapi siapa yang mahu... kakak pun tahu dirilah..."

"Kalau ada jodoh?"

Maria terus bertanya.

"Tak kan kitani menolak rezeki dari-Nya. Kau ni macam mana dengan Zack?"

"Zack kata dia mahu datang dalam waktu dekat."

"Oh ya...bagus sekali...kakak akan masak yang sedap-sedap dan..."

"Tapi ... kalau Zack datang ... sebaiknya Kak Annisah tidak usah memenuhinya. Boleh?" kata Maria penuh harap.

Wajah Annisah tampak pucat kerana terkejut dan juga kecewa.

"Oh... hm... baik, Kak

MENURUT cerita nenek lagi, kelahiran Annisah telah menyedarkan ibu dari segala kesalahannya. Ibu sangat menyayangi Annisah. Kelahiran bayi cacat Annisah telah membawa sinar baru kehidupan keluarga. Sedikit demi sedikit keluarga boleh membangun ekonomi sehingga berhasil sampai saat sekarang ini. Tuah anak, kata orang-orang tua. Bahkan ketika Abang Firdaus, Maria dan Burhan lahir, kasih sayang ibu kepada Annisah tidak berkurang. Mungkin ibu mahu menebus segala kesalahannya yang telah dilakukan kepada Annisah waktu dalam kandungan.

Annisah mahu sembunyi di bilik saja, biar bapa dan abang Firdaus yang jumpa," kata Annisah berusaha menyembunyikan rasa kecewanya.

Dia berpura-pura menata buku-buku yang sudah kemas di depannya. Tampak mata gadis yang cacat itu berkaca-kaca. Maria terdiam. Tetapi itulah yang terbaik bagi Maria, bagi Zack dan bagi pihak keluarganya. Maria berhak mendapat kebahagiaan, berhak atas masa depannya sendiri. Maria tidak mahu peristiwa tiga tahun lalu berulang lagi.

Sampai malam Maria tidak bercakap dengan Annisah. Maria tidak tahu apa yang harus diperbincangkan. Annisah sendiri tidak menyapa Maria waktu makan malam. Annisah kecewa dengan Maria. Selesai makan malam Annisah sibuk di dapur mempersiapkan segala keperluan untuk esok pagi. Burhan dan Firdaus sudah sibuk di bilik masing-masing. Hanya Pak Ismail dan Maria.

"Bapa... bapa tahu kan Zack..." kata Maria berhati-hati.

"Kawan kau ni, bila mahu datang? Cakap segera datang ... sampai sekarang tak tampak batang hidungnya," kata Pak Ismail, ayah Annisah, Maria, Firdaus dan Burhan.

"Mungkin dalam waktu dekat..."
"Baguslah... suruh cepat datang, kau pun sudah waktunya punya keluarga."

"Bapa..."
"Apa lagi..." Pak Ismail melepas cermin matanya dan menatap Maria.

"Kalau Zack datang, bapa sama Abang Firdaus saja yang berjuma."

"Habis Kak Annisah dan Burhan...?"
"Maksud Maria Kak

Dari muka 12

tidak, bermessage tidak. Maria berharap sangat untuk berjumpa dengan Zack. Ingin dikhabarkan bila Zack boleh datang ke rumahnya. Zack bagai ditelan bumi. Maria menghabiskan hari-harinya dengan resah. Maria takut kehilangan Zack. Hari ini, Maria tidak bertemu Zack. Maria pulang dengan lemah, tiada semangat. Rasa bagai tiada warna dalam hidup ini. Tampak Annisah di depan pintu, menambah hitam warna hidup Maria. Annisah mendekati Maria.

"Cuba teka siapa yang datang tadi?" kata Annisah.

"Siapa?" Maria malas melayan Annisah.

"Zack."

"Zack? Betulkah? Bila dia datang...?" Maria rasa sangat gembira.

"Pukul empat petang tadi."

"Oh...hehh...dia ada pesan atau tidak? Siapa yang menemui Zack?" Suaranya terdengar sangat resah.

"Kakak."

"Apaaaaa...? Kakakkkkk... Kenapa Kak Annisah berbuat seperti itu... bukankah Kak Annisah sudah berjanji sama Maria tak akan berjumpa Zack bila Zack datang ke rumah...!!!" suara Maria sangat nyaring. Maria sangat marah. Mata dan mukanya tampak merah bagai terbakar. Maria masuk meluru ke dalam menuju ruang makan. Nampak Firdaus dan Pak Ismail yang sedang makan bersama sangat terkejut oleh suara kemarahan Maria. Annisah berusaha mengikuti langkah Maria dengan berlari. Nampak rasa sesal di wajah perempuan cacat itu.

"Maria, maksud... Kak Annisah..." Annisah mencuba menjelaskan apa yang terjadi.

"Kenapa dengan kak Annisah... Kak Annisah memang sengaja mahu bertemu dengan Zack... kau ni memang tak ada hati perut. Sengaja mahu melihat hidupku hancur. Aku ni macam dah hilang sabar. Kenapa kau ni tak boleh lihat diri sendiri, kenapa gatal sangat dengan lelaki, takkan ada lelaki yang mahu berkahwin dengan kau ni... sudah cacat dan menderita epilepsi..." kata Maria dengan sangat marah.

"Mariaaaaaa...!!!!!!!" Firdaus berkata dengan marah.

"Hai... kenapa Bang Fir... abang mahu membela dia, tak payah membela, aku ni tahu...dulu-dulu dia juga cakap kalau mahu berkahwin dan punya anak... tapi jangan ambil kekasih orang." Maria bagai hilang kesadaran diri.

"Diaaaaaa...mmmmmmmmmm!!!!!!!" teriak Pak Ismail. Suaranya memenuhi ruang makan. Maria terdiam dan takut. Firdaus hanya menelan ludah dan menahan marah. Annisah hanya bersandar di dinding dengan lemah. Air matanya tak berhenti mengalir melihat drama hidup yang sangat menyakitkan hati.

"Maria... jaga mulut kau ni... dia ni kakakmu, tak baik asal tuduh..." Pak Ismail mencuba mendinginkan suasana.

"Aku ni bukan menuduh, tapi memang ini kenyataan... aku benci dia. Dia membawa sial dalam hidupku." Maria menunjuk jarinya ke arah Annisah.

"Kau tak dengarkah nasihat bapa?...?" kata Firdaus tajam.

"Kenapa Bang... Bang Fir mahu membela dia... bela... ayo bela... aku ni sudah muak, mual perutku mendengar nasihat abang." Maria semakin marah.

"Maria takkan kau ni tak mengenang budi. Kak Annisah bagai ibu bagi kita..." kata Firdaus perlahan, mencuba menasihati adiknya yang seperti orang tidak siuman.

"Ibu... bukan... dia bukan ibu, patut ibu mencuba membunuh masa dalam perut. Kalau mahu cakap balas budi hanya kerana dia yang mencari duit untuk aku makan, aku boleh muntahkan juga sekarang...!"

Plakk! Plaaa!!!! Tangan Firdaus melayang ke pipi kanan dan kiri Maria. Maria tersentak, bagai tak percaya. Sakit dan panas di kedua pipi dan telinga. Maria kehilangan keseimbangan, dan terjatuh di lantai. Firdaus terkejut, tidak menyangka menampar adiknya sendiri. Firdaus merenung tangan kanannya. Maria menangis kuat dan berlari ke bilik tidurnya. Braaakkkkkkk! Pintu bilik yang tidak tahu apa-apa menjadi korban rasa marah dan sakit hati Maria. Pak Ismail terduduk lemas. Hatinya sakit. Seperti luka sembilu tersimbah air garam. Pedih.

Annisah berdiri bagai patung. Jantungnya bagai berhenti berdetak. Tidak tahu harus berkata dan berbuat apa. Serta-merta dia merasa dunia ini berputar dengan cepat. Tubuh pendek itu bagai dialiri arus elektrik. Dia kejang, matanya melotot, lalu jatuh. Mulutnya berbuih. Tubuh cacat itu bagai dirasuk syaitan. Bergulung-gulung tidak tentu arah, sambil berkata-kata tidak keruan. Meja kerusi dilanggar. Keadaan menjadi kacau-bilau. Epilepsi. Firdaus dan Pak Ismail tidak boleh berbuat apa-apa.

Sepuluh minit telah berlalu. Annisah masih bergulung dengan kuatnya di lantai. Lama-lama semakin lemah gerakannya. Diam. Matanya tidak melotot lagi. Dia memejamkan matanya. Nampak air mata keluar dari kelopak mata yang menutup itu. Dia bangun. Keadaannya sangat teruk. Seluruh muka, badan dan bajunya sangat kotor. Firdaus memeluk Annisah dan memimpinnya ke arah biliknya. Pak Ismail terduduk lesu. Seluruh tubuhnya seperti tak bertulang. Fikiran lelaki berambut putih itu melayang entah ke mana.

Maria masih menangis di biliknya. Sarung bantal telah basah oleh air mata. Hatinya sangat marah. Kemarahan yang teramat sangat, sehingga hati Maria

tidak mencair mendengar suara bising dari ruang makan, Maria tahu apa yang telah terjadi walau tidak melihat. Annisah dengan epilepsinya. Amarah telah bertakhta di hatinya. Syaitan yang direjam sedang berparti di hati, membisikkan rayuan-rayuan mengikis habis setiap kebaikan hati. Maria rasa cemburu, kerana semua orang membela Annisah. Bahkan bapa telah menengkingnya demi Annisah. Yang dahsyat Bang Firdaus telah menampar kedua pipinya. Rasa panas masih terasa di kedua pipinya yang berwarna merah membentuk sebuah tangan. Tapi hatinya terasa lebih panas atas hinaan dari semua keluarganya.

Sekarang tidak ada yang membelanya. Semuanya Annisah. Dari kecil sampai besar panjang selalu Annisah yang diutamakan. Waktu kecil dahulu semua kuih-muih yang bapa beli selalu untuk si sulung Annisah. Semua alat permainan Annisah dulu yang mencuba. Annisah telah berhasil menarik perhatian semua orang dengan kecacatannya. Sedang Maria. Maria merasa mahu keluar dari rumah dan tidak akan kembali. Di luar sana banyak kawan yang baik-baik. Maria menangis lagi.

Hari ini sangat indah. Langit terhampar cantik. Awan putih bergerak perlahan berpacu dengan langkah sang matahari. Tetapi Maria tidak dapat merasakan nikmat Tuhan yang indah ini. Maria hanya diam membisu. Zack memandangnya dengan perasaan yang tidak pasti. Wajah yang cantik. Sudah berkali-kali Zack memuji kecantikan Maria. Saat ini Maria sedang menunggu berakHIRnya hubungan dengan Zack. Maria tahu pasti Zack akan memutuskan hubungan dengannya. Semua kerana Annisah. Hati Maria remuk-redam. Maria tahu akhir segala kisah cintanya akan seperti dahulu. Bersusah payah Maria menghindarkan diri dari berjumpa Zack, setelah Zack berjumpa Annisah beberapa hari lalu. Tetapi Zack seperti mempunyai tiga mata yang tahu di mana Maria berada. Bersembunyi di lubang semut pun Zack pasti menemukan Maria. Dunia ini terasa sempit sekali. Sehingga tidak ada tempat yang selamat dari bertemu Zack.

"Tiga hari lepas aku jumpa Kak Annisah, aku tidak tahu dia itu kakakmu," kata Zack. Maria tak menjawab.

"Besok cuti, boleh main ke rumah...?" Zack penuh harap.

"You..." Maria seperti tak percaya. Zack mengangguk.

"You tidak kisah tentang keluargaku?"

"Kisah apa?" Zack tak faham dengan pertanyaan Maria.

"Maksudku... kau boleh menerima keluargaku?"

"Kenapa tidak?" Zack bertanya.

"Keluargamu... ibu bapamu...?"

"Tentu, kalau aku suka, mereka akan suka juga," Zack tertawa kecil sehingga tampak giginya yang berbaris rapi dan berwarna putih bersih. Wajah cantik Maria berubah gembira serta-merta. Ada sinar baru di matanya. Hatinya berbunga.

"Maria, sebenarnya Zack tahu apa yang terjadi tiga tahun lepas dan tiga hari lepas, walau Maria berusaha menyembunyikannya."

"Apa... aku ni tidak menyembunyikan apa-apa?" jantung Maria berdetak lebih cepat.

"Hubunganmu dengan Anuar yang kandas..."

"Oh... aku sudah melupakan cerita lama itu."

"Dan tentang Annisah."

"What do you know?" Maria bertanya dengan perasaan takut. Wajahnya kembali pucat.

"Kenapa kau ni marah pada Annisah tiga hari lepas, dia tidak bersalah... kau cakap macam-macam sehingga epilepsinya kambuh," Zack berkata perlahan sambil melusuri wajah cantik Maria. Maria merasa bersalah dengan sikap dan kata-kata Zack.

"Dari mana kau tahu?" Maria tak berani melihat Zack.

"Itulah... kalau kau ni punya fikiran yang terbuka, kalau dari dulu aku boleh jumpa keluargamu, pasti semua tidak terjadi."

"Aku tak faham...?" Maria menatap Zack.

"Kau tahu tak, sebelum aku ni kenal dengan kekasihku yang bernama Maria binti Ismail aku sudah tahu sedikit banyak cerita tentang Annisah binti Ismail."

"Apaaaa?" Maria tak percaya dengan apa yang baru didengarnya. Mata Maria membentuk bulatan penuh yang besar, sehingga bola matanya yang hitam tampak semua. Zack mengangguk, menghilangkan rasa tak percaya pada diri Maria.

"Jadi kau ni tahu semuanya dari dia, dia memang tak boleh melihat orang lain senang. Pasti dia cakap macam-macam. Jahat betul dia. Kenapa aku punya kakak seperti dia..."

"Heh... tak baik cakap macam itu. Dia tak macam yang kau cakap. Kau sendiri sebenarnya tahu. Menurut Zack semua memang silap kau..."

"Jadi kau pun membela dia..." Maria menahan marah. Maria kecewa sekali.

"Ini bukan soal bela-membela," Zack duduk di samping Maria. Zack memandang wajah cantik itu dengan penuh kasih sayang. Dipegangnya tangan Maria.

"Maria...anda Annisah atau tidak ada aku tetap ingin berkahwin dengannya. Sebenarnya sikapmu itu hanya kerana Anuar tiga tahun lalu. Tidak semua orang sama. Aku tidak kenal dengan Annisah tapi aku sering mendengar cerita tentang Annisah dari ibu. Ibu kenal baik dengan Kak Annisah. Sejak Dr. Ahmad Sayed meninggal dunia dua bulan lalu, ibu yang menggantikan. Ibu seorang doktor. Ibu yang merawat epilepsi Annisah. Kau ni tak boleh buat macam tu. Epilepsi itu boleh disembuhkan

SEKARANG tidak ada yang membelanya. Semuanya Annisah. Dari kecil sampai besar panjang selalu Annisah yang diutamakan. Waktu kecil dahulu semua kuih-muih yang bapa beli selalu untuk si sulung Annisah. Semua alat permainan Annisah dulu yang mencuba. Annisah telah berhasil menarik perhatian semua orang dengan kecacatannya. Sedang Maria. Maria merasa mahu keluar dari rumah dan tidak akan kembali. Di luar sana banyak kawan yang baik-baik. Maria menangis lagi.

kalau pesakit rajin berubat. Satu lagi, jangan memicu keadaan yang boleh menimbulkan epilepsi, maksudku seperti pertengkaran," kata Zack panjang lebar.

"Jadi Dr. Tsani Elsa ibumu?" tanya Maria dengan rasa bersalah. Zack tersenyum dan mengangguk.

"Tiga hari lepas, ibu menyuruh Zack mengambil baju yang dijahit Kak Annisah dan membawa pesan kalau malam ibu akan pergi. Kau tahu Kak Annisah selalu pergi doktor Selasa malam minggu ke dua?"

"Aku memang jarang menghantar Kak Annisah jumpa doktor, apalagi sejak Dr. Sayed meninggal, belum pernah aku hantar dia, selalunya Bang Firdaus atau bapa. Aku hanya tahu doktor pengganti namanya Dr. Elsa Tsani," kata Maria datar.

"Ibu sendiri kagum dengan kebolehan Kak Annisah."

"Dia banyak bercerita kepada ibu kau?" Maria memandang Zack.

"Aku tidak tahu. Tapi kata ibu, selalunya bapa dan Bang Firdaus yang banyak bercerita. Aku pun kagum dengan ketabahan dan kecekalan hati Kak Annisah."

"Kau...? Maria menggantung kata-katanya.

"Maksudnya Zack cinta Maria," Zack menjeling Maria. Menggoda. Maria tersipu. Zack tahu Maria tidak boleh menyembunyikan rasa cemburu.

"Sudahlah...yang salah kita perbetulkan, baik kau ni minta maaf pada kakak," kata Zack. Maria hanya diam seribu bahasa.

Waktu telah berlalu. Pagi telah menelan habis malam. Maria masih belum bangun dari mimpi yang indah. Tok... tok... tok... suara pintu biliknya diketuk. Dengan malas Maria terbangun. Pukul tujuh pagi. Dia membuka pintu. Annisah berdiri di depan pintu membawa dulang berisi segelas susu dan sekeping roti. Annisah masuk. Tangan kanan berjari tiga begitu cepat meletakkan dulang di atas meja.

"Makanlah...sudah beberapa hari kakak tengok kau ni makan sikit, kalau kau makan di bilik barang kali boleh makan lebih," kata Annisah

"Terima kasih" hanya itu yang boleh diucapkan Maria.

"Kakak masak untuk petang ayam masak kurma, kau makanlah di ruang makan, karang kita makan bersama-sama," kata Annisah sambil menutup pintu.

Maria gelisah. Dia tak tahu harus berkata apa. Annisah begitu tenang. Seperti tidak pernah terjadi apa-apa, walau Maria bersikap teruk beberapa hari lepas. Annisah tidak pernah melupakan tanggungjawabnya sebagai kakak dan ibu walau dia tidak sempurna. Makan minum, pakaian, biaya sekolah dan wang saku Maria diperoleh dari hasil kerja keras Annisah. Hasil kedai jahit Annisah, hasil penjualan kuih-muih Annisah dan karya tulisan Annisah yang tersiar di akhbar.

Maria menarik nafas panjang. Maria tidak mampu menjadi Annisah. Rasa bersalah merasuk ruang hati Maria. Air matanya membentuk sungai kecil di pipi. Maria ingin sekali minta maaf dan sujud di kaki Annisah. Tapi Maria tidak tahu bagaimana harus memulakan.

Tok... tok... tok... tok!! Pintu diketuk. Maria membuka pintu dengan tangan kiri, sedangkan tangan kanannya memegang roti yang belum habis dimakan. Firdaus.

"Bang Firdaus mahu bercakap sama Maria."

"Masuklah..."

"Abang minta maaf, kerana telah menampar Maria. Abang tidak bermaksud..."

"Maria mengerti, Bang Fir tak payah minta maaf, Bang Fir tak bersalah," Maria menangis.

"Janganlah kau ni menangis, abang lagi sedih. Kalau kau memaafkan abang... cubalah senyum," Firdaus tersenyum. Maria tersenyum lebar walau air matanya masih mengalir di pipi. Firdaus tersenyum sambil meminum susu di meja.

"Hah... itu susu aku..."

"Sedap sekali, siapa yang bikin?"

"Kak Annisah," Maria berkata sangat perlahan.

"Minta maaf pada Kak Annisah. Terlalu banyak dia berkorban. Tak sepatutnya dia berkorban seperti ini di usianya yang masih muda," Firdaus menepuk bahu Maria.

"Bang Fir mahu menemani Maria untuk minta maaf..." Maria memohon. Firdaus mengangguk.

"Tapi janji, jangan berkata yang menyakitkan hati Kak Annisah lagi," kata Firdaus berpura-pura marah. Maria tersenyum sambil mengangkat jarinya.

"Ehhh...apa kamu berdua buat ni di bilik...?" Annisah sudah berdiri di pintu bilik. Maria dan Firdaus terkejut.

"Oh...heh... Bang Fir pinjam duit Maria," Maria menjawab asal sahaja.

"Fir...kau ni sudah bekerja, masih minta duit Maria. Sepatutnya kau ni beri Maria..." nasihat Annisah. Firdaus hanya tersengih menjadi korban penipuan Maria.

"Ada tamu, cepat turun!" perintah Annisah.

"Siapa?????" Maria bertanya.

"Entahhhhhh." Annisah dan Firdaus menjawab bersama sambil angkat bahu.

"Cepat mandi...karang kau punya tamu lama tunggu," kata Annisah sambil keluar bilik diikuti Firdaus.

Maria keluar dari bilik mandi. Hatinya masih bertanya siapa tetamu yang datang seawal pagi. Maria menatap sesuatu di atas meja riasnya. Dua pasang baju baru. Pasti Kak Annisah yang buat. Sepasang baju kurung warna merah jambu, warna kegemaran Maria. Diambilnya yang satu lagi dan Maria mencuba memakai. Baju warna biru, warna kegemaran Zack. Seluar dan baju panjang tak bermotif tampak cantik dengan sulaman bunga emas di hujung baju. Sepasang kasut sama warna menambah kelembutan dan kecantikan Maria. Dari mana Kak Annisah tahu Zack sangat suka warna biru. Maria tidak menemukan jawapan.

Maria melangkah ke ruang tamu. Jantungnya berdebar. Maria kenal sangat suara tetamu yang sedang bersembang dengan bapa. Zack. Gila. Kenapa Zack tidak memberitahu dahulu kalau mahu bertandang ke rumah. Bukankah kelmari petang mereka berjumpa. Kalau tahu Zack akan datang tentu Maria akan bangun seawal mungkin. Dan Maria akan membuat semua persiapan dengan rapi. Maria malu sekali kerana hari ini bangun lambat. Lambat sekali. Pukul tujuh Maria baru bangun. Itu pun kerana pintu diketuk Kak Annisah. Alamak, malu betul... Maria berkata dalam hati.

Zack tersenyum manis melihat Maria. Maria tersenyum malu. Semua telah berkumpul menunggu Maria. Bapa, Kak Annisah, Bang Firdaus dan Burhan. Zack menatap Maria penuh kagum.

"Cantik sekali," puji Zack.

"Kak Annisah yang jahit," pipi Maria memerah. Maria bahagia.

"Cantik kerana Maria yang memakai," kata Annisah. Dia menggenggam erat jari Maria. Maria adalah semangat hidup Annisah.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

PESAMBAH HARI PERKAHWINAN

"Barai-barai hujan di hulu
hanyut atap berkeping-keping
tidak sabar kami menunggu
bulan Rejab naik Pengantin."

Telah terlembah kini
lawangan hati sang remaja
akan menyambut bisikan cinta
yang sedang mengetuk mesra
di ambang laluan kehidupan baru
akan melangkahkan kaki ke puadai
yang bernama rumah tangga
yang dibangunkan tiangnya dengan kasih sayang
yang diatapi bubungnya dengan jiwa yang riang
yang disusunkan lantainya dengan dada yang
tenang
yang jendelanya terbuka menerima sinar
yang mempersiang
dengan penuh restu ayah bonda
dan keluarga dan doa sekalian warga.

Kini
kuntikan puteraku
bergegang naik ke pinara hayat abadi
alam baru dan rumah yang baru
dan hati yang putih semanis madu
dan cinta yang kekal dipadu
jika walau ia mengalami serba suasana
belaian halus atau tiupan tirus
seumpama laut yang dalam
ombaknya deras menghempas
umpama malam yang kelam
gelapnya menyesak nafas
tapi ialah adat yang tak terlelakan
selagi usia Adam dan Hawa
selagi namanya manusia
maka dengan derap titir Gendang Jaga-Jaga
mendenyuti setiap salur nadi
membuka tirai-tirai bagai mimpi
demi Tuhan Yang Maha Pemurah
kumpul hajat dan arah
mohon turunkan kurnia
rahmat sesaujana taufiq sebesarnya
kepada pengantinku, remajaku
yang kusandangkan di atas ubunku
yang kuangkat di puncak dahiku
maka dengan harap seperti tiada luputnya
dan ingat seperti tiada yang tirisnya
mudah-mudahan sempurnalah
menganyam tali kehidupan
yang bernama suami
yang bernama isteri
kemudian turunan yang mendatang nanti
dengan doa yang putih suci
mudah-mudahan sejahtera abadi.

"Empalau daunnya muda
di rumah Pengiran Samad
sembah salam ke Duli Pengiran Muda
mudah-mudahan hidup selamat."

Amin.

Yahya M. S.

BUAT TEMAN

Kurenung ke langit
awan-awan berarak ...
bulan tak kelihatan
bintang-bintang berkedip
tempoh hari kita bicara tentang bulan
bintang.

Teman ...,
gurau senda, usik-mengusik ...
kita tertawa ...
seronok ... gembira!

Tapi kenapa kini tak ada lagi ... teman?
kita buat cerita ...
bukan pasal cinta, kasih sayang ...
tapi pasal gajah, tikus dan burung pipit
yang kepanasan
teka-teki, usik-mengusik
pasal kijang, kuda, kancil yang sering berlari-lari
di jalanan bukan di hutan ...
kenapa teman kau menyepi ...?
tak ada lagi tawamu, jenakamu ...?
aku kesepian tanpamu kawan
air mata jadi temanku kini ...

Di mana kau teman?
sahabatku sejati
jangan kau salah anggap salah tafsir ...
kita kawan saja, bukan kekasih.

Jika kau ada perasaan ... kasih ...
maafkan aku teman, aku tak tahu ...
kenapa kau tak berterus terang?
maafkan aku ... sayang
cerita kita belum tamat ...
boleh kita sambung lagi?

Rozmil

KALAU NAMANYA INSAN ... (Pengajaran Surah Al-'Asr)

Mufrad al-insan mempengaruhi jiwa manusia
insan itu sendiri ertinya lemah serta pelupa

kesilapan mustahil terpisah
namun dipelajari supaya tidak berulang
sentiasa hidup resah
diburu rasa bersalah
dihukum secara adil
sehingga bumi terasa
untuk mendapat hidayah
malang sesat melakukan maksiat
mungkin yang keji
pintu Taubat Nasuha tidak terhalang
kecuali nyawa di kerongkong
atau kiamat menjelang.

Kalau namanya insan
wajarlal kita sesama manusia berpesan
segera mengerjakan kebajikan
serta jauh dari kemurkaan Tuhan
nikmat kebahagiaan berkekalan.

Menuding jari punca teretus pergeseran
renunglah isi kandungan Al-Quran
dalam ambil pengajaran
hidup selamat memiliki panduan
bukan seperti layang-layang putus
atau seladang liar nafasnya mendengus
tak berakal ditunggang nafsu rakus.

Fakawarajani

LUKISAN HATI

Kulihat di sana
satu lukisan terpamer
terukir aneka bentuk dan warna
hanya dia anak seni
yang tahu akan ertinya lukisan itu
di persisiran pantai
ombak menghempasnya dengan ganas
laut bergelora
sang bayu bermuram durja
burung lelayang menari-nari
hati ini gusar
hati ini kecewa
hati ini meronta
aku tak tahu kenapa
itulah gambaran
lukisan hati
yang kaku tanpa bicara.

C. Mar

SURATAN TAKDIR

Mengertilah kasih
cintaku tetap marak menyala
tidak akan padam
meskipun tengkujuh sepanjang musim.

Kasihku
kita telah ditakdirkan bertemu
untuk menganyam bahagia bersama.

Tetapi apakan daya
kenyataan setia menanti di hadapan
meragut kebahagiaan ini
sesungguhnya
air mata tak dapat
menahan takdir antara kita ...

Memang
takdir penentu segala-galanya.

Berpisah sudah segalanya
yang tinggal hanyalah kenangan saja
kenangan kau dan aku
kenangan manis kita bersama
kenangan yang tak akan kulupa
buat selama-lamanya.

Nurfadilah binti Fauzi

ANAKKU ...

Anakku ...
kaulah pewaris zaman
yang mencipta keamanan
yang menunjuk kejayaan
di bawah payung keimanan carilah erti
kedamaian
pengukur kemajuan
pencetus keagungan ...

Anakku ...
dalam sejuk belaian
dalam dodoi nyanyian
ketika peluk keselamatan
ketika ucap kesayangan
wujud titisan pengajaran
yang perlu kau kutip
yang patut kau fahami.

Anakku ...
dunia ini terlalu banyak pancaroba
yang perlu kau hadapi
yang perlu kau tempuhi
dengan pengalaman
dengan kebal keimanan.

Kelana Rimba

MENCARI PERTEMUAN

Kau tiba bersama takdir
tangan pertama membunuh hati lara
senyuman mencipta seni.

Dalam musim menuai rindu
hujan pun tiba-tiba turun
menyiram bahagia
kasih diukir di laut
sayang digubah di wajah pantai.

Sang mentari tiba-tiba dingin
cendera retak dan berdarah
kita berdua dipisahkan oleh senja
datangnya seperti ...
suatu cahaya yang sepi.

Kau telah pergi dengan takdir
sebelum sempat kulukis sebuah diari
menjadi sebuah karya yang tersirat.

Hari ini adalah semalam yang sifar
kelmarin kukutip harapan
untuk esok yang penuh doa.

Sukang

SYUKUR DAN SABAR

Atas kurnia hayat ini
telah mengingatkan dan mengajar kita
betapa rahmat dan nikmat Tuhan
begitu tak terlingga
namun ada juga di antara kita
tidak menyedari.

Wahai insan mulia di sisi Allah
bangun!
dan celikkanlah mata
manfaatkanlah diri kita ini
dengan sebaik mungkin
ke arah yang lebih cerah dan bermakna
kerana kita tidak rela dikatakan nanti
orang-orang yang di dalam kerugian
sebaliknya kitalah yang tahu menilainya
dengan bersyukur dan bersabar
pada nikmat anugerah Tuhan.

Sesungguhnya insan!
syukur dan sabar adalah iman.

Rahim M. S.

HASAD DENGKI

Aku berkeringat, di mana susahmu?
aku berjaya, di mana lukamu?
aku bahagia, di mana sakitmu?
tapi bila kita dilanda musibah
setiap senyum di bibirku buatku resah
seolah aku pernah membuat salah.

Aku cuba beramah, kau marah
aku cuba mendekati, kau sakiti
aku cuba berkawan, kau lawan
tapi bila aku cuba pertahankan diri
kau anggap aku mudah terasa hati.

Semakin tidak kupedul
semakin kau membuli
dan seringkali kukawal emosi
agar persengketaan tidak terjadi.

Jangan biar kejahatan merajai hati
kelak binasa diri sendiri
sampai bila harus berhasad dengki?

Aimmie

AL-BAQI

Musim haji yang menjelma saban tahun
menerpa benakku yang kehilangan
terbayang jelas di gambaran
manusia bertumpu di Kota Mekah
yang mulia
serta Madinah di mana keganasan
Islam bermula
bumi yang dahulunya tandus kini subur
menghijau
di masa pedagang Arab senang hati
banyak menerima tawaran rezeki
para jemaah haji yang menjadi pembeli
tawar-menawar ijah dan kabul
belian menjadi hak diri.

Kaabah tersergam gagah
pusat kiblat segenap penjuru alam
hiruk-pikuk manusia membaluti setiap
detik masa
tidak pernah tertanggal walau seketika
berzikir tahmid salat dan tawaf
Masjidilharam saksi nawaitu
rutin harianku bersama ninda tercinta
berlapang dada tekun beribadah
satu perjalanan hidupku yang bersejarah
kenangan manis mengerjakan Rukun
Islam Kelima
tanpa gangguan duniawi

walaupun jasadnya menanggung penyakit
nini wajah manis tak pahit
tiada rasa perit.

Namun di saat wukuf di Arafah yang luas
ninda menyerah pada iradah Yang Maha Kuasa
saat nazak menjelma
perlahan nafas diembus
basah tubuh berpeluh
salam Izrail menyambut
ninda lantas menurut
tepat tarikh 10 Zulhijjah.

Kini kupulang sendirian
negara asal tempat tujuan
tiada berteman seperti pemergian
saya hatiku pilu dan syahdu
setiap kali menjelma Hari Raya
sama ada Aidilfitri dan Aidiladha
di sini kuziarahi makam moyang
juga saudara yang telah tiada
tetapi bukan makam ninda
pusaranya jauh di Kota Mekah
perkarangan Al-Baqi menjadi
persemadian
hanya doa dikirimkan
tiada curahan air asah-asahan.

Walau jiwaku kosong
dihentam remuk kejutan kehilangan
kurasa ninda teramat beruntung
bersemadi di pusara Al-Baqi
tempat persemadian para sahabat
Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang
dikasih
di saat mengalun takbir raya yang
bergema
kupanjatkan doa setiap masa
moga bahagia ninda di sana.

Hamid L.

KENYATAAN

Andai kata pertemuan
menjadi suatu pemberian
walau bukan milikku
tak akan kusia-siakan.

Andai masa
menjadi diri ketinggalan
kerana terlalu pagi berangkatnya
adakah punca segala yang terkemudian
dan sesaat yang telah menghanyutkan
hakikat kebenaran.

Namun,
yang lebih nyata
adalah keyakinan yang kugenggam
dari pertimbangan yang tercicir
di celah kehidupan yang kupetik dan
yang lebih dihargai adalah sesuatu
yang ditinggalkan yang tak sempat
disingkirkan dari kenyataan.

Zul 3012

PUISI UNTUK ANAK-ANAK (Sempena Hari Guru)

Pada 18 September 2004
Konvokesyen Ke-16 UBD
telah disempurnakan
mewujudkan graduan
yang penuh semangat tinggi
berwibawa ...
segak bergaya ...
dengan jubah yang dibanggakan
segala kegigihan jadi kenyataan.

Selangkah kaki menghayun
tangan ditadah harapan menggunung
segulung ijazah sekuntum senyuman
bagai mendapat emas sebumbung.

Di sinilah titik bermula
mengharungi selautan pelajaran
berbudi pada pembacaan
telah berbalas dengan kejayaan.

Berkat doa kedua orang tua
nasihat diikut tidak kira masa
jangan kosong ilmu di dada
hidup cerah di hari muka.

Segulung ijazah tanda kepintaran
simpan cermat jangan disemberanakan
seburuk mana tetap dipandang
tidak akan luntur di tangan orang.

Puisi sindiran bagaikan hiburan
pada yang lain menjadi ikutan
kejayaan terserlah berkat kesabaran
tekun berusaha teguhnya iman.

Kepada anak teman-teman yang bijaksana
ilmu didapat bagai pelita
terangkan cahaya di mana-mana
walaupun membakar diri kita
asal orang lain tahu saja ...!!

Hajah Rafiah Bakar



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 6 OKT	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	6.11	AZAN MAHGRIIB		'Menuju Keredaan'		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	SINAR	9.30	JASA MU
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.55	HOME STYLE: REAL ROOM	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM			
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			4.10	SUSUNAN RANCANGAN			10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.30	SIMPOSIUM INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM	4.15	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN NASIONAL	10.30	HELIX SHELL B-LEAGUE 2004
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			5.10	GILLETTE WORLD OF SPORT	7.20	AZAN ISYAK	11.00	RITA & RAIHAN
		12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.30	LENSA PELAJAR	11.30	THE INVESTIGATOR II	
				6.00	GEDGET AND GIZMOS	8.00	BERITA NASIONAL	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						8.50	DRAMA -			

KHAMIS 7 OKT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		AWAM		Here'	7.30	WARTA ISLAM	
				12.00	SIARAN TAMAT	5.10	ON THE BALL	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	5.35	IN THE MIND OF ...	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN)	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.10	AZAN MAHGRIIB	10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	9.00	BERITA	11.30	SIMPOSIUM INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.30	WAYANG PILIHAN - 'Hard Rain'
				4.15	KIDS HOUR: 'Super Little Fanta Heroes/We All Live	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						7.19	AZAN ISYAK			

JUMAT 8 OKT	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	5.45	BERITA	9.00	SEMINAR MASJID		
			10.15	SESAME STREET	1.30	WILDLIFE DIARY		WADAH KEPIMPINAN		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	INGIN TAHU	2.00	AZAN MAGHRIIB		RAJA		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.30	JALAN MENUJU ALLAH	9.30	QUANTUM SPECIALS - 'Cholestrol'		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Hote Hote Pyar Ho Gaya'	10.00	NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	12.15	DIVE THE WORLD	3.24	AZAN ASAR	10.40	KHUTBAH JUMAAT		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung	3.30	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	7.19	AZAN ISYAK	11.40	TELEDRAMA - 'Emun'
						7.30	INSPIRASI INSAN SENI	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						8.00	BERITA NASIONAL			

SABTU 9 OKT	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	KERINGAT - 'Perusahaan Sendiri'	2.50	LIVING	MALAM			
		10.05	KIDS HOUR: 'Iris, The Happy Professor/Bob The Builder'		3.24	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		12.09	AZAN ZUHUR	3.30	LADY COP	7.19	AZAN ISYAK	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.55	WONDERFUL WORLD OF PLANT	PETANG	4.15	BEYOND 2000	7.30	PAN ASIA	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA - 'Kaca dan Permata' - Ulangan	12.50	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Desperation Highway'	5.00	MONSTER BY MISTAKE	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.20	KAMPUNG KITA - Ulangan	5.25	SUPERMODEL	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU - 'Untuk Mu'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.05	DOKUMENTARI:			6.00	SHARING ONE WORLD	10.00	NEWS AT 10
						6.09	AZAN MAHGRIIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'To Live Again'	
						6.45	PEDOMAN AKIDAH	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

AHAD 10 OKT	PAGI	10.10	KIDS HOUR : ROCKET KIDZ/LEGACY OF SILVER	PETANG		MASYARAKAT - 'Dilema Penceraian'		AIRKU SR. 2		
			SHADOW	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - PREVIEW	5.10	ANIMATION - 'Sleeping Beauty'	7.18	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	MARI BERCERITA		5.35	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		PERINGKAT AKHIR	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - HIGHLIGHT		8.30	SENANDUNG MUHIBAH	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15	SUNDAY MATINEE - 'Bratty Babies'	2.40	JUARA - Siaran langsung	5.45	BERITA	RTB/RTM - Siaran Langsung Dari Kuala Lumpur	
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	3.15	JASON & ARGONAUTS - Siri Baru	6.10	SCIENCE WORKSHOP	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.24	AZAN ASAR	6.09	AZAN MAGHRIIB	10.30	TIRAI KELUARGA - 'Mama Oh Mama'
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.09	AZAN ZUHUR	4.15	SEMARAK BUDAYA	6.45	PENGAJARAN DARI AL QURAN		
				4.40	KAUNSELING	MALAM			12.00	GUARDIAN
						7.00	KUIZ KENALI TANAH	12.50	DOA DAN SIARAN TAMAT	

ISNIN 11 OKT	PAGI		Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Landasan'	
						5.55	ANIMALIA	9.30	MENARA SUMBER	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	6.09	AZAN MAGHRIIB	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.30	SUKAN GLOBAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MARI MEMASAK KE KAMPUNG-KAMPUNG - Ulangan	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM			
	9.00	BERITA	11.30	DOKUMENTARI - 'Tech Watch'	4.15	KIDS HOUR - 'Nilus The Sandman/Big Garage'	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	EXTREME MACHINE V: FEAR OF FLYING - 'May Day'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		5.15	HOW TO OUTDOOR	7.18	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						7.30	MASAK TARUS			
						8.00	BERITA NASIONAL			

SELASA 12 OKT	PAGI	9.40	SUSUNAN RANCANGAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.08	AZAN MAGHRIIB		KESIHATAN 2004 - 'Membudayakan Permakanan Sihat' - Ulangan	
			10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL ISLAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	GELAGAT MENUMPAH	4.15	KIDS HOUR - 'The Great Book Of Nature'	MALAM			
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	SIMPOSIUM INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM	5.00	DOKUMENTARI - 'End Of Extinction: Cloning The Tasmanian Tiger'	7.00	DRAMA - 'Masam-masam Manis' - Ulangan	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	SIARAN TAMAT			7.23	AZAN ISYAK	8.50	KAMPUNG KITA
	9.00	BERITA	PETANG		5.45	BERITA	7.35	DOKUMENTARI	9.30	INSANIAH
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	KIDSINAR		KONVENSYEN	10.00	NEWS AT 10
							KEBANGSAAN PROMOSI	10.30	WORST CASE SCENARIO	
								11.30	DARK SKIES	
								12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	

MISI DIPLOMATIK NEGARA-NEGARA SAHABAT RAIKAN PENGANTIN DIRAJA

JERUDONG, 22 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman malam ini berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

Majlis tersebut disembahkan oleh misi diplomatik negara-negara sahabat di negara ini berlangsung di Dewan Royal Berkshire di sini dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Ketua Misi Diplomatik Asing. Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Badr-ud-Deen dan Timbalan Ketua Misi, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry berserta isteri masing-masing.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malek, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis bermula dengan sembah alu-aluan oleh Ketua Misi Diplomatik, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, TYT Badr-ud-deen antara lain menyembahkan penghargaan dan ucapan tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di atas Istiadat Perkahwinan Diraja. Acara kemudiannya disusuli dengan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia memotong kek

perkahwinan diraja serta berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Ketua Misi Diplomatik.

Kemudian pasangan Mempelai Diraja dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain dijunjung bagi Majlis Santap dengan persembahan muzik 'live' dan nyanyian bagi menyeronokkan majlis.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Royal Berkshire, pasangan Mempelai Diraja berkenan menerima junjung ziarah para misi diplomatik asing di negara ini berserta isteri masing-masing.



Liputan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Pg. Rafee PDPHM dan Masri Osman

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Ketua Misi Diplomatik Asing, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, TYT Badr-ud-deen dan isteri (kiri).

PASANGAN Mempelai Diraja memotong kek sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang disembahkan oleh misi perwakilan asing di negara ini (bawah kiri).

MEMPELAI Diraja menerima pesambah yang disembahkan oleh para misi perwakilan asing di negara ini (bawah).



MEMPELAI Diraja berkenan berbual mesra bersama para perwakilan asing dan isteri yang hadir di majlis itu (atas).

DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah berkenan bergambar ramai bersama para diplomat asing dan isteri sebelum majlis berlangsung (kiri).





**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**TAWARAN MENGUSAHAKAN SEKOLAH MEMANDU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Permit Sekolah Memandu Negara Brunei Darussalam akan mengeluarkan Permit bagi mengusahakan Sekolah Memandu khas bagi Daerah Brunei Muara dan Tutong sahaja.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tinggal bermastautin sebagai penduduk tetap Daerah Brunei Muara dan Tutong sahaja dipelawa untuk memohon permit yang disebutkan di atas.

**SYARAT SYARAT PERMOHONAN BAGI MENGUSAHAKAN
SEKOLAH MEMANDU**

A SYARAT PERIBADI

- Pemohon mestilah memiliki lesen memandu Negara Brunei Darussalam yang sah dan mempunyai pengalaman memandu tidak kurang dari 5 tahun dengan tidak mempunyai rekod-rekod kesalahan lalulintas dan jenayah.
- Mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya kelas (1), (3) dan (5).
- Pemohon tidak mempunyai hubungan/kerja dengan pihak Kerajaan atau dengan swasta.
- Setiap pemohon adalah dikehendaki menyertakan satu salinan Bergambar mengenai sebarang dokumen dan Sijil "Business Names Enactment 1958" (Seksyen 16 dan 17) atau memorandum and Article of Association.

- Sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah dan lain-lain dokumen.
- Pemohon hendaklah sentiasa patuh akan peraturan dan sebarang perubahan serta arahan.

B SYARAT SEKOLAH:-

- Pemohon mestilah mempunyai tempat dan bilik yang sesuai yang boleh dijadikan bilik mengajar dan belajar berukuran tidak kurang daripada 4 meter lebar dan 6 meter panjang. Terasing dengan bilik bilik lain dan berkeadaan selamat.
- Pemohon tidak dibenarkan menggunakan mana mana bangunan kerajaan untuk dijadikan sebagai sekolah tempat mengajar dan belajar.
- Bangunan sekolah mestilah ada disediakan satu papan tanda untuk memaparkan nama sekolah berbentuk empat segi bujur mengikut kesesuaiannya dan dapat dilihat dengan jelas.
- Pemohon mestilah sanggup mengadakan sekurang-kurangnya dua (2) buah kenderaan yang sesuai bagi tujuan mengajar dan untuk ujian serta menggunakan warna kenderaan yang telah ditetapkan (putih dan hijau tua) dan menyatakan bilangan pendaftarannya.
- Organisasi Bilik Mengajar dan Belajar:-
 - Meja dan kerusi untuk guru dan penuntut.
 - Papan tulis (Hitam atau putih) berukuran tidak kurang 3 x 4 kaki.
 - Almari dan rak.
 - Berhawa dingin (Air-Condition) atau kipas angin.
 - Televisyen, Vedio Kaset dan Overhead/Slight Projector.
 - Poster-poster dan tanda-tanda jalan (Road Sign), buku-buku dan sumber lain untuk panduan mengajar dan bahan rujukan.

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Pengangkutan Darat, Cawangan Daerah Brunei Muara, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan mestilah sampai di Jabatan Pengangkutan Darat, Cawangan Daerah Brunei Muara, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Rabu, 20

Oktober 2004 bersamaan 06 Ramadan 1425H. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

**JAWATANKUASA PERMIT SEKOLAH MEMANDU
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
JALAN GADONG BE 1110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Rujukan : JPD/PPPBM/5.8.3 Pt.8

JUALAN LELONG



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

JUALAN lelong akan diadakan pada tarikh waktu dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : Hari Isnin, 18 Oktober 2004

Tempat : Jabatan Kemajuan Perumahan,
Bahagian Pemeliharaan,
Jalan Surapit, Perpindahan Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat lelong seperti berikut:-

- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar 'deposit sebanyak 20 peratus daripada harga membeli atau \$ 100.00 bayaran minima' semasa jualan lelong dijalankan jika gagal membuat pembayaran tersebut, jualan yang ditawarkan akan dibatalkan. Untuk menjejaskan bayaran sepenuhnya bagi baki pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
- Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari tempat tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini, akan dirampas dan akan dilelong semula.

**SENARAI BARANG JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
YANG AKAN DILELONG**

BIL	LOT	BG NO	JENIS	LOKASI
1	1	0139	BOT LAJU	BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTIT, JALAN SURAPIT
2	1	-	INJIN SANGKUT JOHNSON 175HP	
3	1	BG 5100	NISSAN PATROL ST/WAGON	
4	1	BG 6188	TOYOTA LAND CRUISER ST/WAGON	
5	1	BG 6557	SUZUKI JEEP METAL TOP	
6	1	BG 6643	ISUZU WATER TANKER	
7	1	BG 7252	SUZUKI HARD TOP	
8	1	BG 7697	SUZUKI HARD TOP	
9	1	BG 7737	SUZUKI HARD TOP	



**HOSPITAL RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN**

JUALAN LELONG KATIL-KATIL PESAKIT TERPAKAI

ADALAH dimaklumkan bahawa Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan mengadakan jualan lelong bagi katil-katil pesakit terpakai/rosak pada:-

Tarikh : Hari Isnin, 11 Oktober 2004

Jam : 9.00 pagi

Tempat : Asrama Jururawat Lama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. (Berhampiran dengan Bangunan Klinik-klinik Pakar)



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran: JTB/KD/KAM/TEND/002/2004

**TAWARAN MEMBERSIH BANGUNAN JABATAN TELEKOM
BRUNEI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BAGI TAHUN
2005 HINGGA 2007**

- PEMBORONG hendaklah berdaftar dengan Jabatan Telekom Brunei.
- Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari Isnin, 25 Oktober 2004 bagi tajuk di atas.

Bilangan Tawaran: JTB/KD/KAM/TEND/003/2004

**TAWARAN MEMBERSIH BANGUNAN JABATAN TELEKOM
BRUNEI, TELEPHONE HOUSE JALAN SUMBILING
BAGI TAHUN 2005 HINGGA 2007**

- PEMBORONG hendaklah berdaftar dengan Jabatan Telekom Brunei.
- Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari Isnin, 1 November 2004 bagi tajuk di atas.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Borang-borang Tawaran, Dokumen serta penerangan lanjut diperolehi dari Tingkat 2, Unit Pendaftaran pemborong, Pengeluaran Tawaran dan Sebutarga, Bangunan Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran berjumlah \$ 100.00 bagi setiap satu tawaran di atas (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN LEMBAGA BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**TAWARAN RUANG BILIK DI TINGKAT BAWAH
BANGUNAN PERHENTIAN TEKSI JALAN MCKERRON, KUALA
BELAIT**

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyewaan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
- Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Belait.
- Kekosongan ruang adalah diperuntukkan untuk kedai dan kegiatan yang bersesuaian sahaja.
- Keterangan mengenai ruang yang ditawarkan dan contoh surat perjanjian penyewaan kedai berserta dengan borang permohonan boleh didapati di Kaunter Bahagian Perlesenan Jabatan Bandar Kuala Belait dan Seria dengan kadar bayaran \$ 2.00 sekeping.
- Yuran Tawaran (Tender Fee) sebanyak \$ 50.00 dan tidak dikembalikan. Waktu penerimaan Yuran Tawaran adalah seperti berikut:-
Hari Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari
1.30 petang hingga 3.00 petang
Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
- Penyewa/pengurus adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
- Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration Business Names Act) Bab 16 & 17 hendaklah disertakan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN RUANG BILIK DI TINGKAT BAWAH BANGUNAN PERHENTIAN TEKSI JALAN MCKERRON KUALA BELAIT tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat tidak lewat pada hari Isnin, 18 Oktober 2004 jam 11.30 pagi.
- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di Kaunter Bahagian Perlesenan Pejabat Bandar Kuala Belait dan Seria.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**LEMBAGA MELESEN
PENGANGKUTAN BERMOTOR
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN : (04) MTLA/TM/2004

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DAN MEMASANG
60 BUAH METER TEKSI BAGI TEKSI-TEKSI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk membekalkan Meter Teksi bagi teksi-teksi di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dengan sampul surat yang bertutup rapat dan hendaklah ditulis/ di tandakan "(04)MTLA/TM/2004" -
3. TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DAN MEMASANG METER TEKSI SEBANYAK 60 BUAH BAGI TEKSI-TEKSI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Sabtu 9 Oktober 2004 jam 11.30 pagi. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Wang Bayaran Tawaran (Tender Fee) hendaklah dibayar dan dijelaskan di Urusetia, Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor, Tingkat 2, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam sebanyak \$ 100.00 (tunai) dan seterusnya bolehlah memperoleh syarat-syarat tawaran dan penerangan lanjut mengenainya. Bayaran tawaran ini tidak akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.

**TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG TEKSI METER
KEPADA SEMUA TEKSI-TEKSI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : 04/2004**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor akan mengeluarkan kebenaran untuk menjadi Pembekal dan Memasang Teksi Meter kepada semua teksi-teksi di Negara Brunei Darussalam.

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan koperasi-koperasi yang memenuhi syarat-syarat berikut untuk menjadi Pembekal dan memasang Teksi Meter kepada semua teksi di Negara Brunei Darussalam.

- 1.1 Ahli-ahli syarikat/koperasi yang berkenaan, hendaklah terdiri dari warga Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Ahli-ahli syarikat (dikecualikan ahli-ahli koperasi) hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, syarikat-syarikat atau firma-firma, sama ada bergaji bulat atau bergaji hari.
- 1.3 Berpengalaman dan mempunyai sumber kewangan/ kemampuan untuk membekal dan memasang seperti yang disebutkan di atas.
- 1.4 Mempunyai pejabat dan
- 1.5 Bengkel yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

2. **SPESIFIKASI/ JENIS METER TEKSI**
Jenis atau model meter yang dikehendaki bagi pembekal adalah mempunyai seperti berikut:-

- 2.1 Window design to indicate:-
 - * Fare / Tambang (B\$)
 - * Actual Distance / Jauh Perjalanan (Km)
 - * Waiting Time / Masa Menunggu (mm:ss)
 - * Surcharge / Bayaran Tambahan (Luggage etc)
- 2.1.1 Compact Micro-Thermal Printer for Fare Receipt
- 2.1.2 6 Kinds of Business Record Memo



**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

No. LA/182/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah **Amit binti Yassin** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Mohamad bin Musa** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **28 September 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 8 September 2004.

No. LA/187/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Ya'akob bin Daud** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Saimah binti Abu Bakar** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

